

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 29**

**Isnin**

**17 Disember 2007**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2008 (Halaman 38)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 17 Disember 2007**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Pertahanan menyatakan, apakah keupayaan kapal selam Scorpene kepada sistem pertahanan negara. Bagaimanakah pula kemampuan TLDM untuk menyelenggarakan kapal selam tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab, ingin saya menyatakan betapa bangganya kita dengan kehadiran Yang Amat Berhormat.

**Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]:** Terlebih dahulu izinkan saya menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee yakni pada hari ini; dan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Husin pada 18 Disember 2007 secara bersekali, kerana ianya menyentuh perkara yang berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kapal selam merupakan satu aset strategik dalam platform yang boleh memainkan peranan yang amat besar dalam peperangan maritim serta merupakan aset tempur yang paling berbahaya kepada kapal-kapal permukaan. Pengoperasian kapal selam pula mampu memberikan kelebihan kepada pengendalinya, kerana ciri-ciri halimunan ataupun *stealth* yang dimiliki kapal selam menyukarkan pihak lawan untuk mengesan kedudukan kapal selam tersebut. Kapal selam ini berfungsi dan berperanan untuk melaksanakan pelbagai tugas dan misi seperti pengawasan perairan, pengumpulan data perisikan, menyekat jalur perhubungan laut ataupun *sea lines of communications*, melancar serangan torpedo dan *missiles* serta memasang dan mengaktifkan periuk api. Kapal selam ini juga berupaya melaksanakan operasi khas melibatkan penyusupan Pasukan Khas Laut ataupun PASKAL.

Tuan Yang di-Pertua, faktor *reactor superiority* yang dimiliki oleh kapal selam dianggap mempunyai unjuran kuasa strategik yang begitu penting dan merupakan salah satu asas kepada dasar pertahanan negara yang meletakkan prinsip cegahan rintang atau *deterrents* bagi

mengelak pihak luar, dari bertindak secara agresif terhadap kepentingan negara. Pembelian kapal selam ini tidak dilihat sebagai ancaman kepada keselamatan dan keamanan serantau kerana perolehan aset-aset ATM tidak berasaskan kepada ancaman atau *threat base*. Malah negara serantau seperti Singapura dan Indonesia telah lama memiliki dan mengoperasikan kapal selam.

Tuan Yang di-Pertua, kos keseluruhan pembelian dan penyelenggaraan kapal selam tersebut bernilai Euro 1.084 bilion. TLDM mampu menyelenggarakan kapal selam di peringkat organisasi atau *organization level maintenance* dan sebahagian dari senggaraan peringkat pertengahan atau *intermediate level maintenance*. Kontrak sedia ada turut merangkumi latihan untuk penyelenggaraan pangkalan atau *base maintenance* untuk warga TLDM di negara pembuat kapal selam tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dr. Puad kemudian Datuk Syed Ali kemudian Tuan Ahmad bin Husin, kerana mereka mengemukakan pertanyaan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah Dato' Sri kerana berdasarkan satu kajian *military* dipilih sebagai satu institusi yang paling dipercayai di Malaysia. Pertanyaan tambahan saya ialah setelah Shukoi kini Scorpene, maka apakah kerajaan bercadang untuk memperlengkapkan keyakinan terhadap pertahanan negara ini dengan pembelian senjata canggih yang lain AWACS ataupun kereta kebal yang berteknologi tinggi, dan untuk mengangkasakan sistem pertahanan moden negara. Ketahanan iaitu senjata canggih dan ketahanan pembangunan modal insan tidak boleh dipisahkan. Maka apakah perancangan kerajaan untuk menjadikan bidang ketenteraan ini sebagai bidang karier yang ada masa depan, yang berdaya saing dan kompetitif terutamanya melalui Universiti Pertahanan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya program untuk kita meneruskan pembangunan ATM adalah selaras dengan konsep pemodenan ATM dan proses ini akan berjalan mengikut kemampuan kewangan kerajaan. Oleh itu selain daripada aset-aset yang canggih, yang kita telah peroleh setakat ini, kita ada perancangan untuk menambahkan lagi tetapi tidaklah sampai satu peringkat di mana kita dilihat sebagai boleh mencetuskan satu perlumbaan senjata di rantau ini. Segala-gala perancangan itu adalah berdasarkan kepada hasrat kita untuk mewujudkan satu angkatan yang *credible* dan berwibawa dan setanding dengan status negara kita.

Jadi dengan perkembangan negara kita semakin maju dari segi ekonominya, maka sistem pertahanan negara kita mesti juga sejajar dengan pembangunan dan status negara kita. Tuan Yang di-Pertua, tidak ada maknanya kalau kita hendak menjurus kepada sebuah negara maju tetapi kemampuan pertahanan kita macam dunia yang ketiga.

**■1010**

Ia tidak ada makna sama sekali. Jadi inilah falsafah kita yang kita akan terus usahakan. Dari segi pembangunan modal insan Tuan Yang di-Pertua, memang menjadi hasrat kerajaan untuk terus melakukan penambahbaikan kepada skim perkhidmatan angkatan tentera. Antara langkah-langkahnya termasuklah kenaikan gaji yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini, penubuhan Universiti Pertahanan yang baru di mana kita telah menaikkan taraf ATMA menjadi sebuah universiti dan universiti ini akan dijadikan sebagai saluran utama untuk kita memperoleh calon-calon yang berkelulusan tinggi dan berwibawa untuk menjadi pemimpin dan pegawai dalam Angkatan Tentera Malaysia. Yang ketiga ialah untuk menambahkan lagi perjawatan-perjawatan supaya *career path* mereka Tuan Yang di-Pertua, menjadi lebih baik dan mereka merasakan mereka dapat *job satisfaction* apabila mereka berkhidmat dalam ATM.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri yang menjawab sendiri soalan yang dikemukakan. Soalan tambahan saya, apakah ada perjanjian tambahan yang dibuat di mana pembelian Scorpene disertai dengan janji Perancis untuk memindahkan teknologi kapal selam ataupun teknologi pertahanan moden lain kepada negara kita, Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Sri Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Kita telah mencapai persefahaman dengan negara Perancis terutama sekali dari segi penyelenggaraan kapal selam, dan juga kerjasama dengan angkatan laut Perancis kerana untuk kita mengendalikan kapal selam sebagai satu aset strategik, kita perlu memahami selok-belok penggunaan kapal selam dari segi *tactical* nya, *tactical use* kapal selam dalam keadaan situasi di mana ianya perlu di *deploy* sebagai satu aset yang strategik, memerlukan input daripada angkatan tentera laut yang ada pengalaman menggunakan kapal selam dalam operasi. Jadi, inilah kedua-dua aspek yang kita ada kerjasama dengan pihak Perancis.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Dato' Sri. Saya ada beberapa soalan. Apakah jenis sokongan dan perkhidmatan koordinasi yang boleh diberikan oleh Perimekar Sdn. Bhd. yang telah diberi kontrak selama enam tahun. Yang kedua, kenapa Kementerian Pertahanan tidak melaksanakan kerja-kerja ini memandangkan mereka mempunyai *expertise*, pengalaman dan integriti. Yang ketiga, benarkah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua saja Yang Berhormat. Peraturan Mesyuarat membenarkan dua pertanyaan.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih.

**Dato' Sri Najib bin Tun Haji Abdul Razak:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpendapat bahawa kerja-kerja seperti ini lebih mudah kalau kita *outsource* kan, dan kita dapat menentukan bahawa perkhidmatan yang kita dapat berikan di luar negara itu dapat diberikan pada tahap kualiti yang diharapkan oleh angkatan tentera kita, TLDM. Jadi sebab itulah, kita *outsource* pada Syarikat Perimekar, tetapi LTAT ada kepentingan besar dalam syarikat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan Negara sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih... [Tepuk] Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain dan begitu juga Dewan Negara menyatakan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri sendiri... [Tepuk]

**2. Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, dalam usaha kerajaan dalam membentuk Universiti APEX yang berasaskan penyelidikan, adakah pihak kementerian merancang untuk menyerap masuk institut-institut penyelidikan kerajaan yang sedia ada seperti RRI dan MARDI yang memang telah terkenal di persada dunia untuk kejayaan penyelidikan supaya memberi suatu *jumpstart* kepada universiti-universiti ini.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah yang dijadualkan hari Rabu, lusa berkaitan Universiti APEX.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya benarkan.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Universiti APEX ditubuhkan Insya-Allah dalam sedikit masa lagi, iaitu pada hujung tahun depan, itu perancangannya. Kita tidak ada rancangan, kita harapkan beberapa institusi penyelidikan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Tajul Urus iaitu RRI dan MARDI.

MARDI sekarang ini di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan RRI adalah di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi tetapi yang penting, kita akan tetap menjalin hubungan yang akrab, yang baik antara Universiti APEX yang dicadangkan itu dengan beberapa institusi penyelidikan yang ternama di negara kita dan juga di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Universiti APEX ini kita cadang ditubuhkan untuk membina kekuatan pengajian tinggi di negara kita. Pada masa ini, antara isu yang dibangkitkan ialah kualiti institusi pengajian tinggi dalam negara kita dan kemampuan IPTA khususnya untuk bersaing dengan universiti tersohor di luar negara. Oleh itu, kita bermatlamat untuk membina pusat akademik yang unggul di negara kita supaya kita dapat menyaingi kemasyhuran beberapa universiti ternama di dunia.

Pada 27 Ogos yang lalu apabila dilancarkan Pelan Strategi Pengajian Tinggi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri antara lain menyebut tentang 3A. Yang pertama, cadangan menubuhkan Universiti APEX, yang kedua untuk memberikan lebih autonomi kepada universiti, yang ketiga ialah untuk melaksanakan akademik audit terhadap universiti di negara kita. Maka kerja-kerja untuk melaksanakan cadangan ini sudah pun berjalan. Kita sudah tubuhkan satu jawatankuasa Universiti APEX dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Zawi Ismail, mantan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak, seorang tokoh yang kita yakin mampu untuk memberi kepimpinan kepada usaha-usaha untuk mengenal pasti satu atau dua universiti yang boleh kita lonjatkan di persada antarabangsa.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan langkah ini, ia bukan satu langkah yang akan memberi hasil ataupun kesan serta-merta, ia merupakan langkah yang akan membina satu tapak dan asas yang kukuh untuk membolehkan satu dua universiti negara kita bersaing dengan yang terbaik di dunia, dan dengan itu meningkatkan ranking universiti negara kita yang akhir-akhir ini mendapat perhatian umum dalam Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Tajul selepas itu Dato' Dr. Norraesah.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan, dalam usaha kita membangun dan memajukan institusi pengajian tinggi awam ke arah kecemerlangan dan juga menjadi institut penyelidikan berwibawa, adakah pihak kementerian bercadang untuk memastikan setiap IPTA kita mempunyai akreditasi antarabangsa seperti dengan izin, *The Association of Advance College School of Business* atau ringkasnya AACSB untuk Fakulti Pengajian Perniagaan dan lain-lain bentuk akreditasi lagi. Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Akreditasi antarabangsa adalah penting bukan saja untuk meningkatkan kecemerlangan kualiti universiti di negara kita, tetapi juga untuk membolehkan pelajar-pelajar asing belajar di negara kita. Kalau diakreditasi di seluruh dunia, sudah pasti ia akan menarik lebih ramai pelajar kita untuk belajar dalam negara dan juga pelajar asing untuk belajar di negara kita.

Mengenai akreditasi dalam bidang Pengurusan Perniagaan, saya ingin maklumkan di sini bahawa proses sudah pun bermula dan kerajaan ada perancangan untuk memastikan bahawa Fakulti Pengurusan Perniagaan di dua buah universiti iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia di naik taraf supaya dapat dibina pusat kecemerlangan di peringkat antarabangsa. Dalam usaha untuk membina kekuatan khususnya Program MBA di kedua-dua buah universiti tersebut, kita sudah pun mula berusaha untuk memastikan lebih banyak lagi agensi atau institut antarabangsa memberi akreditasi kepada kedua-dua program yang sedang berjalan di dua buah universiti iaitu di Universiti Kebangsaan dan juga UPM.

Dalam pada itu, ini bukan bermakna kita mengetepikan program-program yang sama di universiti lain, kita nak meningkatkan kualiti semua fakulti di seluruh negara, tetapi dalam dunia penuh persaingan ini, kita harus pilih satu dua yang mampu kita angkat ke persada antarabangsa. Itulah rasional kenapa dalam bidang pengajian pengurusan perniagaan ini. Buat masa ini kita memilih Fakulti Pengurusan Perniagaan di UPM dan UKM untuk dimasyhurkan lagi di peringkat antarabangsa.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri.

■ 1020

Soalan tambahan saya ialah, kita hendak menyamakan universiti-universiti APEX ini dengan universiti-universiti tersohor yang sudah lama mempunyai tradisi akademik yang begitu

baik. Jadi dalam jangka masa berapa tahun kah, kita dapat menjangkakan bahawa universiti-universiti yang kita akan kenal pasti untuk melonjakkan mereka menjadi universiti APEX ini akan dapat mencapai tahap itu.

Keduanya, adakah lebih baik kalau kita mengizinkan atau membiarkan beberapa universiti menonjolkan diri mereka untuk menjadi universiti yang mempunyai potensi tersohor daripada mengenal pasti dengan awalnya. Terima kasih.

**Dato' Mustapha Mohamed:** Kita akan menubuhkan jawatankuasa, jawatankuasa akan memperakukan kepada kerajaan dan proses ini terserah kepada universiti untuk mencapai status universiti terkemuka di dunia. Kita tidak boleh tunggu. Kalau tengok memanglah betul kata Yang Berhormat tadi, ada tradisinya, beratus tahun sebelum sebuah universiti itu dapat menjadi sebuah universiti tersohor tetapi oleh kerana kita menghadapi saingan yang sengit, maka itu kita harus mengenal pasti satu, dua institusi. Apa yang perlu kita lakukan apabila kita kenal pasti ialah kita pastikan dari segi pensyarah universiti itu terkenal, pensyarahnya tersohor, pelajar tersohor, penerbitan yang terbaik.

Jadi apa kerajaan bercadang buat ialah boleh kenal pasti maka dari segi pensyarahnya terbaik termasuklah pensyarah daripada luar negara, pelajar-pelajarnya berbilang dan penerbitannya juga terbaik. Itu sebabnya kita mengambil pendekatan untuk memilih satu, dua. Kalau kita tunggu proses yang secara natural, ia akan mengambil masa yang lama. Jadi kita harap dengan kita membuat *clarification* tersebut dengan izin, maka kita akan mendapat capai status dalam tempoh masa yang lebih dekat.

Mengenai soalan bila kita mencapai status tersebut? Ini satu persoalan yang sukar untuk kita jawab. Kalau boleh mahu esok lusalah tetapi kita tahu ini mustahil. Kita harus punya misi, harapan kita tetapi di dalam pelan strategik kita ada perancangan tahun 2015 macam mana, 2020 macam mana. Jadi kita harap tahun 2020 kita akan ada beberapa buah universiti yang akan menjadi universiti tersohor di dunia. Jadi ia satu program jangka sederhana. Ia bukan satu inisiatif yang dapat menghasilkan hasil esok lusa tetapi lebih berbentuk sederhana dan juga jangka panjang. Terima kasih.

**3. Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, apakah sebabnya sebahagian besar para profesional berhijrah ke negara-negara luar dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan golongan profesional ini tidak berhijrah ke luar negara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat menjawab saya ingin menyatakan bukanlah Dewan Negara kurang menghargai Timbalan Menteri ini...*[Tepuk]*

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang mengamalkan ekonomi pasaran terbuka, setiap individu mempunyai kebebasan untuk memilih pekerjaan di dalam mahupun di luar negara. Kerajaan

tidak dapat menghalang mana-mana pihak atau individu untuk bekerja di luar negara asal mereka.

Pelbagai faktor yang mendorong sebahagian golongan profesional tempatan untuk bekerja di luar negara di antaranya adalah satu faktor gaji lumayan yang ditawarkan oleh sesetengah syarikat asing di luar negara seperti Singapura dan Timur Tengah, telah mendorong banyak golongan profesional dalam bidang seperti hospitaliti, pembinaan, kewangan, perniagaan, ICT, perubatan dan kejururawatan berpindah ke negara asing.

Kedua, sikap sesetengah pelajar yang enggan pulang ke tanah air setelah tamat pengajian di luar negara. Ini disebabkan faktor gaji yang tinggi ditawarkan. Peluang meningkatkan kemahiran dan kemudahan asas serta infrastruktur yang maju di negara tersebut, yang mampu memberikan keselesaan hidup selain daripada untuk menimba pengalaman. Kerajaan tidak menghalang golongan profesional ini berhijrah ke luar negara kerana kita mengamalkan dasar yang terbuka.

Walau bagaimanapun, pengalaman yang diterima di negara asing itu boleh dimanfaatkan di negara kita apabila mereka ini kembali ke tanah air melalui program menggalakkan warganegara Malaysia yang berkepakaran pulang ke Malaysia semenjak tahun 2001 yang lalu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Omar, kemudian Dato' Lee Sing Chooi, kemudian Ir. Hiang A Li.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah, berapakah jumlah pekerja kita yang bertaraf profesional yang bekerja di luar negara dan apakah insentif-insentif yang lebih menarik, yang telah kerajaan beri kepada profesional kita supaya mereka ini tidak berhijrah ke luar negara.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih. Dianggarkan pekerja Malaysia bekerja di luar negara setakat ini ialah dalam lingkungan 350 ribu orang. Dari jumlah itu, seramai 240 ribu orang tertumpu di negara Singapura. Dari jumlah keseluruhan 350 ribu itu, 20% adalah dalam kalangan profesional dan bakinya adalah pekerja-pekerja am yang biasa. Di antara galakkan ataupun insentif yang diberikan kepada profesional Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang bekerja di Malaysia ialah:

- (i) semua barangan persendirian yang dibawa balik dikecualikan daripada cukai;
- (ii) dua buah kereta yang dibawa balik dikecualikan daripada duti import, duti *exercise* dan cukai jualan dengan syarat kereta tersebut telah didaftarkan sama ada pada nama suami, isteri ataupun anak, sekurang-kurangnya enam bulan di negara pemohon menetap:

- (iii) isteri atau suami dan anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap PR dalam tempoh enam bulan selepas balik ke Malaysia;
- (iv) anak-anak pemohon yang sedia ada, diberi kelonggaran memasuki sekolah antarabangsa apabila kembali ke Malaysia nanti;
- (v) kerajaan telah membatalkan syarat pemilikan kenderaan dan perlindungan insurans selama enam bulan di negara asal. Ini bermakna pemohon boleh membeli kereta pada bila-bila masa sahaja sebelum kembali ke Malaysia;
- (vi) seterusnya pemohon-pemohon yang menetap di negara yang menggunakan sistem pemanduan sebelah kiri, *left hand drive* dibenarkan membeli dan membawa masuk kereta daripada negara ketiga yang menggunakan pemanduan sebelah kanan; dan
- (vii) bagi pemohon yang tidak dapat membawa balik kereta import ke Malaysia atas sebab tertentu, dibenarkan membeli kereta yang di pasang di kilang di dalam negara dan layak mendapat pengecualian duti *exercise* dan cukai jualan, dan bilangan dihadkan kepada dua buah sahaja.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Dato' Lee Sing Chooi.

**Dato' Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan gaji yang lumayan dan juga infrastruktur yang lebih canggih di luar negara, apakah sebab-sebab yang lain yang menyebabkan mereka ini berhijrah dan bekerja di luar negara? Adakah perkara-perkara di tanah air kita ini seperti keselamatan awam, yang lain-lain faktor itu juga menyebabkan mereka berhijrah? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sejauh daripada kajian kita, tidak ada langsung sebab-sebab mereka enggan pulang disebabkan oleh kurangnya rasa selamat ataupun keselamatan tidak terjamin di negara kita, ataupun faktor-faktor hubungan kaum dan sebagainya tapi boleh dikatakan, mereka itu suka bekerja di luar negara disebabkan:

- (i) ingin menimba pengalaman;
- (ii) lazimnya mereka itu menuntut ilmu ataupun pelajaran di negara berkenaan dan mereka mula menghayati kehidupan, budaya dan sosial di negara berkenaan; dan
- (ii) disebabkan faktor gaji yang lebih menarik ataupun lebih lumayan jika dibandingkan di negara kita sendiri.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Hiang A Li.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bilangan profesional yang telah berhijrah di luar negara begitu besar, apakah impak atas pembangunan dalam negara kita. Kedua, sejauh mana berjaya untuk memastikan golongan profesional tidak berhijrah ke luar negara apabila langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian. Terima kasih.

■ 1030

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Penghijrahan pekerja Malaysia ke luar negara sebenarnya tidak memberikan impak yang buruk ataupun kesan yang buruk kepada pembangunan negara. Memang menjadi satu trend mana-mana negara maju dalam dunia ini, kita dapati rakyat mereka berhijrah ke luar negara. Malah boleh saya katakan, Malaysia adalah merupakan satu-satunya negara dalam Benua Asia dan juga merujuk kepada Asia Tenggara yang jumlah pekerjaannya paling sedikit keluar mencari pekerjaan di negara lain. Dalam konteks ini juga, kita sedar bahawa ia tidak membawa kesan yang buruk. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Rawisandran Narayanan dan sekali gus Dewan Negara menyatakan penghargaan di atas...*[Gangguan sistem pembesar suara]* ...Untuk beliau... *[Tepuk]*

4. **Tuan Rawisandran a/l Narayanan** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah tindakan tegas yang diambil oleh kementerian bagi menentukan pusat jagaan berkediaman atau pusat jagaan harian bagi orang kurang upaya, kanak-kanak, serta warga emas yang dikendalikan oleh orang perseorangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan swasta, dapat menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan mematuhi peraturan yang ditetapkan.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yakin bahawa melalui penguatkuasaan Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2007 semua pusat jagaan harian dan berkediaman bagi orang kurang upaya, kanak-kanak, serta warga emas yang berdaftar di bawah akta ini, akan menyediakan perkhidmatan yang lebih bermutu dan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Kegagalan pusat-pusat jagaan menyediakan perkhidmatan yang bermutu dan tidak mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan, beberapa tindakan undang-undang mengikut akta yang baru dipinda boleh diambil seperti berikut:

- (i) seksyen 11, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat boleh membatalkan pendaftaran sesuatu pusat jagaan jika berlaku apa-apa pelanggaran atau ketidakpatuhan kepada apa-apa peraturan yang telah ditetapkan di dalam Akta Pindaan;
- (ii) seksyen 16(a), Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat atau mana-mana pegawai diberi kuasa, juga berkuasa untuk mengelak atau

*seal* sesebuah pusat jagaan yang tidak berdaftar dan memastikan operasinya dihentikan;

- (iii) seksyen 21, pendakwaan boleh dibuat bagi sesuatu kesalahan di bawah akta yang dipinda atau mana-mana peraturan di bawah akta setelah mendapat izin pendakwa raya;
- (iv) seksyen 21(a), Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan keizinan pendakwa raya boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang terhadap akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah akta; dan
- (v) kompaun maksimum berjumlah RM5,000 dan kegagalan menunaikan kompaun boleh menyebabkan pusat jagaan dikenakan denda maksimum RM10,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Hajah Samsiah, Puan Siw Chun dan Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Menteri yang menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya ialah, apakah kemudahan atau sumbangan kementerian kepada orang perseorangan atau pertubuhan NGO untuk pusat penjagaan harian dan berkediaman ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat sekian lama telah pun memberi geran-geran kepada pusat-pusat jagaan yang diiktiraf atau didaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Keperluan pertama ialah mereka yang menjaga penghuni-penghuni di pusat jagaan ini mestilah menentukan kaedah minimum, *minimum standards* dengan izin, di praktis kan di pusat-pusat jagaan tersebut. Dan kepada mereka yang ingin mewujudkan pusat-pusat jagaan yang baru di bawahnya, bolehlah membuat permohonan geran di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, tetapi akhirnya terpulung kepada kaedah-kaedah yang telah pun ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Saya nak ambil kesempatan di sini untuk memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pihak kami di kementerian melalui jabatan, kita tidak akan kompromi tentang standard penjagaan yang diberi kerana didapati bahawa ada sesetengah pusat jagaan apabila ditubuhkan tidak mengikut kaedah-kaedah yang sepatutnya diberi terutama dari segi penjagaan, *training* dalam pusat penjagaan, kebersihan dan lain-lain. Jadi saya nak maklumkan bahawa salah satu sebab akta ini dipinda adalah untuk meningkatkan standard jagaan yang diberi kepada penghuni-penghuni di semua pusat-pusat jagaan yang ada di Malaysia. Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan pusat-pusat jagaan harian bagi OKU, kanak-kanak serta warga emas yang diwujudkan dan dikendalikan oleh pihak

kerajaan sendiri setakat ini? Dan syarat-syarat, apakah syarat-syarat dan kriteria yang wajib dipatuhi oleh NGO ataupun swasta sebelum mendapat kelulusan menjalankan perkhidmatan ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Yang Berhormat, saya nak maklumkan bahawa jawapan yang spesifik itu akan saya beri secara bertulis tetapi setakat ini institusi di bawah JKM adalah lebih kurang 60. Dan pusat jagaan yang dioperasikan, yang didaftarkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah dalam lingkungan 190 pusat jagaan di seluruh negara. Terima kasih.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Akta telah diluluskan namun demikian, adakah kementerian telah bekerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi mengarahkan semua pelan-pelan perumahan yang diluluskan melalui PBT mesti juga menyediakan pusat-pusat jagaan ini, agar ia disetempatan dan tidak berseparah di merata-rata serta memberi kesenangan kepada ibu-ibu dan juga orang-orang tua ini ditempatkan di kawasan yang sama. Terima kasih.

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana bertanya soalan yang begitu bermakna sekali. Sebenarnya Yang Berhormat, ini menjadi perjuangan kami di kementerian sebab pada akhirnya, kalau pihak berkuasa tempatan tidak menghayati perjuangan kami di kementerian, memang ia tidak akan berkesan. Sebab itu Yang Berhormat, di bawah pindaan ini, harapan kami ialah terutamanya pihak berkuasa tempatan di dalam meluluskan perancangan-perancangan, mesti mengambil inisiatif untuk menentukan bukan hanya ada pusat jagaan harian untuk warga emas, orang kurang upaya dan lain-lain tetapi kemudahan komuniti sama ada seperti pusat komuniti ataupun tempat untuk wanita menjalankan program-programnya, taska, tadika dan lain-lain.

Jadi kami di kementerian, terutama di Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, kita minta supaya mereka menjadi PBT yang jadi contoh. Pada masa yang sama isu ini akan diketengahkan terutama kepada Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya menentukan pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri mereka menghayati perjuangan kita. Terutamanya Tuan Yang di-Pertua, negara kita dalam masa 10 tahun akan menjadi negara menua, di mana kalau kita tidak mengambil..., kita tidak buat perancangan pada hari ini untuk menyiapkan prasarana untuk warga yang akan menua, maka satu hari kelak Tuan Yang di-Pertua, kita akan dihipit dengan masalah itu. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kedua-dua wanita dan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka ungkapan itu, 'dihimpit oleh masalah, dihimpit dengan masalah'....

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dah lupa apa yang saya nak cakap... [Ketawa]

**Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan bahawa sebenarnya perancangan mesti dibuat pada masa kini supaya apabila menjelang negara menua, maka kita tidak akan terkapai-kapai nanti. Dan harapan kami di kementerian begitu tinggi sekali bahawa pihak berkuasa tempatan seperti mana Ahli Yang Berhormat menyarankan akan menghayati perjuangan kami di kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Khoo Soo Seang.

**5. Tuan Khoo Soo Seang** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan pemaju-pemaju projek perumahan untuk menyerahkan kunci bangunan kepada pembeli rumah sebelum bangunan-bangunan yang berkenaan sesuai diduduki walaupun sudah siap dibina.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini ada dua keadaan.

■1040

Satu keadaan dulu dan satu keadaan baru. Di dalam keadaan dulu ikut peraturan yang ada pada masa sekarang. Dalam perjanjian jual beli, peraturan 11 klausa 23, Jadual G dan klausa 27, Jadual H, menyatakan bahawa pemaju hanya boleh menyerahkan kunci kepada pembeli setelah pemaju mendapat sokongan berikut, iaitu:

- (i) satu perakuan yang ditandatangani oleh arkitek pemaju yang memperakui bangunan tersebut telah dibina dan disiapkan dengan sewajarnya mengikut segala akta undang-undang kecil dan peraturan yang *relevant*, dan segala syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, berkaitan dengan mengeluarkan perakuan layak menduduki telah dipatuhi dengan sewajarnya; dan
- (ii) satu surat pengesahan daripada PBT yang memperakui bahawa Borang 'E' yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua kepada undang-undang kecil telah diserahkan dengan sewajarnya oleh pemaju, serta diperiksa dan diterima oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Sepatutnya jika kelulusan Borang 'E' telah diperoleh oleh pemaju daripada PBT, maka sokongan daripada agensi berkaitan telah pun diperoleh. Ini bermakna bangunan tersebut telah disiapkan untuk diduduki. Sekiranya berlaku kes-kes pengesahan arkitek yang tidak betul berhubung rumah yang telah siap dibina, tindakan undang-undang boleh diambil terhadap arkitek berkenaan selaras dengan seksyen 22F Akta Pemaju Perumahan yang dikuatkuasakan pada April tahun ini.

Selain itu pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga boleh melaporkan kesalahan perilaku seorang arkitek tersebut kepada Lembaga Arkitek Malaysia selaras dengan seksyen 13A, Akta Pemajuan Perumahan, tetapi seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada tahun ini pemindaan telah dibuat kepada satu konsep baru iaitu CCC yang akan

dikuatkuasakan daripada 1 Januari yang akan datang, menggunakan peraturan-peraturan baru, di mana semasa CCC *vacant possession* diberi, CCC pun akan diisytiharkan. Oleh itu masalah yang dihadapi dahulu tentang bangunan yang disiapkan, tetapi tidak mempunyai CFO tidak akan wujud lagi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Koo Soo Seng, kemudian Datuk Dr. Lee Chong Meng, kemudian Datuk Soon. Sebelum Yang Berhormat kemukakan pertanyaan tambahan, suka saya bagi pihak Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai dari *National Assembly Service Commission*, Nigeria.

**Tuan Khoo Soo Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dari segi penyerahan *vacant possession*, apakah tanggungjawab arkitek? Misalannya, walaupun bangunan itu siap dibina tetapi mutu bangunan ini tidak memuaskan, misalnya ada bocor dan sebagainya, dan sekiranya jalan yang dibina ini tidak boleh diterima oleh pihak berkuasa tempatan, adakah itu tanggungjawab arkitek ataupun *engineer* yang bertanggungjawab? Sekian, terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam sistem baru iaitu CCC, semasa permohonan perancang pembangunan dibuat, pihak berkuasa tempatan akan mensyaratkan beberapa keperluan kepada pihak arkitek atau *engineer* untuk memastikan bahawa segala syarat yang ditetapkan itu, dipatuhi semasa pembinaan dibuat. Lepas itu mereka sebagai profesional yang bertanggungjawab, diharap akan bertindak dengan tanggungjawab dan memastikan semasa mereka mengesahkan bahawa segala syarat-syarat yang ditetapkan itu dipenuhi, dipatuhi daripada segi profesionalisme mereka dan bila mereka mengesahkan bahawa perkara ini sudah dibuat secara memuaskan, mereka sebagai seorang profesional bertanggungjawab kepada pengesahan itu. Kalau ada apa-apa perkara di mana kerja itu tidak memuaskan, mereka *liable* sebagai *professional liability* dan pindaan telah dibuat kepada akta-akta profesional mereka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat...

**Dr. S. Subramaniam:** ...Di mana perkara ini boleh diambil kira. Saya habiskan jawapan saya dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Yang Berhormat habiskan jawapannya.

**Dr. S. Subramaniam:** Biar saya habiskan jawapan dulu. Semasa mereka buat ini, segala infrastruktur yang ada di situ termasuklah jalan, dan *loan*, ada peraturan-peraturan di dalam peraturan baru supaya disahkan, bahawa ini semua dibina mengikut apa yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan. Oleh itu, kita berharap akan memastikan mutu dan segala pembinaan yang berlaku di dalam projek itu ialah seperti yang diharapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum Yang Berhormat bangun, suka saya beri penjelasan, agaknya saya belum sebut perkara ini, semenjak Yang Berhormat angkat sumpah sebagai ahli

baru. Dalam Dewan ini, bila sesuatu pertanyaan dikemukakan, bukan seperti di sekolah atau dalam peperiksaan, jawapan itu mesti tepat.

Dalam Dewan ini yang menjawab atau kerajaan boleh jawab dengan berhemah atau berhelah, ataupun tak mahu jawab langsung. Bermakna kalau kita tanya lain, dia jawab lain, mungkin itu disengajakan. Sekarang adakah Yang Berhormat ada kesangsian?

**Tuan Khoo Soo Seng:** Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya ingin tanya lagi. Oleh kerana yang saya hendak tahu adalah keadaan sekarang bukan yang tahun depan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat cuba leraikan kesangsian ini.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, pemindaan dan perubahan dibuat dengan tujuan mengatasi kelemahan yang ada pada masa sekarang. So, jawapan saya adalah wujud kepada arah hadapanlah. Bukan tengok ke belakang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukankah saya sudah beri amaran tadi?... [Ketawa] Datuk Lee Chong Meng.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada saya, pandangan saya ialah Kementerian perlulah mengambil tindakan yang tegas tentang pemaju yang tidak bertanggungjawab. Kerana saya ada terima *complain*, apakah tindakan perlu diambil oleh Kementerian jikalau pemaju itu sudah bankrap, tetapi bank-bank pun sudah membayar semua pinjaman pembeli kepada pemaju itu dan sudah melebihi 10 tahun projek itu tak selesai. Lambat CF, lambat kunci dan lambat bekalan elektrik, tetapi pembeli perlulah bayar pinjaman selama 10 tahun dan tidak dapat siap langsung. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan pertama sudah jelas. Sekarang lagi...

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Saya hendak tahu, apakah tindakan keras perlu diambil tentang pemaju yang tidak bertanggungjawab. Sekian, terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan ini keluar daripada soalan pokok, iaitu ini wujud lebih kepada projek-projek terbengkalai dan perkara ini telah dijawab beberapa kali termasuk minggu lalu pun saya ada jawab satu soalan tentang projek terbengkalai. Di dalam isu ini apa yang kita buat pada masa sekarang, kerana ini melibat isu kewangan dan satu, adalah daripada pemantauan beberapa perubahan, pemindaan telah dibuat kepada Akta Pemaju Perumahan supaya pemantauan pada masa sekarang akan dibuat lebih awal dan denda yang dikenakan lebih tinggi ke atas mana-mana pemaju yang ingkar membuat atau menjalankan tanggungjawab mereka secara baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat boleh rujuk kepada jawapan yang telah diberi sebelum inilah. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

**Dr. S. Subramaniam:** Ya, dan perkara ini akan dijawab semasa saya menggulung untuk bajet. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Soon Tian Szu.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hartanah adalah prospek yang sentiasa mempunyai nilai yang tinggi. Soalan tambahan saya, adakah konsep bina dulu jual kemudian diguna pakai oleh pemaju seluasnya sekarang? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Daripada segi dasar, kerajaan telah bersetuju dan memberi kelulusan dan pemindaan di bawah akta, dibuat untuk membolehkan pemaju membuat sedemikian, tetapi tidak menjadi hasrat kerajaan untuk memaksa mana-mana pemaju supaya ikut sistem itu sahaja, terpulanglah kepada pemaju, bergantung kepada kewangan mereka untuk pilih mana-mana sistem yang mereka guna dan galakan akan diberi kepada pemaju yang menggunakan sistem bina sebelum dijual terima kasih.

■1050

6. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sejauh mana strategi dan projek pertanian yang tersenarai dalam RMK-9 terlaksana dan pada perkiraan kementerian, berasaskan prestasi yang sedia ada, mampukah sektor pertanian benar-benar menjadi penjana ketiga pentingnya dalam pertumbuhan ekonomi negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, sektor pertanian sedang dipergiatkan untuk menjadi jentera pertumbuhan ketiga ekonomi negara. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan penekanan akan diberikan kepada pertanian baru di mana pembangunan projek-projek akan melibatkan pertanian yang komersial, berskala besar, penggunaan teknologi moden yang lebih meluas dengan memanfaatkan potensi dalam bioteknologi dan ICT.

Di samping meningkatkan program-program dan projek yang sedia ada, pelaksanaan lima projek yang berimpak besar, iaitu Taman Kekal Pertanian Pengeluaran Makanan, Ladang Kontra *Zone* Industri Akuakultur, Pusat Feedlot Nasional dan Pembangunan Usahawan Asas Tani akan membantu membolehkan sektor ini meningkatkan sumbangannya kepada ekonomi negara, sekiranya dapat beroperasi sepenuhnya seperti yang dirancangan.

Jadi sedikit perangkaan, Tuan Yang di-Pertua. Perangkaan keluaran dalam negara kasar, KDNK bagi suku tahun 2007, bagi bulan Julai hingga September menunjukkan sumbangan sektor pertanian, makanan kepada KDNK dari segi nilai meningkat dari RM3.79 bilion kepada RM3.95 bilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu iaitu peningkatan 4.4%. Dari segi nilai eksport perdagangan makanan juga menunjukkan peningkatan di mana sehingga September 2007 eksport meningkat kepada RM9.9 bilion, iaitu berbanding dengan RM8.3 bilion pada tempoh yang sama tahun lalu. Jadi insya-Allah kami cukup *confident* Tuan Yang di-Pertua, bahawa memang pertanian boleh menjana kepada ekonomi negara, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dato' Dr. Norraesah, Puan Hajah Wan Hazani dan Dato' Gooi. Tuan M. Munusamy saya harap saya nampak selepas ini, tolong bangun.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pengeluaran dan pengeksportan meningkat, tetapi pada masa yang sama pengimportan juga meningkat. Jadi bagaimana kita hendak mengimbangkan pertambahan dalam eksport dan import ini supaya

sebenarnya kita menjadi *net exporter*, dengan izin bahan makanan dan kemakmuran ataupun kejayaan sektor pertanian bergantung kepada skala seperti yang disebutkan tadi. Skala dan pemodenan dengan penggunaan teknologi. Tetapi ini tidak nampak ketara di kalangan petani-petani di luar bandar dan bagaimanakah ini akan dipertingkatkan dengan lebih baik lagi dengan secara segera, dan bagaimana pula dengan kolektif *farming* di antara pertanian-pertanian luar bandar. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita akui bahawa pengimport *food bill* kita meningkat, tetapi kebanyakan pengimportan ini adalah dari segi makanan untuk ternakan sebab begitu mendadak sekali sehingga - memang kita ada alternatif, tetapi kadang-kadang memakan sedikit masa, dan insya-Allah memanglah sasaran kita menjelang tahun 2010, kita berharap untuk mendapatkan *positive figure* iaitu sasaran kami RM1.2 bilion, insya-Allah.

Sekarang ini memang dari segi *import bill* meningkat, tetapi tadi seperti saya katakan sebab *high impact project* ini adalah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi insya-Allah kebanyakan projek yang kita usahakan sudah mencapai sasaran 45% boleh kata rata-rata. Jadi insya-Allah dalam tiga tahun lagi akan datang, kita akan cuba untuk pengeluaran ini secara *full*, sebab kebanyakannya ada yang baru sahaja dimulakan seperti kalau hendak melihat *feedlot* kami kadang-kadang lembu ini pun baru kita bawa masuk dari Australia dan sebagainya.

Jadi kebanyakan ini memerlukan masa dan keadaan. Jadi satu dari segi pertanian Tuan Yang di-Pertua, keadaan semasa ini begitu penting satu keadaan tanah. Cuaca, sekarang ini sudah banjir pula, jadi mungkin ini juga akan memberi sedikit impak kepada pengeluaran yang kita sasarkan. Jadi terima kasih kepada Dato' Dr. Norraesah, memang, satu kita menjurus kepada skala besar dan semua *high impact project* yang saya sebutkan tadi, memang kita menjurus kepada skala besar dan juga kita menggunakan pemodenan-pemodenan dari segi bioteknologi, dari segi menggunakan benih yang terkini, yang mengeluarkan dari segi kuantiti dan juga kualiti. Tetapi memang di luar bandar juga menjadi sasaran kami, tetapi Yang Berhormat perkara ini kadang-kadang saya selalu juga menjelaskan dari segi *research* ini yang berlaku hari-hari di hadapan mata kita. Tetapi kita tidak tahu *research* yang macam mana.

Saya selalu menjelaskan dari segi saiz buah sahajalah, yang kecil jadi besar, yang besar jadi kecil. Itu juga *research* dan juga pemodenan. Insya-Allah kita semua menjurus kepada permintaan kepada pasaran. Itu yang paling penting bagi kami dan kolektif *farming* Yang Berhormat memang kita ada...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kadang-kadang kalau kita menguasai sesuatu subjek, kita hendak cerita semua.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Dia panjang, itulah masalah, terima kasih banyak-banyak, terima kasih.

**Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian supaya belia-belia lepasan SPM, STP, diploma, serta siswazah menceburkan diri secara serius di dalam lapangan perniagaan pertanian, terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, ini memang satu daripada yang kita dapati menjadi satu kekangan kepada sektor pertanian sekarang ini adalah yang petani, penternak dan nelayan yang ada sekarang ini adalah mereka rata-rata yang boleh dikatakan berumur 65 ke atas. Jadi pada masa ini kita telah menubuhkan beberapa kolej pertanian dan institut, dan satu cara untuk kita memastikan bahawa belia-belia ini ada tempat untuk mereka menambahkan lagi pengetahuan supaya mereka dapat menceburkan diri dalam bidang pertanian dengan ada ilmu, sebab itu penting. Sebab kita mensasarkan bioteknologi secara pertanian yang moden dan sebagainya.

Kedua adalah, kami mensasarkan kepada siswazah-siswazah, siswa dan siswazah yang menganggur di mana kita menggunakan beberapa pilot *project* untuk beberapa kumpulan siswazah untuk mencuba dan syukur alhamdulillah nampaknya mereka telah mendapati satu hasil sehingga mereka hendak menjalankan pertanian secara serius.

Ketiga, kita ada mengadakan MoU bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk kita bukan secara *ad hoc*, tetapi secara serius supaya Kementerian Belia dan Sukan juga menjalankan satu program bersama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menggalakkan mereka ini memasuki sektor pertanian secara serius.

Tuan Yang di-Pertua, satu, pertanian kita kena buktikan, bahawa apabila kita menceburi bidang pertanian, kita akan jadi jutawan. Terima kasih.

**Dato' Gooi Hoe Hin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sama ada Yang Berhormat bersetuju walaupun terdapat begitu banyak jabatan dan agensi, kalau saya senaraikan, banyak berkaitan dengan pertanian dalam melaksanakan program-program pertanian tertentu, namun sektor pertanian, suka duka ke masih tertinggal dalam pertumbuhan ekonomi negara dan apakah sebenarnya masalah yang dihadapi.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat, satu Yang Berhormat kita kena mengakui bersama di sini bahawa boleh dikatakan sektor pertanian ini telah lama terpinggir, sebab penekanan sebelum ini telah diberikan kepada sektor perindustrian dan perusahaan atau *service oriented*.

Jadi di sinilah saya ingin menyeru sokongan padu semua pihak untuk memastikan bahawa sektor pertanian ini insya-Allah betul-betul akan menjadi penjana pertumbuhan ekonomi ketiga, di mana dari segi pihak kerajaan kita telah dapat satu perubahan minda untuk memberi penekanan kepada sektor pertanian. Tetapi sekarang ini kita dalam usaha menggembelngkan dari segi pihak swasta, sebab pihak swasta bagi kami begitu penting, sebab itu kita bersama

dengan Khazanah Nasional telah menubuhkan satu MAFC atau *Malaysian Agriculture Food Corporation* untuk sama-sama.

■1100

Kita juga mengadakan satu Panel Penasihat di mana kebanyakan yang dipanggil, dilibatkan dalam panel penasihat pertanian adalah mereka di dalam sektor yang besar, pihak-pihak swasta, dengan izin, *the big corporation*, untuk sama-sama menggembelng tenaga supaya kita hendak *catch up*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *the missing time* di mana penekanan kepada pertanian tidak sangat diberi perhatian, tetapi sekarang ini kita dalam usaha untuk *revive*, dengan izin, sektor...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna..

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Selama 50 tahun yang telah berlalu...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Belum ada fokus seperti mana yang...

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Diusahakan oleh kerajaan.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mungkin itulah sebab-sebab ia berjaya.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya jemput Datuk Yaakob, saya minta Tuan M. Munusamy, carilah mana-mana pertanyaan tambahan. Beliau bangun banyak kali.

7. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Menteri Kewangan menyatakan, sehingga Oktober 2007, berapakah jumlah syarikat yang disenaraikan di Papan Utama dan Papan Kedua di Bursa Malaysia yang telah digantung dan nyatakan nilainya serta pecahan mengikut taraf bumiputera dan bukan bumiputera syarikat-syarikat di Papan Utama dan Papan Kedua yang aktif sekarang serta nilai keseluruhannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Tuan Yang di-Pertua, jawapan tidak berapa panjang sangatlah.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Oktober 2007 sebanyak 14 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia telah digantung urus niaganya. Dari jumlah tersebut, tujuh buah syarikat adalah yang tersenarai di Papan Utama, enam buah syarikat tersenarai dalam Papan Kedua dan sebuah lagi syarikat tersenarai dalam Papan Pasaran MESDAQ. Syarikat-syarikat tersebut telah digantung atas sebab-sebab tidak menurut keperluan penyenaian. Jumlah nilai syarikat yang digantung urus niaga mereka di Papan

Utama adalah sebanyak RM421.8 juta, manakala di Papan Kedua ialah sebanyak RM48.15 juta dan di Papan Pasaran MESDAQ berjumlah RM40 juta.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya ialah pecahan hak milik ekuiti syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang berdasarkan nilai par dan juga nilai pasaran pada 31 Disember 2004. Bagi 2005 dan 2006, saya tidak dapat maklumat oleh kerana EPU masih lagi meneliti keseluruhan 770 ribu syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk sehingga 31 Disember 2004, nilai di pasaran saham untuk syarikat bumiputera RM40.8 bilion, iaitu 23.1% nilai par tetapi nilai pasaran pada masa itu ialah RM117 bilion ataupun 21.1%. Bukan bumiputera pada masa itu, nilai par RM43.3 bilion iaitu 47.2%, dan nilai pasaran pada masa itu ialah RM226.3 bilion iaitu nilai pasaran 40.8%, rakyat asing RM46 bilion dan peratusannya ialah 26.1% dan nilai pasaran pada masa itu ialah RM190 bilion iaitu 34.3%, syarikat nomini RM6.4 bilion iaitu 3.6% dan nilai pasaran ialah 3.9%. Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob, Puan Heng dan Tuan M. Munusamy tidak ada pertanyaan tambahan. Dipersilakan Datuk Yaakob dan Puan Heng.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas jawapan yang teliti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sedar kadang-kadang dalam isu yang banyak glamor, tetapi saya hanya boleh benarkan tiga pertanyaan. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi data syarikat bumiputera dalam bursa saham, dan apakah strategi dan saranan agar matlamat mencapai negara maju 2020 tidak akan terhimpit di kalangan syarikat-syarikat bumiputera di dalam berhadapan dengan saingan yang semakin mencabar. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat keseluruhan pegangan ekonomi bumiputera memanglah tidak memuaskan hati kerajaan oleh kerana setelah dilancarkan Dasar Ekonomi Baru, *target* kita ialah 30% ekuiti, tetapi setakat ini selepas 36 tahun dasar itu berjalan, baru hanya 18.6% pegangan ekuiti bumiputera. Jadi cuma ada 12 tahun lagi untuk mencapai tahap 30% ekuiti itu, dan ini memerlukan kerja kuat daripada semua pihak, pihak kerajaan dan pihak swasta, pihak GLC dan semualah untuk pastikan ekuiti ini dapat ditingkatkan. Pada masa ini memang kerajaan belum berpuas hati lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagi syarikat yang telah digantung ini, apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan supaya kepentingan pemegang-pemegang saham kecil yang terlibat dijaga dan kerugian mereka itu dapat dikurangkan kepada tahap yang paling minimum. Sekian.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut prosedur, syarikat-syarikat yang didapati "sakit", maka mereka diletakkan di bawah PN17 iaitu *Practice Note 17*.

Mereka diberi masa lapan bulan untuk merancang pelan pemulihan lapan bulan. Kalau dalam masa lapan bulan itu dia gagal juga, maka mereka akan *disuspend*, digantung tetapi dalam masa kebergantungan itu pun, mereka masih lagi diberi masa untuk memperbaiki keadaan. Kalau masih lagi tidak selesai, maka mereka akan dikeluarkan daripada senarai, akan di *listed*, maka pada masa itu nilainya akan tentulah berkurangan, Tuan Yang di-Pertua.

**8. Tuan Maijol bin Mahap** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kerajaan menetapkan jumlah minima bagi pelajar-pelajar dari Sabah yang mengikut pengajian di Universiti Malaysia Sabah.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menetapkan sebarang kuota atau bilangan minimum untuk mana-mana negeri bagi memasuki mana-mana universiti dalam negara kita. Di Sabah ada sebuah universiti iaitu Universiti Malaysia Sabah dan bilangan pelajar Sabah di negeri tersebut ialah 400. Angka ini adalah kemasukan berdasarkan prinsip merit yang diguna pakai untuk semua pelajar untuk masuk universiti, perlu ada kelayakan akademik 90% dan 10% adalah berdasarkan kepada kegiatan kokurikulum. Sabah kah, Sarawak atau Semenanjung, kriteria masuk universiti adalah sama sahaja.

Di dalam kes Sabah, peratusannya adalah 40% kerana ramai rakyat Sabah yang cenderung untuk belajar di negeri tersebut. Itu sebabnya, kenapa angkanya 40%. Di negeri-negeri lain, kita dapati bahawa peratusan pelajar-pelajar dari negeri luar daripada tempat universiti berkenaan operasi adalah lebih rendah kecuali di Sabah dan Sarawak. Oleh sebab-sebab geografi, universiti di Sabah dan Sarawak, bilangan pelajar tempatan, pelajar Sabah di UMS, pelajar Sarawak di UNIMAS adalah kira 40%. Terima kasih.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setuju kah kalau saya katakan atau cadangkan, bahawa kementerian harus menggalakkan pelajar-pelajar dari Semenanjung yang belajar di UMS tinggal dengan keluarga angkat di Sabah sewaktu cuti semester, supaya mereka lebih memahami masyarakat pelbagai kaum di Malaysia dan juga mengeratkan lagi integrasi dan perpaduan nasional di negara ini. Terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Sebagai latar belakang, Tuan Yang di-Pertua, UMS ini ditubuhkan hasil janji Kerajaan Barisan Nasional untuk menubuhkan universiti di Sabah dan ia mula mengambil pelajar pertama tahun 1995 dan salah satu daripada tujuannya, selain untuk membangunkan Sabah ialah untuk menggalakkan integrasi nasional. Jadi kita mahu bukan sahaja pelajar Sabah yang belajar di UMS, tetapi juga pelajar dari Semenanjung.

Memang ada pelajar-pelajar Semenanjung yang terlibat dalam program keluarga angkat. Mungkin bilangannya tidak begitu menggalakkan. Jadi atas cadangan, saranan Yang Berhormat, kita akan memperkasakan lagi program penempatan pelajar-pelajar Semenanjung bersama

keluarga angkat di Sabah ini dan juga di Sarawak untuk menggalakkan integrasi nasional di kalangan pelajar-pelajar Semenanjung dengan pelajar-pelajar di Sabah Sarawak.

■1110

Dalam pada itu saya ingin maklumkan bahawa pelajar-pelajar daripada Sabah datang ke Semenanjung dalam program integrasi, ini bukan satu, dengan izin, *one way street – one way process*. Jadi, bukan sahaja pelajar-pelajar Semenanjung di Sabah perlu diintegrasikan, pelajar-pelajar Sabah di Semenanjung juga kita akan tambahkan lagi program integrasi. Terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi 2007/2010, bagaimanakah strategi untuk mempergiatkan pengantarabangsaan pengambilan pelajar antarabangsa di dalam pembahagian di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam negara kita termasuk Sabah dan Sarawak?

**Dato' Mustapa bin Mohamed:** Secara umumnya, bilangan pelajar antarabangsa di IPTS menerusi universiti swasta adalah lebih tinggi dari segi peratusannya. Di IPTA kita ada beberapa kekangan. Bagi program-program tertentu dalam bidang *undergraduate* umpamanya adalah perubahan, kita tidak membenarkan kemasukan pelajar asing kerana kita tidak ada cukup tempat untuk pelajar kita yang berasal dari negara kita iaitu warganegara.

Bagi program *postgraduate* kita memang menggalakkan dan ramai, khususnya tahun ini di beberapa buah universiti khususnya Universiti Malaya, UPM, USM dan UKM terdapat peningkatan ketara pelajar-pelajar antarabangsa untuk *postgraduate*.

Bagi Sabah dan Sarawak bilangan pelajar antarabangsa tidaklah begitu tinggi. Di IPTS ada dua buah universiti, di Sarawak umpamanya Curtain Universiti dan Universiti Teknologi Swinburne, di mana pelajar antarabangsa agak besar peratusannya, tetapi di universiti awam di Sabah UMS dan di Sarawak UNIMAS, bilangannya kecil dan kita sedang mempergiatkan usaha-usaha untuk menambah bilangan pelajar antarabangsa di kedua-dua universiti awam tersebut di Sabah dan Sarawak.

Di UMS, soalan asal daripada Yang Berhormat tadi bilangan pelajar antarabangsa daripada China khususnya meningkat, dan di masa ini lebih 200 orang warganegara China sedang belajar di beberapa program di Universiti Malaysia Sabah, dan kita akan terus tambah lagi pelajar-pelajar antarabangsa di Sabah dan Sarawak.

**9. Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengapa masih ada kemudahan asas yang kurang seperti tempat letak kenderaan dan kerusi panjang untuk pengunjung dan penumpang di Lapangan Terbang Tambang Murah (LCCT – KLIA), Sepang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat di pihak pengurusan Malaysia Airport Sepang Sdn. Bhd., telah pun menyediakan 1,151 lot tempat letak kenderaan di LCCT KLIA. Tempat letak kenderaan yang sedia ada ini masih mampu untuk menampung keperluan pengguna walaupun pada waktu puncak pada suatu masa sebanyak 85% sahaja digunakan. Bermula 3 Disember 2007 Malaysia Airport Berhad telah menyediakan penambahan tempat letak kenderaan sebanyak 400 lot bagi menampung keperluan pada masa hadapan. Lokasi bagi tempat letak kenderaan baru ini adalah berhadapan dengan Pejabat Pos Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kemudahan pengunjung dan penumpang di Terminal Lapangan Terbang Tambang murah (LCCT KLIA), pihak MAB telah pun menyediakan sebanyak 660 kerusi yang mempunyai sebanyak 1,998 tempat duduk. Kerusi-kerusi tersebut ditempatkan di balai pelepasan domestik dan antarabangsa, balai ketibaan domestik dan antarabangsa serta *concourse area* dan *curb site*, dengan izin.

Bagi memenuhi keperluan pengguna LCCT semakin meningkat, pihak pengurusan MAB sedang dalam proses pembelian kerusi tambahan pada bilangan kerusi yang sedia ada. Tambahan kerusi ini melibatkan sebanyak 50 unit atau 150 tempat duduk untuk keperluan dalam terminal dan kawasan *curb site*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Che Puan kemudian Datuk Soon, Tuan M. Munusamy tidak ada?

**Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Kita tahu Lapangan Terbang LCCT ini khusus untuk AirAsia. Soalan tambahan saya ialah mengapa tidak lapangan terbang ini ditukarkan sahaja ke Lapangan Terbang Subang yang serba serbi lengkap dengan kemudahan.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Setakat hari ini hanya Syarikat Penerbangan Firefly sahaja yang dibenarkan beroperasi di Lapangan Terbang Subang termasuk jet-jet persendirian.

Kerajaan telah menyediakan terminal tambang murah untuk penerbangan tambang murah yang telah membelanjakan lebih daripada RM100 juta. Di Lapangan Terbang Kota Kinabalu juga kerajaan telah sediakan. Pihak kerajaan telah membelanjakan wang ringgit yang begitu banyak dan pihak AirAsia telah bersetuju untuk berpindah ke KLIA Sepang. Jadi, kita menjangkakan tidak perlulah AirAsia itu beroperasi di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah kemungkinan kadang-kadang kita lupa bahawa *airport* bukan sahaja terminal tambang murah, tetapi walaupun namanya LCCT - *Low Cost Carrier Terminal* tetapi yang digunakan ialah *runway* yang sama, *navigation system* yang sama, *take off and landing system* yang jauh lebih canggih daripada Subang dan sebagainya.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memang tepat saranan dari Tuan Yang di-Pertua itu kerana kemudahan-kemudahan ini bukan setakat terminal sahaja, ia melibatkan pelbagai peralatan yang perlu kita sediakan. Terima kasih.

**Datuk Soon Tia Szu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa pihak kerajaan mempunyai satu program untuk Fasa II untuk memperbesar dan meningkat kemudahan asas di LCCT ini. Sekiranya saya dapat diberitahu ataupun Yang Berhormat boleh jelaskan dalam Dewan yang mulia ini bila ia dilakukan dan bila akan disiapkan. Terima kasih.

**Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang benar ia masih dalam perancangan dan perancangan ini boleh dikatakan begitu maju, hinggakan apabila kita memandangi LCCT di KLIA itu begitu sesak terutamanya di *arrival hall*, dengan izin, dengan penumpang yang menaiki penerbangan. Kementerian dengan usaha ini akan terus mendesak kerajaan untuk membuat sesuatu dalam rancangan untuk menyediakan satu lagi kemudahan bagi penerbangan tambang murah di KLIA.

**10. Dato' Wong Siong Hwee** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memastikan sumber air negara tidak tercemar akibat daripada aktiviti pembalakan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan sememangnya memandangi berat tentang pencemaran alam sekitar dan sehubungan dengan itu pengusaha hasilan hutan di dalam kawasan hutan simpanan kekal perlulah menepati kaedah-kaedah pengurusan hutan secara berkekalan bagi mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar khususnya pencemaran sumber air.

Bagi kawasan hutan tanah kerajaan, Majlis Perhutanan Negara telah menggariskan kaedah dalam pengusaha hasilan hutan untuk mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar akibat aktiviti tersebut. Antara kaedah pengurusan pengusaha hasilan hutan yang ditetapkan termasuklah mengenakan had batas tebingan, menentukan zon penampakan alur air dan sungai, mengenakan syarat pembinaan jalan pembalakan seperti mengadakan *cross drains* dan *silt trap*, dengan izin, menyediakan rancangan pengusaha hasilan hutan dan menentukan kawasan sensitif seperti tanah yang melebihi 1000 meter dari aras laut, dan kawasan yang berkecerunan melebihi 40 darjah di mana aktiviti pembalakan tidak dibenarkan.

■1120

Dengan tindakan sedemikian, kerajaan percaya melalui pematuhan kepada peraturan-peraturan tersebut, pengusaha hasilan hutan yang tidak mesra alam dapat dielakkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Wong Siong Hwee, Tuan Munusamy kemudian Puan Mumtaz.

**Dato' Wong Siong Hwee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, selain daripada pencemaran, apakah banjir yang melanda di negeri timur Semenanjung juga diakibatkan oleh pembalakan tersebut?

Soalan kedua saya adalah berapakah ketinggian tanah lojing? Setahu saya melebihi 1,000 meter dan melebihi cerun 40 darjah, tapi kenapa pembalakan dan pertanian masih berlaku? Sekian, terima kasih.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Ada dua dalam satu tadi. Saya cuba jawab secara menyeluruh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya pun sedar tapi saya lepaskanlah.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Kebiasaannya Tuan Yang di-Pertua tidak bagi. Jadi sebenarnya pembalakan ini memanglah salah satu daripada sebab di mana berlakunya kejadian banjir. Ini tidak kiralah banjir di Kelantan, di Pahang, di Johor, tapi salah satu puncanya ialah pengaliran secara deras air-air yang turun sebagai air hujan di mana tidak ditahan atau ditakung oleh pokok-pokok yang telah ditebang. Jadi di sini saya hendak menyentuh secara *detail* sikit, secara terperinci. Di mana pokok-pokok...

**Tuan Yang di-Pertua:** Terperinci tapi tidak panjanglah.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Tidak panjang. Di mana pokok-pokok ini, sekali dengan lumut, dengan ada lumut di atas tanah dan sebagainya ini, sebagai penampakan air. Ia macam rambut kitalah, kalau kita kepala botak, memang mandi tidak pernah puas. Rambut ini sebagai pokok....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ha, itu mula panjanglah tu... *[Ketawa]*

**Dato' Sazmi bin Miah:** Jadi bukit-bukit ini, bila kita curah air Tuan Yang di-Pertua, ia menahan lebih 30% daripada air yang turun, dengan lumut-lumut di batangnya seperti bulu-bulu roma di tangan kita. Dengan hamparan lumut di permukaan seperti karpet, menahan dan menakung air itu daripada terus pergi ke sungai.

Jadi apabila ditebang dan ditebaskan pokok-pokok terutama di tanah-tanah tinggi seperti Lojing dan sebagainya, maka tiada lagi bahan semula jadi yang menahan air tersebut dari terus mengalir ke sungai-sungai. Ia mengalir sekali dengan lumpur-lumpur, pasir-pasir, tanah-tanah dan sebagainya seperti kita tengok keadaan banjir di sungai di Kelantan sekarang ini. Airnya oren, kuning dengan lumpur-lumpur sekali. Saya tidak tahulah, minggu depan saya ingat orang Kota Bharu akan ada lumpur setakat lutut.

Ini telah saya katakan semasa bulan tiga baru ini lagi. Jadi ini di antara sebab bukannya sebab utama, tetapi di antara sebab-sebab di mana berlakunya banjir. Sebab itulah kita di peringkat kementerian mengeluarkan garis-garis panduan seperti jangan membalak di peringkat 1,000 meter ke atas. Tanah Tinggi Lojing 1,500 meter, dan ini garis panduan dikeluarkan pada

tahun 2005 lagi, tapi ada juga kerajaan negeri yang tidak mengikuti garis-garis panduan tersebut kerana ianya bukan undang-undang. Setakat garis panduan.

Cuma kita mintalah kerajaan negeri ini menghormati garis-garis panduan tersebut. Memang betullah di lojing bukannya ia membalak di peringkat 1,000 meter ke atas, ia hendak tanam sayur...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau pun ada undang-undang hendak kuatkuasakan undang-undang ke atas kerajaan negeri susah juga.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Memang susah Tuan Yang di-Pertua. Saya tahulah Tuan Yang di-Pertua, kita boleh cemar sungai sikit-sikit, tapi memang betullah ia lojing bukan hendak membalak, hendak tanam sayur. Masalahnya di tanah yang hendak tanam sayur itu banyak balak. Jadi kena buanglah dulu balak tersebut. jadi inilah yang berlaku.

Saya sekali lagi meminta kerajaan-kerajaan negeri terutamanya negeri-negeri yang mempunyai Banjaran Titiwangsa yang mempunyai tanah-tanah tinggi supaya mematuhi garis panduan pembangunan di tanah-tanah tinggi, tidak payahlah tanam sayur di tengah-tengah bukit, atas-atas bukit. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.** Tuan Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana dapat pandang saya di sebelah sini.... [*Ketawa*]

Selain daripada syarat-syarat dan juga peraturan dan juga garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian, adakah tindakan diambil atas syarikat-syarikat pembalakan yang telah melanggar syarat-syarat ini? Ataupun adakah pengawasan dibuat terhadap kawasan-kawasan pembalakan? Saya rasa kita tidak payahlah tunggu sehingga kes-kes ini dibongkar di dalam TV seperti Karam Singh Walia yang selalu membongkar kes-kes yang sensitif dalam negara kita.

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Kadang-kadang Karam Singh Walia itu kita yang suruh pergi. Dia bekerjasama dengan kita kadang-kadang. Jadi ini hendak bagi kesedaran kepada kita. Janganlah buat sesuatu tanpa mengikut garis-garis panduan dan undang-undang.

Tindakan memang kita ambil. Ada yang masuk dalam media massa, ada yang tidak masuk dalam media massa, yang terakhir sekali kita mengenakan undang-undang mandatori jail. Kalau salah sahaja tidak boleh, tidak ada *or*, tidak ada *atau*, bayar saman atau penjara, tidak ada. Bayar saman dan penjara. Ini antara undang-undang yang kita ambil. Kalau kita buat hukuman bunuh sekalipun, memang akan ada pesalah-pesalah yang masih membuat pembalakan haram dan sebagainya.

Jadi ini kesedaran di pihak-pihak tertentu, oleh pihak kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga pengusaha-pengusaha. Sebab alam sekitar ini adalah hak kita semua.

Jadi maksudnya ahli senator atau sesiapaapun yang mempunyai maklumat tertentu beritahu dan kita akan ambil tindakan, insya-Allah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz.

**Puan Mumtaz binti Md. Naw:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, bagaimanakah kementerian membuat perancangan strategik untuk memastikan sumber air negara tidak terjejas akibat daripada bencana alam yang berlaku semakin teruk daripada tahun ke tahun? Apakah peruntukan untuk di peruntukan untuk projek tersebut?

**Dato' Sazmi bin Miah:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Yang pertama sekali saya hendak beritahulah kerajaan negeri Kelantan tidak pernah pun mewartakan sebarang kawasan tadahan air. Ini termasuklah kawasan tanah tinggi lojing yang sepatutnya diwartakan sebagai tanah tadahan air. Ini yang tertinggi di bumbung negara kita dekat 1,500 meter ke atas.

Jadi sumber air negara ini memang kita perlu. Kita perlu untuk memastikan bahawasanya tidak lama lagi 20 tahun, 30 tahun akan datang kita mempunyai bekalan air yang tetap dan bekalan air yang bersih. Seperti sungai Kelantan, bahan terampai yang kita dapati di Pulau Condong, di Merbau Condong di mana ada satu loji air di situ, 818 miligram per liter iaitu melebihi lapan kali ganda. Bahan terampai Tuan Yang di-Pertua, yang *colour* oren, merah itulah, yang pasir, yang habuk dan debu dalam sungai. Lapan kali ganda! Jadi ia memerlukan banyak tawas atau *sulfate* untuk menjernihkan air dan ini meningkatkan lagi kos untuk kita merawat air tersebut. Besok, tidak lama lagi air akan menjadi lebih dua kali ganda, tiga kali ganda mahal daripada minyak.

Jadi sebab itulah kepentingan kita menjaga sumber air negara iaitu dengan mewartakan kawasan-kawasan tanah tinggi ini sebagai kawasan tadahan air. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Chee Keong.

**11. Tuan Lee Chee Keong** minta Menteri Pelancongan menyatakan, setakat bulan Oktober berapakah jumlah permohonan peserta *Malaysia My Second Home* dan berapakah permohonan berkenaan telah diluluskan dan jika banyak tidak diluluskan, apakah sebab utama penolakan yang dibuat oleh Kementerian dan pihak imigresen.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, bermula dari tahun 2002 sehingga Oktober 2007, Malaysia telah berjaya menarik seramai 9,910 orang peserta. Untuk tahun ini sehingga November tahun 2007, sebanyak 1,637 permohonan telah diterima dan sebanyak 1,425 permohonan telah diluluskan.

Permohonan yang tidak berjaya hanyalah dalam lingkungan 12.9% iaitu 112 orang. Sebab utama penolakan adalah kerana tidak mematuhi syarat permohonan, permohonan yang tidak lengkap, tidak memiliki pas pengajian dan pas lawatan yang lain atau gagal tapisan keselamatan.

Berdasarkan kepada *Fifth Annual Global Retirement Index* dengan izin, yang disediakan majalah *International Living*, Malaysia kini muncul sebagai negara pilihan pertama di rantau Asia

untuk dijadikan tempat persaraan bagi warganegara asing dan negara yang ketujuh iaitu bersama dengan Sepanyol dan juga Afrika Selatan di peringkat dunia. Sekian, terima kasih.

■1130

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong kemudian Yang Berhormat Dato' Yip. Sila Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berucap dengan jawapan yang begitu baik, walaupun rasa sakit badan.

Soalan tambahan saya, setakat yang saya tahu banyak syarikat-syarikat yang mempromosi *Malaysia My Second Home* ini dengan izin, adalah syarikat-syarikat hartanah seperti *property firm*. Saya lihat *property firm* ini melakukan promosi secara *package*, jual hartanah *free MM2H, Malaysia, My Second Home*.

Jadi saya nampak kesannya untuk kita benar-benar untuk mempromosikan MM2H ini tidak begitu baik dilakukan oleh syarikat-syarikat hartanah ini. Jadi apakah tindakan atau usaha kementerian untuk mengurangkan aktiviti seperti ini? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kementerian melalui unit MM2H kita telah lantik seramai lebih dari 200 agen MM2H dan mereka boleh buat promosi sendiri, mereka boleh ikut kementerian apabila kita buat promosi di luar negara.

Setakat ini kita memang tidak ada insentif untuk MM2H agen tetapi mereka boleh mengutip wang tidak lebih dari RM10,000 untuk satu peserta. Sekian.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelancongan sentiasa dengan bangganya mengumumkan mereka telah mencapai matlamat atau sasaran bawa pelancong ke negeri kita. Namun dalam kes MM2H di ini nampaknya mereka tidak ada buat pengumuman.

Soalan tambahan saya, sama ada kementerian telah mencapai sasaran? Sama ada peserta-peserta MM2H ini dibenarkan bekerja sebagai konsultan atau menjadi pengarah syarikat? Sekian, terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yip. Untuk menjawab soalan ini, saya menjawab soalan yang kedua dulu iaitu mereka atau peserta yang telah dapat kelulusan dari kementerian untuk menjadi sebagai peserta MM2H mereka tidak boleh bekerja di negara kita sebagai konsultan. Buat masa ini kita memang dalam kajian, kita memang nak bincang dengan kementerian yang berkenaan. Kita pun memang haraplah kalau peserta yang kita ambil ada *specialty* atau skil yang tidak dapat di Malaysia ini seperti bioteknologi,

seperti *aerospace* dan lain-lain. Kita memang menggalakkan atau setuju dengan mereka untuk bekerja memang dalam tempoh 10 atau 20 jam seminggu.

Soalan yang pertama iaitu, soalan sasaran kita. Memang kita harap tahun ini kita dapat 2000 peserta dan memang kita ada masalah sedikit sebab agen-agen yang kita lantik itu pun semua baru. Sebab Kementerian Pelancongan kita hanya mengambil tanggungjawab ini pada masa tahun lepas iaitu Jun tahun lepas, hanya satu tahun sahaja.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, warga asing negara manakah yang paling ramai memohon dalam program MM2H ataupun *Malaysia My Second Home* ini? Dan berapakah perbelanjaan yang dibelanjakan oleh kerajaan dalam kempen program ini? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tempoh Januari hingga November 2007 ini yang saya katakan tadi 1,425 peserta. Negara yang banyak sekali ialah United Kingdom - 219, Jepun – 190, diikuti negara Bangladesh - 148, negara Korea Selatan - 144 dan China - 85.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Perbelanjaan?

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Buat masa ini kita tidak ada satu *allocation* yang spesifik, kita hanya menggunakan wang di kementerian dengan bantuan dari *Tourism Malaysia* yang apabila kita buat promosi di luar negara kita memang masukkan program ini MM2H dan kita memang tidak ada spesifik bajet untuk ini.

**12. Tuan Maijol bin Mahap** [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)] minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- a) apakah strategi yang akan diambil untuk memperbaiki cara pengajaran dan pembelajaran kelas PPSMI agar lebih berkesan; dan
- b) apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan latihan kepada guru-guru yang mengajar kelas PPSMI dan kelas bahasa Inggeris sebelum diberi kelayakan untuk mengajar di kelas tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemantauan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, didapati pada keseluruhannya tahap penggunaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru yang mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik semakin meningkat.

Jabatan Pemantauan juga menunjukkan kebanyakan guru yang terlibat mengajar mata pelajaran dalam Program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris atau PPSMI secara ringkas ini menggunakan sepenuhnya alat bantu mengajar yang disediakan bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran. Ke arah menjayakan dasar PPSMI ini,

Kementerian Pelajaran telah mengambil beberapa tindakan untuk membantu guru mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

Selain menyediakan bayaran insentif melalui BISP atau Bayaran Insentif Subjek Pendidikan, guru-guru juga telah diberikan kursus peningkatan bahasa Inggeris serta dibekalkan dengan *teaching courseware*, prasarana ICT untuk digunakan semasa mengajar Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di bilik darjah. Penyeliaan dan pemantauan oleh pentadbir sekolah, pegawai daripada pejabat pelajaran daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan bahagian-bahagian Kementerian Pelajaran juga dijalankan untuk mengesan cara guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Tindakan susulan yang menjurus kepada peningkatan PPSMI akan dilakukan dari semasa ke semasa. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah selepas itu Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie dan Yang Berhormat Tuan M. Tuan M. Munusamy.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan kepada jawapan Yang Berhormat tadi jelaslah bahawa usaha-usaha yang positif telah dapat dilihat hasilnya dalam program PPSMI ini. Namun kalau kita dengar dan lihat kepada perbincangan-perbincangan mengenai program ini termasuklah perbincangan yang timbul di dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya, setelah menimbang hal-hal ini semua dan menimbang hasil yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi, akhirnya apakah pendirian Kementerian Pelajaran berhubung dengan program ini? Terima kasih.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua. Matlamat utama kementerian menjalankan program PPSMI ini bukanlah semata-mata untuk meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris. Apa yang paling penting ialah, ini adalah satu kesan sampingan atau *spin-off* pengajaran dalam Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris adalah dilaksanakan untuk membolehkan murid mengakses maklumat dan mengikuti perkembangan dalam Sains dan Teknologi, sama ada bahan berbentuk elektronik atau bukan elektronik yang sebahagian besarnya dihasilkan dalam bahasa Inggeris.

Kita ada dua dasar:

- (i) Dasar Bahasa iaitu di mana perkara Matematik dan Sains diajarkan dalam bahasa Inggeris; dan
- (ii) Dasar Peperiksaan iaitu buat masa ini semua pelajar akan diberikan peluang untuk menjawab dalam dwibahasa.

**■1140**

laitu buat semua ini, semua pelajar akan diberikan peluang untuk menjawab dalam dwibahasa sama ada Sekolah Kebangsaan ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ataupun Sekolah Kebangsaan Tamil. Selepas dari 2008, kementerian akan kaji balik keberkesanan dasar ini dan satu keputusan akan dibuat sama ada dasar ini diteruskan ataupun murid-murid diberi satu lagi peluang untuk jawab dalam dwibahasa ini akan diteruskan.

Hal-hal yang akan diambil kira oleh kementerian, adalah selepas kita dapatkan maklumat, data dan cadangan, kita akan ambil kira pandangan dari semua lapisan masyarakat dan juga kesediaan pelajar untuk menjawab sepenuhnya dalam bahasa Inggeris. Ini adalah bertujuan untuk memastikan supaya sebarang keputusan dasar yang dibuat oleh kementerian tidak akan menjejaskan pencapaian dan masa hadapan murid-murid yang terlibat.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita sedia maklum bahawa guru yang terlibat dengan kelas PPSMI ini adalah dibayar insentif pendidikan sebanyak 10% untuk tujuan latihan guru bagi meningkatkan kemahiran pengajaran mereka dalam bahasa Inggeris.

Soalan tambahan saya ialah, apakah sistem pemantauan dan tindakan susulan yang diamalkan oleh kerajaan bagi memastikan bahawa bayaran insentif pendidikan dan segala ABM yang dibekalkan digunakan sepenuhnya untuk latihan guru dan juga untuk peningkatan kaedah pengajaran mereka? Sekian.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang seperti saya nyatakan tadi, Kementerian Pelajaran, kita ada mekanisme untuk memantau tahap penguasaan bahasa Inggeris oleh guru-guru yang mengajar matematik dan sains dalam bahasa Inggeris.

Pada masa yang sama kementerian telah mengeluarkan satu surat siaran kepada semua sekolah supaya guru PPSMI menggunakan peralatan yang dibekalkan dalam pengajaran dan pembelajaran dan pemantauan dijalankan secara gerak gempur dari semasa ke semasa yang melibatkan semua bahagian kementerian pelajaran bagi memastikan pihak sekolah akur dengan arahan surat siaran tersebut.

Pada masa yang sama juga, kementerian pelajaran melalui JPN, Jabatan Pelajaran Negeri dan juga PPD, Pejabat Pelajaran Daerah, menjalankan beberapa program sokongan untuk menaik taraf penguasaan guru dalam bahasa Inggeris.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Guru-guru perlu mahir dan fasih dalam bahasa Inggeris terlebih dahulu sebelum mereka boleh mengajar murid-murid. Peralatan dan insentif adalah penggalakan sahaja. Sesuatu bahasa hanya boleh dikuasai sekiranya kita sentiasa baca, mendengar dan bertutur dalam bahasa itu.

Adakah kerajaan ataupun kementerian menjalankan program-program bagi melatih guru-guru dalam ketiga-tiga kategori ini? Terima kasih.

**Datin Paduka Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang sebelum kita jalan dasar, semua *precaution* dan juga persediaan telah dijalankan supaya dasar ini dijalankan dengan berkesan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk terus meningkatkan kualiti dan keberkesanan pelaksanaan PPSMI. Di antaranya:-

- (i) mengadakan kursus peningkatan *proficiency* bahasa Inggeris untuk guru yang memerlukannya secara berterusan sehingga program PPSMI dilaksanakan dengan sepenuhnya;
- (ii) kementerian juga mengadakan sistem bimbingan taulan ataupun dengan izin *buddy support system* di mana guru sains dan matematik yang terlibat dalam program PPSMI ini disediakan dengan seseorang rakan pembimbing ataupun *critical friend* yang terdiri dari guru bahasa Inggeris di sekolah yang sama untuk membimbing guru sains dan matematik yang terlibat dengan program PPSMI untuk meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris;
- (iii) di samping itu Kementerian Pelajaran juga mengadakan kursus berkaitan dengan kandungan sukatan pelajaran, kaedah mengajar, penggunaan perkakasan ICT dan penggunaan perisian pengajaran khususnya untuk program PPSMI; dan
- (iv) kementerian juga mengadakan bimbingan pelaksanaan program PPSMI untuk guru besar dan juga pengetua sekolah supaya mereka dapat menjalankan program PPSMI dengan lebih berkesan.

Jadi melalui langkah-langkah, kementerian ini akan terus memantau tahap penguasaan. Jadi kita hanya akan membuat keputusan mengenai dasar ini selepas akhir 2008. Terima kasih.

**13. Tuan Chiw Tiang Chai** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk menubuhkan Institut Kebapaan seperti mana yang wujud di Amerika Syarikat, untuk mengajar golongan ini menjadi seorang bapa yang baik dan bertanggung jawab ke arah memantapkan serta mengukuhkan institusi kekeluargaan kerana institusi keluarga yang renggang pasti akan menimbulkan banyak masalah sosial.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada masa kini belum bercadang untuk menubuhkan institut kebapaan seperti mana yang wujud di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengakui peranan bapa adalah penting dan kritikal seperti peranan ibu dan cadangan Yang Berhormat akan dikaji dari segi fungsi, peranan, keperluan dan hasil. Selepas kajian ini, kementerian akan membuat keputusan sama ada kita perlu atau tidak menubuhkan satu institut kebapaan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Chih Tiang Chai.

**Tuan Chih Tiang Chai:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kanak-kanak yang membesar tanpa bapa, mempunyai risiko dua hingga tiga kali ganda untuk menghadapi masalah emosi dan peri laku. Mereka juga berisiko tinggi untuk terbabit dalam penagihan dadah dan alkohol. Kanak-kanak yang membesar tanpa bapa mempunyai risiko tiga hingga empat kali ganda untuk merokok berbanding remaja mempunyai bapa di sisi mereka.

Soalan saya, bagaimanakah pihak kementerian merangka strategi *preventive measures* dengan izin, contohnya memastikan lelaki yang hendak berkahwin akan tahu tanggungjawab yang bakal dipikulnya dan malahan memberi kursus dari peringkat awal lagi. Terima kasih.

**Datuk G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab ibu bapa ialah mereka perlu memikul tanggungjawab bersama-sama dan saya mengakui seperti dalam jawapan asal bahawa ketiadaan bapa dalam keluarga ialah satu masalah yang serius. Situasi di Amerika Syarikat ialah lain sebab di Amerika Syarikat ada 24.7 juta kanak-kanak yang hidup tanpa bapa kandung di sisi mereka dan hampir 72% sokong penubuhan institut kebapaan di Amerika Syarikat.

Di Malaysia, masalah ini bukan begitu serius. Walau bagaimanapun, kita ada situasi di mana banyak keluarga yang diketuai oleh hanya ibu tunggal tanpa bapa dan ada juga keluarga di mana bapa tidak berfungsi dengan secara efektif. Tidak ada kemahiran kebapaan dan tidak bertanggungjawab dan situasinya emak menjadi seorang ibu dengan izin yang *over function*, yang tanggungjawabnya lebih berat.

Sebab itu, seperti yang saya sebutkan tadi, kementerian akan mengkaji cadangan Yang Berhormat. Pada masa sekarang dalam semua program kementerian, untuk meningkatkan kemahiran keibubapaan, kita menekankan peranan bapa dan kita harap bapa bersama-sama dengan ibu memikul tanggungjawabnya dengan lebih berat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, apa kata ibu? Dato' Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya tidak bersetuju dengan jawapan yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi. Kalau Timbalan Menteri akui bahawasanya peranan bapa dalam institusi keluarga di Malaysia ini tidak begitu memuaskan, tetapi janganlah kita mengatakan, berbanding dengan Amerika, kita tidaklah begitu serius...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat...

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Selaku pengerusi Rumah Nur Parlimen-Parlimen, saya rasa semua ketua-ketua wanita tahu berapa banyak kah masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal, yang mana apabila bapa telah berkahwin lain ataupun meninggalkan isterinya, bin dengan binti juga diceraikan sekali.

Maka masalah untuk menanggung anak-anak ini begitu serius sekali oleh sebab bapa langsung tidak rasa peka dan rasa tanggungjawab di atas bin dan binti yang telah pun dilahirkan di dalam institusi keluarga sebelum itu. Saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan Yang Berhormat, jika ada...

■1150

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Soalnya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta kementerian mengkaji dengan serius dalam masa terdekat ini bagi kita menubuhkan institusi kebapaan ini supaya bapa-bapa juga bertanggungjawab di atas perkara ini dan masalah sosial tidak akan meningkat dalam masa 10 tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta di kaji. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah sebut jawapan saya dalam jawapan asal bahawa kita akan kaji keperluan institut kebapaan ini dengan serius. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang pun telah diambil perhatian. Silakan Puan Wan Ubaidah binti Omar.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Sekiranya diizinkan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya pohon untuk menanyakan soalan bagi pihak Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi tidak membuang masa pihak kerajaan saya benarkan.

**14. Puan Mumtaz binti Md Nawi** [Di bawah Peraturan Mesyuarat 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah usaha untuk menyeragamkan enakmen syariah di seluruh negara berjaya dan apakah usaha yang telah dibuat untuk melantik hakim syariah wanita di seluruh negara.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berusaha untuk menyeragamkan enakmen syariah di seluruh negara. Dari aspek perundangan undang-undang yang berkuat kuasa dan diterima pakai oleh Mahkamah-Mahkamah Syariah adalah merupakan akta yang diluluskan oleh Parlimen bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Manakala bagi negeri-negeri pula ianya melalui enakmen-enakmen yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri masing-masing.

Sehubungan dengan itu, kerajaan melalui Jawatankuasa Teknikal Syarak dan Sivill telah mengemukakan satu cadangan supaya penyelarasan dan penyeragaman untuk Islam negeri-negeri dibuat melalui Mesyuarat Majlis Raja-Raja. Cadangan atas nama Kerajaan Pusat telah pun diperkenankan oleh Mesyuarat Majlis Raja-raja kali yang ke-176 pada 1 Ogos 1997.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JAKIM, JKSM dan Jabatan Peguam Negara telah membuat kajian terperinci ke atas undang-undang yang terpakai di negeri-negeri iaitu Undang-undang Pentadbiran Agama Islam, Undang-undang Keluarga Islam, Undang-undang Kesalahan Syariah, Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah, Undang-undang Tatacara Jenayah Syariah dan Undang-undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah. Majlis Mesyuarat Raja-Raja telah

menerima dan memperkenankan lima rang undang-undang yang seragam untuk dijadikan model undang-undang bagi diterima pakai oleh negeri-negeri seperti yang disebut tadi.

Sebagai mana yang dinyatakan, bidang-bidang kuasa untuk mewujudkan dan menerima pakai sesuatu undang-undang yang menyentuh hal ehwal agama Islam adalah terletak dalam bidang kuasa negeri. Oleh itu, usaha penyeragaman undang-undang di Mahkamah Syariah haruslah mendapat persetujuan daripada semua negeri terlebih dahulu.

Berhubung dengan usaha kerajaan untuk melantik hakim syariah wanita, JKSM telah pun melatih dan memberikan pendedahan yang sewajarnya kepada pegawai-pegawai syariah termasuklah pegawai syariah wanita. Mereka telah diberi pendedahan di pelbagai agensi kerajaan seperti di Biro Bantuan Guaman, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara, Mahkamah Syariah negeri-negeri, bahagian pendakwaan jabatan agama Islam negeri-negeri dan sebagainya.

Sehubungan itu, kerajaan melalui JKSM mempunyai calon-calon yang layak untuk dilantik sebagai hakim syariah wanita dan sedia untuk ditempatkan di negeri-negeri. Walau bagaimanapun, ianya terpulang kepada kerajaan negeri bagi tujuan pentauliahan. Sekian, terima kasih.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah pihak kerajaan bercadang membuat had masa untuk menyeragamkan enakmen-enakmen ini memandangkan 10 tahun masa sudah berlalu dan kes ini masih lagi berpanjangan. Yang kedua, bagaimanakah respons wanita untuk mengisi jawatan sebagai hakim syariah dan berapa negeri kah yang telah berbuat demikian. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya, kita tidak bercadang untuk mengadakan had masa sebab ianya adalah tertakluk di bawah bidang negeri-negeri sendiri dan setakat ini kita dapati sudah ada lapan buah negeri yang bersetuju. Lapan buah negeri telah menerima pakai sepenuhnya, manakala yang lain lagi masih dalam proses ke arah penyeragaman sepenuhnya undang-undang tersebut.

Respons tentang hakim ini calon-calon seperti mana yang kita sebutkan tadi memang telah pun ada dan bersedia. Apa yang kita perlu tunggu sekarang ini ialah sama ada pihak-pihak negeri bersetuju untuk melantik ataupun tidak. Kalau sekiranya pihak negeri bersetuju calon-calonnya telah pun bersedia.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menjawab tadi mengatakan bahawa tidak diberi satu ketentuan masa untuk melihat selesainya program penyelarasan. Adakah ini menunjukkan bahawa penyelarasan ini tidak begitu perlu dan tidak begitu mustahak sekarang sehingga tidak terfikir kita untuk menentukan masa? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih pada Yang Berhormat. Sebenarnya apabila kita mengatakan bahawa kita tidak ada had masa bukanlah ini membuktikan bahawa

penyelarasan ini tidak perlu. Penyelarasan sebenarnya Yang Berhormat sangat perlu kerana ia memudahkan di mana semua perintah ini akan menjadi perintah yang bersaling kalau sekiranya berlaku di mana-mana negeri kalau kita ada penyeragaman tidak akan menimbulkan sebarang masalah.

Bagaimanapun kita kena maklum Yang Berhormat bahawa soal meluluskan ini adalah tertakluk kepada Dewan Undangan Negeri masing-masing dan setakat ini kalau kita lihat macam saya sebut tadi lapan negeri sudah bersetuju. Ada negeri seperti negeri Kedah, kelima-lima rang undang-undang ini belum pun lagi dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri.

Jadi kita terpaksa menunggu keputusan ini dibuat dalam Dewan Undangan Negeri masing-masing dan bagi pihak Kerajaan Persekutuan sentiasa mengalu-alukan supaya perkara ini disegerakan. Terima kasih.

**15. Puan G. K Loga Chitra** minta Menteri Kesihatan menyatakan, apakah langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah mendapatkan penderma organ kerana setiap hari ada individu yang memerlukan organ baru.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' Lee kah Choon]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan mengambil langkah yang berterusan bagi mengenal pasti penderma-penderma organ atau tisu kepada hospital-hospital kerajaan. Pada masa ini terdapat sejumlah 22 buah pasukan perolehan organ dan tisu yang telah ditubuhkan di hospital-hospital seluruh negara yang berfungsi untuk mengenal pasti kes-kes kematian termasuk pesakit yang disahkan *brain death* dengan izin, yang berpotensi sebagai penderma organ dan tisu.

Pasukan ini juga berfungsi bagi membantu penyelarasan proses perolehan organ dan tisu untuk diberikan kepada para penerima organ. 22 buah pasukan ini diselaraskan oleh Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Kebangsaan yang berpusat di Hospital Kuala Lumpur. Melalui mekanisme yang sedia ada, jumlah penderma semakin meningkat saban tahun iaitu sejumlah 25 orang penderma pada tahun 2006 berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 13 orang pada tahun 2005 dan 16 orang pada tahun 2004. Sekian.

**Puan GK Loga Chitra:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan insentif kepada penderma-penderma organ? Jika ya apakah bentuk insentif?

**Dato' Lee kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. pada masa sekarang kerajaan tidak bercadang untuk memberi insentif kepada penderma-penderma organ. Ini adalah kerana mengikut etika kedokteran, memberi insentif itu tidaklah memadai daripada pendermaan kerana kita takut ia akan menggalakkan orang jual beli organ yang ada dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ahmad bin Husin dan selepas ini saya bercadang untuk meneruskan ke soalan 16 sebagai soalan terakhir.

**Tuan Ahmad bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, apakah kaedah-kaedah yang kementerian pakai bagi menjadikan satu kewajaran agar berita dan keperluan kepada pendermaan ini dihebahkan dan diseratakan secara berterusan dan bukannya secara bermusim atau pasang surut.

Yang kedua, kita dapat melihat isu pendermaan organ ini sebagai satu isu yang perlu ditangani dengan penuh tanggungjawab, berhemah dan berhikmah di semua pihak. Apa komen kementerian? Sekian, terima kasih.

■1200

**Dato' Lee Kah Choon:** Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan memang bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat iaitu kempen ini mesti dijalankan berterusan supaya ia akan nampak hasilnya. Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang berterusan ini. Pertamanya adalah bahawa kita telah seperti yang dikatakan kita mewujudkan satu Unit Pengurusan Perolehan Organ dan Tisu Kebangsaan. Di mana unit ini akan mengkoordinasi semua usaha-usaha di seluruh negara untuk mendapatkan organ-organ ini, yang pertama.

Berkaitan dengan promosi ini kita memang ada mengadakan 22 pusat di seluruh negara. Di mana kita sentiasa bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan untuk mempromosikan kempen pendermaan organ ini iaitu kita akan mengadakan pameran, kita akan mengadakan seminar dan kita juga bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan keagamaan. Ini supaya melalui hebahan ini kita harap kita tidak waswas lagi untuk menderma organ ini. Adakah dari segi kesihatan atau dari segi keagamaan. Sekian, terima kasih.

**16. Dato' Ismail Kassim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menggalakkan orang ramai menyertai pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri khususnya RELA sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menggalakkan orang ramai menyertai pasukan RELA. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan majlis-majlis penerangan kepada orang ramai mengenai peranan pasukan RELA dan secara langsung mempelawa orang ramai menjadi ahli RELA;
- (ii) mempermudah proses kemasukan keahlian RELA dan kad keahlian dikeluarkan dalam tempoh 14 hari. Bagi maksud ini pegawai RELA daerah telah diberikan kuasa untuk mengeluarkan kad keahlian. Sebanyak 14 pejabat RELA negeri, 60 pejabat RELA daerah dan empat pusat latihan RELA telah dipasang sistem talian *streamyx* untuk mempercepatkan proses;

- (iii) mempertingkatkan imej pasukan; dan
- (iv) memantapkan pengurusan pentadbiran.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Ismail Kassim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, tidakkah kerajaan bercadang untuk memberi, meningkatkan insentif dalam masa yang terdekat. Ini kerana kita melihat sumbangan yang diberikan oleh anggota RELA ini amat besar dalam membantu dalam apa jua keadaan sekalipun. Jadi kalau melihat insentif yang dinikmati sekarang adalah dalam keadaan yang cukup rendah dan tidak berpatutan dengan sumbangan dan kudrat yang disumbangkan terhadap ikatan ini.

Jadi kalau boleh saya minta pihak kerajaan supaya kalau tidak ada dalam kajian, dikaji dengan segera bagi memastikan insentif ini dapat dilaksanakan dengan kadar yang segera.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat bahawa anggota RELA memainkan peranan yang sangat penting. Tugas utama adalah untuk menangkap PATI, yang kedua membantu polis untuk membanteras jenayah. Oleh itu pihak kementerian pun telah menaikkan elaun iaitu membayar elaun kepada anggota RELA semasa menjalankan operasi Ops Tegas iaitu dengan bayaran RM4 sejam bagi anggota yang menyertai operasi, kepada pegawai adalah RM5.80 sejam.

Di samping itu, kementerian akan menyediakan caruman wang insurans berkelompok kepada anggota RELA iaitu sebanyak RM50 seorang setahun, mulai pada tahun 2008. Sama juga kementerian ini menyediakan uniform lengkap kepada anggota yang aktif disediakan sebanyak 165,000 pasang setahun. Jadi dengan insentif-insentif yang sudah kita berikan kepada anggota RELA, saya berharap lebih ramai orang akan menyertai pasukan RELA.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di daerah saya ramai anggota RELA yang datang meminta bantuan pakaian seragam RELA. Tidakkah sebenarnya kementerian memberikan pakaian seragam secara percuma kepada mereka semua anggota RELA ini?

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian ini hanya menyediakan uniform lengkap anggota RELA untuk anggota yang sangat aktif menyertai operasi dikenali sebagai Ops Tegas. Tadi saya pun sebut setahun kita akan membekalkan sebanyak 165,000 pasang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan telah cukup.

***[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]***

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[13 Disember 2007]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus untuk menyambung ucapan.

**12.08 tgh.**

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum pada itu Yang Berhormat, boleh saya tahu berapa masa Yang Berhormat perlu dan sekali gus berapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercadang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, Dato' Tajul Urus berapa lama?

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya boleh berucap sejam tetapi sekiranya perlu, saya pendekkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tujuh lagi ya? Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk menyambung perbahasan rang undang-undang ini. Saya telah bercakap mengenai sifat keterbukaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Dari awal beliau memegang jawatan Perdana Menteri sehinggalah kepada peristiwa yang berlaku yang mengancam telah menggugat kesabaran beliau sebagai seorang Perdana Menteri yang bergelar *nice guy*. Kartun Lat pada pagi ini dalam *New Straits Times* menggambarkan bahawa *nice guy* Pak Lah sebagai Perdana Menteri itu rasa saya sudah tidak lagi [*Masalah gangguan sistem pembesar suara*] ....itu.

Keadaan perubahan ini adalah disebabkan oleh tuntutan yang tidak munasabah ekoran daripada petisyen oleh sekumpulan India Malaysia atas nama Hindraf menuntut ganti rugi kepada Kerajaan British atas andaian bahawa kaum India dieksploitasi lebih daripada 150 tahun oleh Kerajaan Malaysia. Kita tahu bahawa petisyen itu pada hari ini telah menjadi tuntutan yang berbau perkauman dan ini boleh menggugat perpaduan dan keselamatan Malaysia yang akan merugikan malah membazirkan belanjawan-belanjawan, peruntukan-peruntukan pembangunan yang dicurahkan untuk rakyat Malaysia kalau sekiranya tindakan tegas ini tidak diambil.

■1210

Dengan itu keseluruhannya rakyat Malaysia amat menyokong tindakan tegas yang diambil oleh kerajaan khususnya penggunaan ISA kepada mereka-mereka yang melanggar

undang-undang ini. Saya berpendapat bahawa, dalam kita menjana ekonomi kita menjadi sebuah negara yang lebih maju, di waktu yang sama generasi baru khasnya perlu disedarkan kepada perkara-perkara mudah, perkara-perkara asas pembentukan rakyat Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, saling menghormati dan sebagainya.

Kita mesti ingat bahawa walaupun Melayu ini peribumi, bukan semua Melayu senang hidup di tanah Malaysia pada hari ini. Malah di kalangan orang-orang kampung, orang-orang Melayu yang tinggal di desa, ada yang mati dengan berhadapan dengan ubat, bacaan Yassin dan sebagainya sahaja. Ini kerana mereka tidak ada kemampuan untuk pergi berjumpa dengan doktor dan sebagainya. Masalah kemiskinan orang-orang Melayu pada hari ini masih berleluasa, tetapi orang Melayu tidak membuat demonstrasi memaksa diambil harta benda orang asing, orang kaum-kaum yang lain untuk menaikkan tarafnya melainkan pertolongan yang di beri dengan kerajaan mengadakan program-program, bantuan-bantuan untuk meningkatkan taraf hidup ini dan itu pun dengan daya usaha mereka sendiri.

Saya ingin menarik perhatian kepada soal menghormati budaya ini. Sempena Tahun Melawat Kedah 2008, antara produk pelawat Kedah yang utama ialah melawat Lembah Bujang. Lembah Bujang adalah lembah yang terkenal dengan budaya orang Hindu. Kita tidak runtuhkan budaya Hindu di Lembah Bujang kerana ini adalah budaya Hindu yang terawal malah kita memperkayakan lagi budaya ini. Ini kerana ia menunjukkan sifat toleransi orang-orang Melayu tidak seperti mana berlaku di mana Masjid Babar di India diruntuhkan oleh masyarakat awam.

Di Malaysia, walaupun ada tuduhan-tuduhan melulu kononnya kita meruntuhkan kuil-kuil tetapi untuk makluman Yang Berhormat, di Malaysia pada hari ini terdapat 70,000 kuil. Kalaulah dasar meruntuhkan kuil itu menjadi amalan kerajaan kita, akan wujudkah sejumlah kuil yang begini besar? Dalam konteks hari ini, akhir-akhir ini tuntutan-tuntutan isu sensitif khususnya yang menyentuh orang-orang Melayu dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Walaupun mereka ini tidak bertanggungjawab tetapi ianya menggores perasaan orang Melayu sendiri. Kalaulah orang Melayu ini bangsa yang tidak sabar, saya berpendapat bahawa pertumpahan darah kedua pasti berlaku. Kita mesti ingat bahawa sejarah 13 Mei 1969 bermula apabila isu-isu sensitif ini diungkit dan dilakukan. Oleh kerana itulah dalam soal kita bercakap soal tambahan belanjawan, dalam kita bercakap soal Bajet tahun 2008, kita mesti ingat bahawa bajet yang paling utama, yang paling penting ialah soal perpaduan kita.

Oleh kerana itulah dalam konteks pada hari ini, mana-mana pihak yang mengungkit perkara-perkara yang telah dipersetujui dalam pembentukan negara Malaysia, sama ada soal kerakyatan, sama ada soal agama, sama ada soal hak-hak istimewa; pihak berkuasa atau pihak kerajaan mesti mengambil tindakan yang tegas kerana ini boleh memarakkan semangat perpecahan yang boleh menghancurkan negara Malaysia yang tercinta ini. Dari itu rakyat umumnya menuntut kerajaan supaya tidak ada tolak ansur dalam apa yang dibuat oleh pihak Hindraf ini.

Pemimpin-pemimpin India mesti bangun dengan lantang menyuarakan tentangan, bukan bermain sandiwara. Dalam konteks ini saya amat menghargai pemimpin MIC Kedah yang telah bangun dan memberi kenyataan yang tegas berhubung dengan Hindraf ini. Orang India disayangi dan diberi kedudukan yang sama rata, sama istimewa. Di kalangan orang-orang India, kita menghargai budaya mereka malah kuil-kuil besar di Sungai Petani dan di Alor Setar; walaupun letaknya di tengah jalan, masih di simpan, di *preserve* sebagai kuil tertua. Maka jalan yang kita nak buat itu kita simpang kerana kita tak hendak meruntuhkan kuil ini.

Ada satu kuil yang kecil yang dibina tanpa kelulusan, diubah dengan kelulusan kerajaan tetapi diberi peruntukan berjuta ringgit oleh kerajaan negeri dan diberi tapak yang lebih besar supaya boleh dibangunkan kuil yang besar. Ini kerana tidak ada sesiapa ingin mengganggu, menggugat hal rumah ibadat setiap kaum masing-masing; malah bukan itu saja, di Kedah kerajaan negeri memberi puluhan hektar tanah untuk membangun Kolej Perubatan MIC ataupun Kolej Perubatan Orang-orang India di kawasan Merbok. Bukan itu sahaja, malah MARA juga membuka pusat giat kepada belia-belia India. Ini menunjukkan bahawa kaum India adalah kaum yang tidak diketepikan.

Dalam konteks apabila timbul masalah perkauman baru-baru ini, sudah pasti ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan. Dalam soal cucuk-mencucuk ini ada juga pemimpin-pemimpin MIC seperti mana yang kita baca baru-baru ini bagaimana seorang Ahli Parlimen MIC yang secara tidak sengaja diheret sama untuk berkongsi bersetuju dengan tindakan Hindraf ini. Sedangkan Ahli Parlimen ini tahu bahawa pilihan raya tidak lama lagi dan dia juga bukan sahaja memerlukan pengundi orang India tetapi pengundi orang Melayu. Oleh itulah saya menyeru pemimpin-pemimpin India supaya tidak latah dalam keadaan berhadapan dengan isu-isu yang sensitif ini. Bukan itu sahaja, kita juga jangan terpengaruh dengan cucukan ataupun mengapi-api oleh pihak Amerika. Bagi saya, Amerika adalah ibu kepada segala syaitan di dunia ini.

Amerika menuduh kita meruntuhkan kuil, Amerika menuduh kononnya kita menghalang demonstrasi secara aman, malah kita masih ingat betapa biadabnya bekas Naib Presiden Amerika, Al Gore yang secara kurang ajar menghina kita ketika kita memberi jamuan makan kepadanya. Inilah Amerika sebenarnya dan Amerika menuduh bahawa kita tidak membicarakan tahanan tetapi mereka lupa kepada tahanan di Guantanamo Bay yang beribu-ribu tahanan Iraq yang ditahan tanpa bicara. Kezaliman yang ditunjukkan oleh Amerika pada hari ini, dia adalah bangsa yang tidak perlu dihormati pandangan ataupun tindakannya.

Penyelesaian yang perlu ada kepada isu ini ialah kerajaan mesti melaksanakan ISA secara tegas. ISA tidak boleh dibuang dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia ini. Sekiranya kita ingin menjamin keamanan dan kemakmuran negara kita ini, ISA mesti dilaksanakan kepada mereka-mereka yang jelas nyata menggugat keselamatan kita. Di samping itu, kerajaan juga mestilah memperkasakan Jabatan Perpaduan Negara. Pihak Perdana Menteri mestilah meletakkan Menteri yang bertanggungjawab kepada Jabatan Perpaduan Negara ini Menteri yang

berwibawa, yang mempunyai kerja kuat, bersungguh-sungguh untuk menentukan bahawa perpaduan kita akan terjamin sehingga ke akhir hayat kita.

■1220

**Tuan Osman bin Bungsu:** Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya teringat semasa saya dilantik menjadi Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat, tugas yang diberikan kepada Ahli Panel Penasihat Perpaduan Negara peringkat kebangsaan ini sama ada telah menjalankan tugas yang begitu baik atau perlu diperingkatkan untuk mengeratkan integrasi ataupun program-program yang boleh memperlihatkan bantahan kaum-kaum ini sama ada dari segi ekonomi, budaya dapat dipertingkatkan.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya setuju dengan Yang Berhormat. aktiviti Jabatan Perpaduan mesti ditingkatkan. Program-program menunjukkan perpaduan dan kemesraan mesti dilakukan, bukan itu sahaja malah peruntukkan mesti di tambah kepada aktiviti-aktiviti ini. Bukan sahaja aktiviti yang menunjukkan perpaduan itu malah sekali sekala saya berpendapat bawa media perlu menayangkan betapa teruknya, sengsaranya sekiranya berlaku peristiwa 13 Mei 1969. Sebagai pengingatan kepada rakyat Malaysia bahawa kita tidak hendak perkara itu. Kita tidak boleh membiarkan keseronokan individu-individu seronok bercakap soal menjadi hero kepada bangsa mereka.

Sebenarnya pada hari ini rakyat Malaysia dia tidak boleh jadi hero kepada orang Melayu, kepada India ataupun orang Cina. Orang Malaysia hari ini mesti menjadi hero kepada rakyat Malaysia. Ini perkara yang penting bagi orang Melayu, orang Melayu tidak akan buat sepertimana yang dilakukan oleh Kolonel Sitiveni Rabuka di Fiji. Dengan izin, *revoke constitution* kerana apa? Ini kerana dia merasakan bahawa kuasa memerintah Fiji sudah berada di tangan orang-orang yang mempunyai keturunan India. Orang Melayu tidak akan buat itu kerana konsep Barisan Nasional kita ialah perkongsian kuasa antara kaum.

Ini perlu di ingat oleh semua pihak dan apabila ada program, ada kegiatan tindakan-tindakan yang dibuat untuk menyelesaikan masalah ekonomi orang bumiputera. Ini juga adalah satu langkah untuk mengekalkan perpaduan rakyat Malaysia, kerana apalah malang orang Melayu dan orang bumiputera kalau di tinggal di Malaysia ini dia menjadi hamba abdi kepada negara dia sendiri dan ini perlu difahami. Oleh kerana itulah orang-orang jangan ada mana-mana pihak secara lantang menyindir dan membuat kritikan yang boleh menimbulkan rasa tidak senang di kalangan orang Melayu ini.

Perkara yang perlu dilihat kerajaan hari ialah juga masalah-masalah kuil,, masalah-masalah surau di taman dan masalah-masalah yang sensitif ini secara lebih serius lagi. Pada hari ini kuil-kuil secara haram tumbuh seperti cendawan. Surau-surau secara haram tumbuh tanpa kebenaran pihak-pihak berkuasa. Perkara-perkara ini apabila wujud adalah sukar untuk

kita meruntuh ataupun menghalang dan sebagainya kerana kalaulah kita meruntuh rumah ibadat ini, ianya menjadi isu besar yang menyentuh perasaan penganut-penganut agama itu sendiri.

Oleh kerana itulah kerajaan mesti melihat, menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji perkara ini secara lebih serius dan mengambil tindakan-tindakan. Ini supaya rumah-rumah ibadat ini dapat dibina mengikut peraturan, mengikut undang-undang, mengikut tatacara yang tidak boleh menyebabkan ianya di runtuh semula ataupun dihapuskan semula yang boleh membawa kepada kemarahan penganut-penganut agama itu. Perkara-perkara ini saya berpendapat bahawa adalah perkara yang perlu di bincang semuka, perlu di bincang dari hari ke hati antara pemimpin antara pemimpin-pemimpin kaum-kaum di Malaysia ini.

**Dato' Yip Kum Fook:** Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat telah mengatakan kuil-kuil bertumbuh seperti cendawan di seluruh negara. Kita sudah ada garis panduan perancangan sejagat yang telah digubal oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam garis panduan itu kita telah menetapkan satu nisbah iaitu setiap 2,600 rumah ada peruntukkan satu tapak untuk tempat ibadat bukan Islam. Adakah garis panduan ini tidak diguna? Apa pendapat Yang Berhormat berkenaan bertumbuhnya seperti cendawan ini, terima kasih.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Yang Berhormat. memang ada garis panduan, tapi kadang-kadang itu pelaksanaannya tidak sepertimana garis panduan dan peraturan yang ditetapkan itu. Saya menyebut soal kuil-kuil yang tumbuh begitu banyak, kadang-kadang kuil-kuil ini tumbuh diwujudkan bukanlah disandarkan kepada kebenaran peraturan itu, tetapi bersandarkan kepada kepercayaan orang ramai itu.

Sebagai contohnya, saya pernah tinggal di Kampung Masjid, namanya Kampung Masjid. Di kampung itu ada seorang India yang tinggal di kampung itu. Namun, kerana malam dia itu di bermimpi bahawa dia perlu mencacahkan tiga besi di tempat satu pongsu pokok besar maka pada hari ini maka pokok besar itu sudah menjadi kuil yang besar. Jadi perkara-perkara yang beginilah yang saya berpendapat bahawa pihak berkuasa perlu memanggil ketua-ketua kaum ini untuk kita duduk bersemuka dan menentukan peraturan-peraturan membina kuil ini secara yang lebih jelas lagi.

**Tuan M. Munusamy:** Laluan.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat Tuan Munusamy hendak bercakap. Terima kasih.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak bangkitkan saya perkara sahaja, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat. Berkenaan kuil-kuil yang disebutkan oleh Yang Berhormat, sebenarnya masalah kuil-kuil di dalam negara ini adalah dijadikan masalah kerana tidak ada kawasan-kawasan untuk memindah kuil.

Seperti di ketahui secara umum bahawa masyarakat India pada awalnya telah duduk dalam kawasan perladangan. Apabila kawasan-kawasan perladangan itu telah dimajukan, pemaju-pemaju biasanya tidak memberi kawasan-kawasan alternatif ataupun tapak-tapak gantian bagi kuil-kuil yang sedia ada di dalam satu-satu ladang. Itu sebabnya kita hadapi masalah untuk memindah kuil itu ke kawasan bandar ataupun di kawasan di mana ramai penduduk itu penduduk India memindah.

Oleh itu adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya saya mencadangkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri dan juga Kementerian Kerajaan Tempatan yang seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian itu dapat dilaksanakan. Bahawa kuil-kuil yang pindah ataupun di bina kawasan-kawasan perladangan itu dapat di pindah dengan lebih teratur dengan persetujuan daripada masyarakat dan juga ketua-ketua agama di satu-satu kawasan. Saya berharap sekiranya perkara ini berlaku, pemecahan kuil-kuil yang begitu sensitif tidak akan berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh jawab dan selepas itu gulung.

**Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Yang Berhormat Munusamy. Saya bersetuju dan inilah masalah dia iaitu apabila kawasan estet dibangunkan maka akan berlakulah soal kuil-kuil yang perlu dirobuhkan. Perkara yang lebih daripada itu ialah kadang-kadang dalam satu estet itu ia tidak ada satu kuil, ia ada berpuluh-puluh kuil. Jadi perkara-perkara ini tidak boleh diselesaikan dengan perbincangan begini tetapi memerlukan persemukaan antara pemimpin yang terlibat.

Akhir sekali yang saya hendak sebut, kalau kita bercakap soal kaum yang tersisih dalam soal pembangunan saya berpendapat bahawa kaum, Orang Aslilah yang paling tersisih. Oleh kerana itu saya mencadangkan bahawa pada hari ini kerajaan memberi peruntukkan yang besar kepada kaum Orang Asli ini, paksa mereka tinggal di rumah banglo.

#### ■1230

Buat bandar moden untuk Orang-orang Asli malah kalau boleh kita lantik Orang Asli menjadi menteri penuh untuk menentukan bahawa kaum Asli ini berada bersama-sama dengan kita.

Kesimpulan saya, demokrasi penting tetapi demokrasi itu tidak sepenting kalau sekiranya ia boleh mengancam perpaduan dan keselamatan kita. Oleh kerana itu sekiranya keadaan-keadaan yang dilakukan oleh Hindraf ini memerlukan tindakan yang lebih tegas daripada kerajaan termasuk membubarkan Parlimen meletakkan di bawah MAGERAN saya berpendapat itu boleh dilakukan. Ini kerana kecintaan saya bukan kepada demokrasi ala barat tetapi kecintaan saya adalah kepada perpaduan rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum. Dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Osman Bungsu.

**12.31 tgh.**

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut sama-sama berbahas dalam Bajet 2008.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, maaf saya mengganggu sekejap. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran di dalam Dewan yang mulia ini H. E Song Beo Ru', Vice Chairman of the Sub-committee for Handling Proposals National Committee of the Chinese People's Political Consultative Conference (CPPCC) Republik Rakyat China dan delegasi beliau. Moga-moga kehadiran beliau dan delegasi dalam Dewan ini akan mengeratkan lagi perhubungan di antara Malaysia dan China. Izinkan saya juga untuk mengalu-alukan delegasi ini dalam bahasa Mandarin.... [*Bercakap dalam bahasa Mandarin*] [*Tepuk*] Sila teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pembentangan Bajet 2008 adalah penting kerana ia merupakan tahun ketiga pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan yang berteraskan Misi Nasional. Ia merupakan fasa yang kedua ke arah pencapaian Wawasan 2020. Oleh itu 15 tahun yang mendatang adalah merupakan tahun-tahun yang mencabar untuk menjadikan negara kita sebuah negara mahu menurut acuan kita sendiri. Kemajuan yang akan dicapai sepatutnya bersifat holistik dan merangkumi kesembilan cabaran wawasan 2020.

Kemajuan juga sepatutnya dapat dinikmati oleh semua rakyat dan sekali gus membina tamadun negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang. RMK-9 sewajarnya mampu membentuk sebuah negara yang maju dari segi ekonomi seimbang pembangunan sosial, rakyat bersatu-padu, berbudaya dan berdaya saing di peringkat global. Kita ucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan yang menyediakan bajet menyeluruh untuk semua rakyat termasuk masyarakat Orang Asli. Perbahasan saya tertumpu pada dua, tiga kementerian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin menyentuh tentang kemajuan luar bandar yang bertanggungjawab terus kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang mana tadi telah disokong oleh Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus mengenai perlu wujudnya Kementerian Orang Asli, kalau ada kementerian makna ada menteri. Saya amat menyokong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang mempunyai laman web yang menarik dan inovatif.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat, boleh saya minta laluan.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Bagi ruang sekejap, habiskan ini.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Okey, okey, terima kasih.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Saya ingin mencadangkan agar laman web ini memperbanyakkan ruangan yang memaparkan budaya masyarakat Orang Asli. Dalam masa yang sama harus disedari kemudahan-kemudahan teknologi masyarakat, maklumat ICT masih terhad dan terbatas kepada masyarakat Orang Asli. Kemudahan komputer perlu diperluaskan kepada penempatan-penempatan Orang Asli. Persoalannya adakah kementerian mempunyai

perancangan yang menyeluruh bagi memperluaskan dan memperlengkapkan kemudahan-kemudahan teknologi maklumat ini kepada masyarakat Orang Asli. Sila.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu. Apa kata Yang Berhormat kalau saya bertanya Yang Berhormat, apakah perlu kita mengekalkan keaslian Orang Asli, apakah belum sampai masanya kita mengubah mereka menjadi seperti orang-orang lain juga. Saya rasa adalah lebih senang ke arah itu daripada terus menerus mengekalkan keaslian Orang Asli. Minta maaf saya tidak bercadang nak mengadakan semacam *ethnic cleansing* dalam masalah ini. Apa kata Yang Berhormat? Terima kasih.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Yang Berhormat kerana prihatin kepada masyarakat Orang Asli. Pada saya, kita hidup bermasyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum. Maka kaum inilah yang perlu kita wujudkan supaya kita dalam Malaysia ada keharmonian, maka tidak wujud bagi saya bila kita memperkatakan Orang Asli maka kita nak memperjuangkan setingginya kemudahan Orang Asli. Pada saya untuk mengekalkan Orang Asli merupakan satu daripada etnik di Malaysia ini yang ada pelbagai kaum. Maka jadi susah sangat untuk melakukan satu *cleansing* yang pada saya tidak akan berlaku di negara kita.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan masyarakat Orang Asli perlu dilanjutkan. Sebagai satu strategi bajet adalah menjamin kesejahteraan rakyat. Kementerian melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli terus memantau perkembangan masyarakat Orang Asli untuk menyusun semula strategi merancang peringkat daerah, negeri juga peringkat akar umbi dan kumpulan sasar. Kita menghargai kerajaan negeri Johor, Selangor, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu, Pahang dan lain-lain yang terus menyokong dalam usaha membangunkan masyarakat ini.

Soal yang pertama iaitu pembangunan kemiskinan. Kita lihat di kalangan masyarakat Orang Asli menjadi agenda utama dalam Bajet 2008 ini iaitu melalui projek ekonomi seperti pembangunan tanah, penyerapan isi rumah ke dalam sektor moden, perindustrian, pembangunan dan masyarakat perdagangan dan perindustrian Orang Asli dan penempatan baru. Sasaran bagi mengisi sifar kemiskinan tegar menjelang 2010 diharap akan tercapai. Adalah difahamkan terdapat lebih 1,000 Orang Asli yang masih berada dalam paras kemiskinan tegar.

Maka Tuan Yang di-Pertua, program pembangunan tanah telah sedang dan akan dilaksanakan kerajaan melalui tanaman kelapa sawit dan getah dengan kerjasama FELCRA dan RISDA. Masalahnya di kalangan masyarakat Orang Asli ialah tanah yang dibangunkan bukan hak milik. Dasar pemilikan tanah kepada Orang Asli perlu diselesaikan segera termasuk tanah rizab Orang Asli yang diwartakan.

Tuan Yang di-Pertua, impaknya bila kita memikirkan hak milik tanah Orang Asli, sudah tentu kita akan memberi satu *sense of security*, dengan izin, kepada masyarakat Orang Asli. Serta persamaan pemilikan seperti dinikmati oleh masyarakat lain. Begitu juga membolehkan

Orang Asli tinggal tetap, kekal bagi mengamalkan budaya kehidupan yang berpindah randah walaupun sekarang ada tinggal sedikit seterusnya mengintegrasikan masyarakat Orang Asli dalam arus pembangunan masyarakat perdana.

■ 1240

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya hak milik tanah ini, sudah tentu kita dapat melihat membolehkan wujudnya satu kawalan untuk menjamin tidak akan berlakunya pindah milik secara tidak sah, di mana sewenang-wenangnya, Orang Asli boleh dipindahkan, boleh digantikan tanahnya tanpa memikirkan jangka panjang dari segi ekonomi, budaya dan sebagainya. Tanah juga akan dapat dijadikan satu faktor ekonomi, memudahkan pelaburan pembangunan dan tidak akan terbiar. Pembangunan yang dilaksanakan akan dapat memberi pulangan yang maksimum. Kita tahu dengan tanah akan membawa satu masyarakat ini yang boleh bukan sahaja budayanya berkembang, malah ekonominya berkembang dan boleh juga kita dapat melihat satu masa akan datang hak milik tanah ini menjamin hidupnya 10 hingga 20 tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya harap tanah yang statusnya ini telah diberikan, kalau saya lihat kerajaan telah meluluskan satu dasar iaitu pada tahun 1997 oleh jawatankuasa khas tentang tanah Orang Asli telah dipersetujui oleh Pengarah Tanah Malaysia pada bulan September 1997 rujuk pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Bilangan 6/99 yang mengatakan tentang tanah ini. Saya harap perkara ini dapat dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berharap kepada pembangunan tanah yang dikendalikan oleh FELCRA dan RISDA. Saya berharap tanah ini terus diberi milik kepada pihak yang berkenaan kerana saya difahamkan oleh pihak peserta-peserta yang terlibat bahawa peserta yang terlibat sahaja akan mendapat dividen tetapi kepada keluarganya, peserta ini tidak layak dan akan diberi pertimbangan kalau diberi semula. Maknanya keluarga keturunannya tidak layak mendapat waris daripada harta ini.

Kemudian saya cadangkan juga kepada kementerian agar pendapatan daripada RISDA dan FELCRA ini dapat diberi secara bulanan. Tidak dibagi secara interim. Setahun dua kali. Kadang-kadang setahun sekali. Dapat RM4,000 – RM5,000 sekali dapat dividen akhir tahun. Maka dalam akhir tahun ini, bulan dia telah menderita hendak menunggu hasil, tunggu akhir tahun. Tunggu budak sekolah baru hendak bagi. Sedangkan budak sekolah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli sudah ada. Jadi berilah secara bulanan dengan cara ini dia dapat mengamalkan gaya hidup sihat. Iaitu dengan cara ini dia dapat menguruskan cara makanan setiap bulan. Dia dapat makanan yang baik. Dia dapat beli makanan yang baik. Dapat menambahkan piramid pemakanannya. Protein, tenaga, vitamin, karbohidrat, dapat disusun dengan baik. Begitu juga dengan gaya pengurusan kewangan. Bila dia sudah ada duit, dia dapat menyusun dia punya bajet bulanan dia. Tidaklah bergantung dengan hasil di kawasan pendalaman seperti rotan, sedangkan tanah itu adalah tanah milik yang telah diusahakan begitu lama.

Jadi saya harap perkara ini dapat diberi perhatian oleh kerajaan dalam menangani isu-isu ini. Saya difahamkan perkara ini telah lama. Baru-baru ini kampung di Pahang saya tidak mahu sebut kampungnya, berlaku hendak bayar interim bertanggung-tanggung. Maka orang kampung sudah resah, maka mereka jual hasil tanah, hasil daripada kampung itu ke kawasan luar. Maka tindakan telah diambil. Peserta ini ditangkap, di masuk ke dalam jail, dia telefon saya. Saya rasa kalau boleh ramai-ramai masuk dalam jail supaya kerajaan dapat tengok tanah sendiri, usaha sendiri orang lain yang buat kerja, orang lain dapat hasil. Yang sepatutnya orang kampung kerja, orang Bangla, orang Nepal yang datang ke situ menoreh getah. Kita hendak beri dia gaji murah, tetapi yang seksa ialah orang kampung. Maka satu sistem ini perlu dikaji semula tentang pembangunan tanah di kampung Orang Asli.

Yang kedua tentang Kementerian Pelajaran. Izinkan saya menyentuh Kementerian Pelajaran Bajet 2008, memberi peruntukan besar kepada pembangunan pendidikan Orang Asli. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah banyak mewujudkan program-program untuk meningkatkan tahap kualiti modal insan di kalangan Orang Asli. Contohnya kerajaan telah memilih sekolah modal khas komprehensif Orang Asli yang ada di Paloh Inai. Begitu juga memilih sekolah kluster di kalangan sekolah Orang Asli yang mana telah dapat meningkatkan modal insan pencapaian dia orang sekolah-sekolah Orang Asli pun telah mula meningkat. Ada yang dapat 5A di peringkat UPSR.

Begitu juga pelaksanaan KAP, saya amat bersetuju. KAP yakni Program Kokurikulum Asli dan Penan, yang mana saya telah melawat, saya tengok program ini mendatangkan faedah atau kesan yang besar. Maka saya berharap kepada kerajaan dapat memperluaskan program ini. Hanya saya fikir tentang tenaga cikgunya perlu dipantau kerana dia terletak di kawasan pedalaman. Gerak geri cikgu ini perlu dipantau kerana kadang-kadang masa lawatan saya, kadang-kadang cikgu ini lewat hendak masuk atas alasan hujan, jalan tak ada tapi dia tak fikir bahawa tangga gaji yang diberi kepada mereka, insentif lagi diberi kepada mereka tidak merupakan satu pengorbanan besar kerajaan untuk melihat dia datang tepat 7.30, balik tepat pukul 3.00 atau pukul 2.00 seperti mana yang telah ditetapkan. Kadang-kadang tunggu hari Jumaat patut tak balik, tapi dia balik. Kata hendak sembahyang Jumaat, dah tiga minggu tak balik. Ini bukan satu persoalan yang ringan. Kerana ini kerajaan telah memberi satu peruntukan yang besar untuk melihat tenaga guru yang profesional ini dapat meningkatkan tahap pendidikan yang diberikan kepada mereka untuk menjalankan tanggungjawab walau di mana mereka berada pasti tanggungjawab itu seminit ke dua minit perlu ada diberi perhatian.

Begitu juga dengan guru ini tentang beban tugas. Saya berharap Kementerian Pendidikan perlu melihat tentang tugas guru ini. Saya 10 tahun dahulu saya sudah dengar dah macam mana ada seorang pembantu guru untuk menjalankan tugas-tugas perkeranian yang membebaskan cikgu. Pertama saya lihat ialah tentang kerja-kerja mencatatkan kehadiran pelajar. Markah daripada murid-murid, minit-minit mesyuarat dan pelbagai lagi yang mengganggu

tugas fokus guru ialah mengajar. Kadang-kadang saya lihat guru sedih juga. Hari Jumaat, hari Sabtu, hari Ahad kadang-kadang perlu bersama keluarga dah tak sama dah. Kita balik petang, dia pun balik petang. Manalah kita lihat penstrukturan semula cikgu ini perlulah kalau ada masa untuk mengadakan mesyuarat, berilah masa Sabtu dan Ahad sama juga dengan kakitangan awam, berilah dia peluang untuk cuti. Kalau hendak jalankan tugas hari Isnin sampai hari Selasa, buatlah tugas itu sama ada sampai petang, jadi hari Sabtu, hari Ahad ini dapat bersama-sama dengan keluarga di rumah. Saya berharap perkara ini mendapat perhatian daripada menteri.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya cuba menghayati hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Osman Bungsu yang begitu penuh emosinya dan kalau dilihat rata-rata di dalam bajet yang dibentangkan oleh pihak kerajaan yang dapat kita tidak nafikan, dari segi dasarnya memang baik juga, cuma kalau dapat saya baca perasaan Yang Berhormat Osman tadi ternyata soal pelaksanaannya yang memerlukan suatu rombakan sama ada terlibat di pihak Jabatan Orang Asli itu sendiri, mahu pun di peringkat akar umbi yang berhadapan dengan masyarakat Orang Asli itu sendiri.

■ 1250

Mungkin hampir 160,000 Orang Asli di negara kita yang amat-amat memerlukan dari segi untuk menikmati apa-apa faedah yang diperolehi oleh masyarakat lain. Di sini saya minta pandangan Yang Berhormat nampaknya soal pelaksanaan, dasar kerajaan memang terlalu baik dan memang begitu positif andai kata ianya dapat direalisasikan oleh jentera pentadbiran Orang Asli dan apa pandangan Yang Berhormat juga dari segi jika dibuat perbandingan dengan masyarakat Orang Asli di Amerika, *Red Indian* di mana mereka kalau dilihat dasar demokrasi Amerika ternyata begitu *human right*nya begitu diperjuangkan, tetapi pelaksanaan nampaknya begitu negatif dan terbukti masyarakat Orang Asli di Amerika sememangnya telah tersisih dan tertindas, apa pandangan Yang Berhormat.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat juga merupakan seorang pejuang, sentiasa membantu saya memberi idea bermacam-macam dalam membangunkan masyarakat Orang Asli. Saya sebenarnya kurang pasti tentang kemajuan yang sudah dicapai oleh Red Indian ini. Saya berharap pihak kementerian dapat menjawab soalan ini supaya dapat mendedahkan apakah kajian-kajian yang telah dibuat sebagai satu perbandingan bagi dia menyusun semula strategik yang kita tahu Orang Asli ini paling miskin berbanding dengan orang India tetapi Orang Asli tidak buat perhimpunan haram jalanan itu, sebahagiannyalah bukan semua.

Orang Asli tetap dengan pendiriannya membantu kerajaan dalam membantu Kerajaan Barisan Nasional dalam pilihan raya-pilihan raya yang lepas. Jadi pada saya tentang pelaksanaan ini, memanglah peringkat sekolah pun kita tengok tadi, tenaga guru kita dapatkan

guru, tetapi pelaksanaannya pemantauan di peringkat daerah ini di kalangan kehadiran guru, kadang-kadang saya hendak datang, dia orang sudah tahu saya hendak datang, maka bila Yang Berhormat hendak datang. Jadi saya rasa perkara itu tidak perlu wujud, kalau ada pemantauan untuk meningkatkan tahap pendidikan di kalangan Orang Asli atau Pegawai Jabatan Orang Asli, kalau perlu dirombak, dirombak.

Strukturanya perlu dirombak. Kalau kakitangannya kurang, berbanding dengan penduduk Orang Asli yang tidak ramai, tetapi kurang memerlukan tenaga, sumber manusia perlu diwujudkan. Sehingga baru-baru ini di Johor Pengarahnya tidak ada, berbulan-bulan tidak ada, kadang-kadang ada yang memangku, berbulan-bulan. Jadi ini perlu distrukturkan semula pegawai-pegawai ini. Kalau boleh biarlah orang itu tegas dalam membangunkan masyarakat Orang Asli. Kita tidak hendak nanti bila pegawai-pegawai tidak tegas, maka dia pula mendengar kata orang kita di peringkat bawah yang pengetahuannya kurang terikut-ikut. Begitu juga dengan pegawai-pegawai yang lama ini, perlu dirombak. Kadang-kadang saya tengok pegawai yang ada satu daerah itu sampai berbelas tahun sudah berakar umbi duduk di situ, tidak pindah-pindah. Sudah jadi asam garam, tengok sahaja orang datang, sudah tahu tetapi tidak hendak buat apa-apa. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi tentang Jabatan Orang Asli ini, apakah maksud Yang Berhormat adakah Jabatan Orang Asli ini tidak berkesan ataupun tidak bertanggungjawab dan tidak dapat menjalankan tugas untuk kebajikan Orang Asli, apakah itu maksud Yang Berhormat, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya juga minta Yang Berhormat untuk menjawab dan menggulung perbahasan ini.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya tidak bermaksud bahawa pegawai-pegawai di Jabatan Orang Asli tidak bertanggungjawab tetapi Jabatan Orang Asli juga merupakan salah satu daripada agensi pelaksana kerajaan. Kalau boleh kita tengok orang yang berketerampilan dari kementerian-kementerian yang lain yang telah menunjukkan satu kejayaan dalam pengurusan tadbir dia, kita lantik dia menjawat jawatan berkenaan. Tidaklah dia duduk statik di situ. Maka berakar umbilah pemikiran dia.

Sama juga dengan saya duduk bertahun-tahun, jadi saya harap itu sahajalah Yang Berhormat. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, saya berharap sekali lagi kepada kementerian yang sepatutnya ada tiga kementerian yang perlu saya bincangkan, tetapi saya berharaplah kepada kementerian yang saya sebutkan tadi terutama Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Pelajaran memberi perkara ini untuk membangunkan insan yang ada di kampung Orang Asli. Dengan ini saya menyokong bajet ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok.

**12.56 tgh.**

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang membahaskan Rang undang-undang Perbekalan 2008. Tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan ketika membentang Bajet 2008 lalu.

Bajet 2008 diperuntukkan sejumlah RM176.9 bilion iaitu 10.9% lebih tinggi berbanding daripada peruntukan pada tahun 2007. Bermakna RM128.8 bilion diperuntukkan untuk mengurus dan RM48.1 bilion bagi peruntukan pembangunan. Matlamat kerajaan untuk memastikan pertumbuhan ekonomi berterusan. Kita mengetahui persekitaran ekonomi dunia pada tahun 2008 adalah lebih mencabar daripada tahun ini.

Kerajaan begitu pragmatik menjangkakan pertumbuhan ekonomi akan terus kukuh, dijangka kadar peningkatan 6% hingga 6.5% pada tahun 2008. Pelaburan swasta dijangka berkembang sekitar 9.5%. Sektor perkhidmatan juga dijangka berkembang sebanyak 8.6% diketuai oleh aktiviti pelancongan. Jadi perkara dua ini adalah sangat mustahak iaitu pelaburan dan juga sektor perkhidmatan. Ekoran daripada rakyat yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan perhimpunan jalanan ini, ianya menyebabkan kemungkinan pertumbuhan ini akan terencat. Kerana pelabur-pelabur yang ingin melabur dalam negara dan pelabur-pelabur yang sedia ada di negara, apabila melihat perkara-perkara perhimpunan jalanan ini terus berlaku, mereka yang dalam negara ini akan keluar dan mereka yang ingin melabur dalam negara akan memegang *hand break* atau *break* tidak masuk dalam negara.

Begitu juga dengan pelancongan, pada pelancong-pelancong yang berada di luar negara yang ingin melancong di negara kita pada 2008, akan juga merasa dengan perhimpunan jalanan ini, maka mereka juga akan membatalkan untuk melancong di Malaysia.

Saya juga berharap, bagi mereka-mereka yang tidak berpuas hati, janganlah menyusahkan orang ramai, janganlah menyusahkan negara. Kumpulan-kumpulan penghasut bukan mengumpulkan segala keberanian mereka untuk berjuang bagi pihak sesuatu kaum, dengan membelakangkan saluran undang-undang. Kalau hendak ikut tidak puas hati, orang Melayu yang majoritinya 62%, lagi tidak puas hati. Lihatlah daripada persidangan-persidangan cawangan UMNO, juga dari bahagian Perhimpunan agung UMNO, bagaimanakah perasaan orang-orang Melayu mereka banyak tidak puas hati tetapi kita mengikut saluran. Jadi saya berharap keberanian mereka adalah untuk memajukan negara.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana tidak menaikkan tol bagi empat buah lebuh raya utama iaitu Lebuh Raya Utara Selatan, Lebuh Raya Bertingkat Ampang, Jambatan Pulau Pinang dan juga SPRINT - Kerinchi Damansara. Baru-baru ini kerajaan mengumumkan dia telah membelanjakan sebanyak RM240 juta sebagai pampasan ganti rugi kepada syarikat konsesi kerana tidak menaikkan tol. Ini adalah jumlah yang besar, jumlah ini boleh kita miliki tiga buah bangunan MAS.

Dengan ini saya ingin bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab, saya mengetahui bahawa setiap tiga tahun memang ada rundingan. Rundingan ini kebanyakan tidak berpihak kepada kerajaan. Rundingan terus dibuat, di hujung rundingan itu adalah kenaikan harga tol. Kemusykilan di sini adalah apakah jenis asas pengiraan perjanjian konsesi yang diguna pakai dalam menentukan kenaikan kadar tol di lebuh raya di Malaysia ini. Saya punya persoalan adakah kaedah pertambahan bilangan kenderaan yang berganda atau berganda-ganda atau kenderaan yang berganda-ganda, sebelum mencapai bilangan kenderaan unjuran jangkaan di luar jangka oleh syarikat konsesi itu, apakah pertambahan bilangan kenderaan yang meningkat berganda-ganda ini tidak diambil kira sebagai faktor diskaun dalam menentukan kadar tol yang tidak dinaikkan. Tuan Yang di-Pertua, justifikasinya di sini secara realitinya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada petang nanti.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Kamarudin Ambok sila sambung ucapan. Saya juga ingin beritahu bahawa saya akan minta pihak kerajaan mula menjawab dan menggulung perbincangan pada pukul 4.00 atau sebelumnya. Bermakna paling banyak masa Yang Berhormat ada lima orang lagi berkongsilah 67 minit baki yang ada dari sekarang. Jadi pihak kerajaan akan menjawab pada pukul 4.00 atau sebelumnya jika kelima-lima ini habis berucap. Maka bolehlah lebih kurang seorang 15 atau 20 minit. Silakan Dato'.

**2.32 ptg.**

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mencuba untuk mempercepatkan perbincangan saya.

Tuan Yang di-Pertua, justifikasinya yang saya nyata tadi secara realitinya, kenderaan meningkat berganda-ganda kerana pembangunan yang pesat di sepanjang laluan lebuh raya. Contohnya pembangunan harta tanah dan fizikal yang berterusan di Bandar Baru Nilai, Dengkil, Salak Tinggi, KLIA, Sepang, Terminal Tambah Murah LCTT dan banyak lagi. Ini di mana tidak termasuk pembangunan harta tanah dan fizikal yang berterusan sepanjang lebuh raya di sebelah utara.

Jadi maksud saya dengan pertambahan ini, ertinya kenderaan bertambah. Jadi kesimpulan daripada persoalan saya adalah adakah unjuran trafik jangkaan pihak syarikat konsesi mengambil kira justifikasi yang saya sebut tadi dan adakah ianya tidak memberi impak

ketara di atas pendapatan syarikat konsesi. Dengan ini, wajarlah pihak kerajaan mengadakan rundingan semula dengan pihak syarikat konsesi berdasarkan justifikasi yang telah saya berikan.

Jika perundingan tersebut tidak mendapat tindak balas positif daripada syarikat konsesi, saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil alih semua operasi lebuhraya di Malaysia ini.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Minta laluan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Silakan.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Selain daripada lebuhraya, apa pendapat Dato' berkenaan dengan Jambatan Pulau Pinang ini. Kalau dahulu ada masa yang kita nampak tidak ada *traffic jam*, hari ini daripada pukul 6.30 pagi sampailah pukul 11.00 malam, *bumper to bumper*, dengan izin. Namun ada juga ura-ura terdengar, kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah itu.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** ...Hendak dinaikkan tol di jambatan itu. Perlukah juga disamakan rundingan mesti diadakan bersama dengan syarikat konsesi ini seperti mana Yang Berhormat cadangkan untuk lebuhraya?

**Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok:** Betul, Yang Berhormat. Benda itu adalah benda yang sama. Jadi saya tengok pada hari ini, Yang Berhormat, kenderaan unjuran asal itu, semasa dia hendak buat lebuhraya itu dia mesti ada satu bajet dia, berapakah jumlah kenderaan patut lalu sekian masa. Jadi memang tiap-tiap tiga tahun perbincangan dia mestilah ada hendak naik harga di hujung keputusannya tetapi tidak ada satu impak daripada kenderaan bertambah ini diambil kira sebagai faktor diskaun. Ia sama, jambatan kah, mana-mana *highway* lah. Jadi sampailah masa pihak yang membuat perbincangan ini mengambil kira sebagai penambahan kenderaan ini sebagai satu faktor untuk mendapat diskaun untuk tol tidak dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Pada tahun ini bas ekspres banyak terlibat dalam kemalangan jalan raya. Punca utama kemalangan kalau kita dengar, lihat daripada kes-kes itu, jelas menyatakan bahawa ialah berpunca daripada kerakusan pengusaha-pengusaha pemilik bas ini untuk mendapat keuntungan lebih dengan memberi gaji mengikut trip. Jadi mereka ini kalau ikut trip, dia hendak cari duit lebih, maka dia bawa macam *superman*, *superhero* – dia telan dadah kah, apa-apa sahaja. Itu menyebabkan berlakunya kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya dalam hal ini, apakah pihak kementerian bersetuju dengan pandangan saya iaitu satu kaedah penyelesaian pemandu ini dapat kita atasi dengan menubuhkan satu badan konsortium yang dimiliki oleh semua pemilik bas di bawah pengurusan dan kawalan terus oleh LPKP bagi menggaji semua pemandu bas ekspres ini. Maksud saya,

pemilik bas ini hanya *supply* bas dengan *maintenance* bas sahaja. Pemandu ini biar LPKP ambil dan hadkan perjalanan dia. Misal kata tiga jam, rehat dua jam dan tiga jam sambung balik.

Kalau kata pemandu bas ini datang dari Johor Bahru, dia sampai tiga jam ke Ayer Keroh ke misalnya, dia berhenti di situ, *stop*. Ada ruang rehat di situ, di situ ada tempat dia tidur kah, tempat dia makan dan sebagainya dan bas ini juga ada *workshop* dia. Macam kapal terbang itu bila hendak jalan, hendak *check* brek dia okey atau tidak okey, yang *simple* punya *checking*. *Take half an hour* dan pemandu bas ini akan boleh memandu balik selepas dua jam berehat itu, tiga jam lagi balik ke Johor Bahru dan berjumpa dengan keluarga mereka.

Pemandu ini pula diberi gaji yang amat istimewa. Jangan gaji macam sekarang. Maknanya difikirkanlah menjadi satu kerjaya baru kepada orang-orang muda. Jadi kalau kita namakan pemandu bas ini nampak macam buruhlah, macam tidak ada stailah kerja. Jadi apa salahnya dijenamakan semula dengan sistem gaji yang baru, pencen yang ada dan sebagainya. Dijenamakan seperti kalau orang bawa kapal terbang kita panggil pilot, orang bawa kapal kita panggil kapten atau bawa kereta api kita panggil lokomotif pilot. Kalau bas ini kita anggap sebagai cadangan sayalah – *fleet express pilot*. Jadi buatlah satu jenama baru dan satu kerjaya baru.

#### ■ 1440

Kalau saya pemandu bas hendak pergi meminang anak orang dibandingkan itu nampak koman sikitlah. Kalau kata *fleet express pilot* ini nampak gah sikit. Itu sahaja cadangan saya Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya ingin menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Puan Mumtaz.

#### 2.41 ptg.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana turut mengizinkan saya untuk membahaskan rang undang-undang belanjawan petang ini. Pertama yang ingin saya sentuh ialah tentang Kementerian Pelancongan yang berkaitan dengan apakah usaha-usaha yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan khususnya untuk menaikkan taraf pelancong hijau iaitu menggalakkan pelancong-pelancong asing yang datang daripada luar negara untuk datang ke Malaysia kerana kita ini banyak mempunyai flora dan fauna di negara kita. Bagaimanakah pendekatan yang dibuat oleh kerajaan khususnya dalam bajet ini untuk menggalakkan prasarana-prasarana, untuk menggalakkan pelancongan hijau ini menjadi satu punca pendapatan negara kita.

Kedua, saya juga memohon agar pihak Kementerian Pelancongan memastikan semua hotel di seluruh negara ini mempunyai syariah *compliance* khususnya mengenai tandas kerana kebanyakan tandas di hotel-hotel besar tidak mempunyai kelengkapan air dan hanya dibekalkan dengan tisu. Jadi perkara ini untuk pelancong-pelancong dari Asia Barat adalah tidak sesuai dan kita mohon bukan sahaja setakat makanan halal, syariah *compliance* untuk tandas juga diwajibkan sebagai *additional value* untuk hotel-hotel yang terbabit.

Ketiga, apakah program-program yang dibuat oleh Kementerian Pelancongan khususnya untuk memastikan orang ramai juga sedar bahawa dalam masa sekarang ini kita bukan hanya hendak menyambut perayaan Hari Natal tetapi juga hendak menyambut perayaan Hari Raya Haji ataupun Hari Raya Korban. Kita lihat di kebanyakan hotel dan pasar raya keadaan ataupun kedatangan Hari Raya Haji ini langsung tidak diberi keutamaan.

Keempat, kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya ingin mencadangkan dalam bajet ini agar pihak kerajaan di samping memberikan tempoh lima tahun untuk wanita cuti bersalin ia juga dipanjangkan kepada cuti bersalin ini dibuat kepada semua wanita untuk semua anak tanpa had anak. Sekarang yang dibenarkan mempunyai had tertentu kerana kita yakin bahawa anak adalah rezeki daripada Allah dan sepatutnya dalam kerajaan yang begini berkebajikan sepatutnya tidak ada had bilangan anak kepada mana-mana kakitangan kerajaan.

Seterusnya berkaitan dengan PATI. Saya mendapat maklum balas daripada pegawai-pegawai dan pendakwa raya yang bertugas di Mahkamah PATI bahawa kebanyakan alasan yang dikemukakan oleh pendaatang-pendaatang asing terutamanya daripada Myanmar mereka adalah pelarian UNHCR. Jadi perkara ini menyebabkan sukar untuk pihak mahkamah membuat keputusan dan kerajaan juga terpaksa menanggung beban akibat terpaksa memberi penjagaan dan makanan kepada tahanan-tahanan ini. Sedangkan setelah disiasat tidak lama kemudian memang terbukti mereka ini bukanlah pelarian. Jadi, bagaimanakah perkara ini boleh dibincangkan di peringkat yang lebih tinggi supaya kerajaan juga turut mendapat dana yang sepatutnya daripada pihak UNHCR untuk mengatasi masalah ini kerana perkara ini ditanggung oleh negara kita.

Begitu juga berkaitan dengan kawalan penyakit berjangkit, bil hospital dan rekod jenayah yang dihasilkan daripada kedatangan PATI-PATI ke Malaysia kerana ini sebenarnya juga merupakan satu masalah kepada negara. Bagaimanakah pihak kerajaan dalam bajet ini membuat satu perancangan yang khusus untuk menjaga kebajikan rakyat kerana kita tidak mahu kemudahan-kemudahan yang ada di hospital kita hanya boleh didapati oleh orang-orang yang datang tanpa izin dan rakyat sendiri tidak terbela.

Cadangan yang seterusnya ialah berkaitan Jabatan Perdana Menteri. Saya memohon agar dibuat pindaan segera kepada kaedah Mahkamah Tinggi dan kaedah Mahkamah Rendah kerana kita melihat dalam keadaan sekarang di mana kos harga petrol menyebabkan kenaikan kepada semua harga barang. Kita lihat banyak juga akta telah dipinda. Walau bagaimanapun akta melibatkan fi dan kos di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah tidak dipinda sejak tahun 1981. Buat masa sekarang wajarlah pihak kerajaan membuat pindaan yang segera supaya perkara ini dapat membantu peguam-peguam dari segi mengendalikan kes dan juga menyelaraskan harga ini kepada semua pihak di Malaysia bukan hanya golongan tertentu.

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan apakah perkembangan tentang Akta Perlindungan Pengguna Penjamin yang telah pun diuar-uarkan akan dibuat atau digubal di negara kita. Bagaimanakah kedudukannya sekarang sekiranya akta ini telah pun digubal.

Seterusnya berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan kerana sebelum ini cara untuk kita melunaskan atau menunaikan cek dibuat dengan cara 'SPEED' iaitu kalau untuk dalam negeri yang sama kita mungkin *clear check* dalam masa tiga hari tetapi untuk negeri-negeri yang jauh memerlukan tujuh hari bekerja. Jadi, perkara ini telah pun dibuat pada tahun 1990-an, lebih kurang dalam tahun 1997. Sekarang ini dalam keadaan 2007 kenapa pihak kerajaan tidak boleh memperkenalkan satu lagi prosedur atau cara untuk memastikan semua cek yang dihantar ke bank boleh *clear* dalam masa sekurang-kurangnya empat hari bekerja demi untuk memastikan dan menggalakkan lagi perniagaan di Malaysia.

Berkenaan dengan Kementerian Pertanian, saya ingin bertanya Kementerian Pertanian sampai bilakah kawalan harga baja dan racun ini hendak kita tetapkan sebab sekarang ini belum ada kawalan terhadap harga baja dan racun. Ini menyebabkan dalam kita hendak menggalakkan sektor pertanian perkara ini hanya pihak tertentu mendapat untung dan tidak memberi keuntungan kepada pihak petani.

Berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi, memandangkan jawapan yang diberikan kepada pihak kerajaan sebelum ini bahawa negara kita mengalami kekurangan doktor yang ketara. Oleh yang demikian saya mencadangkan agar pihak kerajaan boleh menubuhkan satu lagi universiti khusus untuk universiti perubatan bagi menampung kekurangan doktor-doktor di seluruh Malaysia dengan kadar yang cepat dan lebih efektif kerana sekiranya ada universiti yang khusus seperti ini ia akan menyebabkan ramai lagi graduan-graduan perubatan yang akan dikeluarkan daripada negara kita.

Berkaitan dengan pelaburan kerajaan saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah rasionalnya kerajaan meletakkan deposit berkanun di bawah Akta Pertaruhan Pool 1967 dan Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 kerana kita faham bahawa judi ini jelas bertentangan dengan Islam dan juga tidak menguntungkan negara. Sekiranya perkara ini mesti dimasukkan dalam Akta Pertaruhan Pool ini tidakkah kerajaan juga bercadang untuk menambah deposit kerajaan dalam takaful kerana yang kita lihat di bawah Akta Takaful 1994 hanya RM48 juta sahaja diperuntukkan. Begitu juga dengan Akta Syarikat Amanah. Saya memohon agar pihak kerajaan boleh meningkatkan deposit berkanun dalam Akta Takaful berbanding dengan Akta Pertaruhan Pool 1967.

Berkaitan dengan sistem pesakit bayar penuh, sekiranya kita boleh mewujudkan satu hospital di mana kita memperkenalkan sistem pesakit bayar penuh sepatutnya kerajaan juga boleh menyediakan satu hospital yang juga mempunyai prasarana yang sama khusus untuk orang-orang miskin yang telah pun mungkin didaftarkan di bawah JKM kerana ini akan

memberikan satu keseimbangan kerana orang kaya mampu untuk masuk hospital skim bayar penuh bagaimana kedudukan dengan orang sakit yang miskin. Sepatutnya di samping kita melaksanakan sistem pesakit bayar penuh kita juga mesti ada sebuah ataupun dua buah hospital khusus untuk orang-orang miskin. Berkaitan dengan laporan audit di mana kita...

**Tuan M. Munusamy:** Mohon laluan. Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat mengatakan hospital khusus untuk orang-orang miskin saya rasa hospital-hospital yang ada sekarang ini memang memberi perkhidmatan kepada masyarakat yang berpendapatan rendah. Tidaklah perlu bagi hospital baru diwujudkan. Saya cuma minta pandangan Yang Berhormat sekiranya hospital-hospital sekarang ini memberikan kemudahan lebih kepada golongan miskin ini khususnya dalam aspek pembelian peralatan. Sekarang ada banyak hospital yang kena caj bagi mereka yang diberi rawatan percuma tetapi apabila mereka perlu menjalankan pembedahan (*operation*) mereka perlu membeli peralatan daripada syarikat-syarikat swasta. Saya rasa hospital-hospital dalam negara ini untuk membantu masyarakat miskin boleh mengecualikan bayaran ini. Apa pandangan Yang Berhormat.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat untuk pihak hospital pada masa sekarang selagi belum wujud hospital khas untuk orang miskin ini untuk menambahkan kemudahan khususnya tentang pembelian peralatan perubatan. Saya cadangkan bagi mewujudkan hospital miskin ini kerana kalau kita lihat di negeri Kelantan, Raja Perempuan Kelantan telah menubuhkan klinik-klinik khas untuk semua orang-orang miskin yang mempunyai kad di bawah JKM. Kita lihat bagaimana orang miskin ini mempunyai rasa mereka ini dibela bilamana dikhususkan satu klinik untuk mereka pergi mendapatkan rawatan tanpa mereka ini merasa kecil hati atau merasa tidak seimbang dengan orang lain.

Berkaitan dengan laporan audit di mana baru-baru ini kita didedahkan oleh pihak kerajaan berlaku ketirisan ataupun kebocoran untuk perbekalan-perbekalan yang dibuat kepada kerajaan. Saya mencadangkan sebagaimana yang dibuat cara pendekatan (*approach*) di US di mana semua pembekal yang hendak membekalkan barang kepada kerajaan dikehendaki menandatangani satu deklarasi bahawa barang yang mereka bekalkan kepada pihak kerajaan adalah barang yang terbaik dan termurah dalam kelasnya.

■ 1450

Jadi sekiranya perkara ini boleh dipraktikkan dalam negara kita, mana-mana kontraktor yang hendak membekalkan barang kepada kerajaan, hendaklah melakukan atau menandatangani satu deklarasi berkanun mengatakan bahawa barang yang mereka jual adalah terbaik dan termurah demi untuk menjaga kualiti dan produk yang dibekalkan kepada kerajaan.

Berkaitan dengan belanjawan pada tahun ini di lampiran enam, saya pohon untuk mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewajibkan syarikat-syarikat insurans di Malaysia ini, di samping syarikat insurans konvensional,

syarikat insurans Islam juga menawarkan khususnya berkaitan insurans *indemnity* profesional. Dalam lampiran enam, pihak kerajaan telah pun mengisytiharkan terdapat potongan cukai terhadap premium insurans *indemnity* profesional.

Jadi perkara ini sudah bagus, cuma kita minta diberikan satu lagi tawaran kepada orang Islam supaya insurans *indemnity* profesional ini juga dibuka oleh syarikat Takaful untuk memberikan pilihan kepada profesional-profesional untuk memilih cara insurans yang mereka mahu.

Berkaitan dengan pengecualian cukai pendapatan kepada sekolah-sekolah, saya mencadangkan agar pengecualian cukai ini ditukarkan kepada rebat dalam bentuk cukai individu untuk menggalakkan semangat derma di kalangan rakyat Malaysia dan untuk menggalakkan pendidikan yang lebih meluas di kalangan rakyat.

Juga berkaitan dengan pendekatan pindaan kepada satu pendekatan untuk mencari bukti *win-win*. Kita melihat dalam kita membincangkan isu rasuah, banyak kes-kes tidak dapat kita dakwa di mahkamah kerana pihak BPR memerlukan aduan daripada pihak pemberi rasuah. Sedangkan dalam keadaan ini, kita melihat sukar untuk kita dapati orang yang memberi rasuah itu membuat aduan kerana mereka juga turut untung dalam kes mereka memberi rasuah kepada penjawat-penjawat kerajaan.

Jadi sepatutnya dalam keadaan ini, kita membuat satu pindaan bagaimana kita boleh mendakwa dalam kes orang yang merasuah dan yang kena rasuah ini dalam situasi *win-win* ini, supaya kita dapat dakwa mereka di mahkamah. Kalau kita tunggu bukti, sampai bila aduan ini tidak akan ada dan mereka tidak akan ke depan. Jadi ini menyebabkan susah kepada pihak kerajaan.

Berkaitan dengan PTPTN, kita melihat dalam sektor penggalakan kewangan Islam. Pihak kerajaan menyedari terdapat satu peruntukan yang dipanggil Qardul Hassan iaitu pinjaman tanpa faedah. Jadi saya mencadangkan kepada pihak kerajaan khususnya di peringkat Wilayah Persekutuan di mana mereka mempunyai pusat agihan zakat untuk memasukkan biasiswa ini ataupun dibesarkan peruntukan untuk Qardul Hasan bagi pendidikan kepada orang-orang yang layak. Ini akan menggalakkan juga pembayar-pembayar zakat untuk tampil dan membayar zakat di pusat-pusat yang bertauliah.

Berkaitan dengan lampiran 24 iaitu berkaitan dengan potongan surat cara untuk pembelian rumah. Rumah yang pertama saya ingin bertanya pihak kerajaan, adakah ini potongan untuk rumah pertama ataupun semua rakyat Malaysia ini berhak untuk mendapat potongan cukai 50% untuk mana-mana rumah yang mereka miliki.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah membuat potongan cukai RM300 untuk barangan sukan. Walau bagaimanapun, pada pendapat saya, jumlah ini tidak cukup, tapi sepatutnya lebih munasabah kepada RM1,000 begitu juga pelepasan

untuk pembelian buku-buku menjadi RM1,500. Dalam keadaan harga sekarang, RM300 untuk pembelian barangan sukan dan RM500 untuk buku ini adalah satu benda yang tidak munasabah.

Berkaitan dengan khidmat guaman, kita melihat bagaimana beberapa orang Yang Berhormat Senator telah membahaskan bagaimana di Malaysia ini, suami-suami yang telah bercerai dengan isteri tidak memberikan nafkah yang sepatutnya kepada anak. Sedangkan perkara ini adalah wajib kepada mereka. Jadi saya menyarankan kepada kementerian yang berkenaan, untuk mencari satu cara ataupun prosedur yang lebih mudah supaya mahkamah-mahkamah syariah di Malaysia ini boleh dengan serta-merta, bilamana memberikan satu dekri perceraian kepada mana-mana isteri dan yang mempunyai anak, sepatutnya diperintahkan terus.

Perintah untuk nafkah tanpa mereka ini perlu membuat tuntutan yang berasingan dan nafkah ini menjadi satu potongan wajib yang harus dibuat dan boleh dijalankan oleh pihak kerajaan ataupun swasta tanpa boleh dipertikaikan oleh pihak suami. Walau bagaimanapun, untuk kos ataupun jumlah, mungkin boleh dipertimbangkan. Dari segi kewajipan, sepatutnya hak untuk mendapat nafkah ini diberikan secara automatik bilamana satu lafaz talak dibenarkan.

Berkaitan dengan perhimpunan, saya bersetuju dengan yang telah pun dibentangkan sebelum ini, berkaitan dengan motif. Jadi untuk mana-mana perhimpunan yang paling penting dan mustahak ialah motif. Selagi ianya aman, sepatutnya semua rakyat dibenarkan untuk menyuarakan pendapat. Jangan kerana nila setitik, rosak susu sebelanga.

Berkaitan juga dengan Hindraf. Saya suka hendak berpantun di sini sebagaimana yang paling *famous* kita tahu. Pisang emas dibawa belayar, masak sebiji di atas peti...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau hendak pantun biar kena sepatah-sepatah. Baru bunyi macam pantun... *[Ketawa]*

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Okey Tuan Yang di-Pertua.

*Pisang emas dibawa belayar,*

*Masak sebiji di atas peti,*

Hutang emas mana-mana orang yang kaya boleh bayar, tapi hutang budi yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin dulu kenalah kita bawa mati.

Semua orang di Malaysia ini sepatutnya menghormati kontrak sosial yang telah ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin terdahulu. Walaupun kita datang, kemudian bila ada kontrak, kita semua kena patuh. Sebab jika kita cuba ubah kontrak ini, ia akan menyebabkan banyak perkara yang tidak stabil.

Berkaitan dengan bencana alam Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak-pihak kerajaan. Bagaimanakah bajet yang diperuntukkan untuk

membantu mangsa banjir, kerana kita melihat keadaan banjir ini dari tahun ke tahun makin teruk dan lokasi juga berpindah.

Bagaimanakah pengajaran yang dapat kita ambil daripada pembahagian ataupun pengagihan bantuan banjir di Johor, dapat diberikan satu aplikasi ataupun manual ataupun prosedur untuk diguna pakai oleh negeri-negeri lain bagi memastikan kita mempunyai satu standard dan piawaian untuk memberikan bantuan banjir yang lebih berefektif dan merakyat kepada rakyat. Kita bimbang kalau tidak digunakan cara yang efektif, bantuan kepada mangsa banjir ini tidak dapat sampai kepada sasaran.

Berkaitan yang terakhir Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh tentang Parlimen dan pelantikan senator-senator dan juga Ahli Parlimen. Saya mencadangkan kepada pihak Parlimen untuk memberikan satu orientasi dan pendidikan khusus kepada mana-mana Ahli Parlimen yang memerlukan sedikit pengajaran khususnya berkaitan dengan perkara-perkara yang boleh dan perlu mereka buat. Kita tahu di Parlimen ini merupakan tempat tertinggi untuk kita meminda ataupun menggubal undang-undang.

Kita melihat tiap-tiap hari kita dibekalkan dengan berpuluh-puluh statut ataupun laporan-laporan daripada badan-badan berkanun yang dibentangkan kepada kita, tapi sayangnya kadang-kadang mungkin kerana kedangkalan ilmu kita, kita gagal untuk memanfaatkan pembentangan dan laporan ini untuk kita kemukakan ataupun kita pinda ataupun kita cadang kepada pihak kerajaan untuk melakukan perubahan-perubahan yang lebih efektif kepada rakyat.

Akhir sekali, saya juga mencadangkan kepada pihak Kementerian Koperasi untuk mewujudkan satu sistem rangkaian sekolah-sekolah perintis di peringkat negeri untuk menggalakkan minat keusahawanan terutama di sekolah-sekolah yang berteraskan kepada prinsip akaun dan ekonomi sebagai teras dan tunas kepada rakyat Malaysia untuk lebih terlibat dalam usaha niaga. Dengan demikian saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, patuh betul Yang Berhormat ni. Dato' Yip Kum Fook.

**2.58 ptg.**

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2008. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menimbulkan masalah lebuhraya bertol Pantai Timur.

Masalah lebuhraya bertol di Pantai Timur itu telah menimbulkan masalah dan sistem pengangkutan lebuhraya Pantai Timur ini sangat mustahak kepada penduduk di kawasan Pantai Timur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak nampak Yang Berhormat... Mohon mengganggu. Saya tidak kelihatan Yang Berhormat Dato' Ismail Kassim, kalau beliau masih belum ada di dalam

Dewan ini apabila Dato' Hajah Samsiah hendak berucap, mungkin pihak kerajaan akan terpaksa menjawab pada lebih kurang 3.40 petang.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih. Kerana lebuhraya Pantai Timur ini merupakan satu sistem pengangkutan yang sangat penting bagi mengeratkan Pantai Timur dan Pantai Barat. Masalahnya sekarang kita menghadapi permukaan jalan di lebuhraya ini tidak rata. Di beberapa bahagian di lebuhraya khususnya di kilometer 193 dan kilometer 203 mempunyai banyak bahagian yang tidak rata, bertakung air apabila pada waktu hujan. Keadaan ini sangat mengancam keselamatan pengguna lebuhraya.

Baru-baru ini kita sudah dimaklumkan bahawa Datin Paduka Chew Mei Fun telah mengalami satu kemalangan yang teruk di kawasan kilometer 196.

■ 1500

Banyak lagi saya diberitahu kemalangan telah berlaku di kawasan tersebut. Saya mencadangkan supaya kita mengadakan pihak-pihak berkenaan mengkaji masalah tersebut dan membaiki bahagian-bahagian yang perlu dibaiki dengan serta merta dan memasang tanda-tanda amaran di bahagian tersebut untuk perhatian pengguna-pengguna lebuhraya demi mengelakkan kemalangan daripada berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana mereka telah berjaya dengan idea yang inovatif, dapat menutup syarikat-syarikat sendirian berhad yang lama tidak beroperasi. Bagi syarikat-syarikat yang telah didaftarkan lama tetapi tidak beroperasi mereka longgarkan syarat untuk ditutup. Ini adalah satu cara yang baik dan harus menerima kepujian kerana banyak syarikat yang *dormant* itu pemilik mereka, pengarah mereka, tidak tahu bagaimana hendak membuat dengan syarikat itu. Ini kerana harga untuk menutup sebuah syarikat sangat mahal dan syarikat itu sudah *dormant* dengan izin, bermakna tiada sebarang kemampuan untuk membiayai penutupan itu, ini adalah satu cara yang baik.

Walau bagaimanapun, saya berharap kementerian berkenaan dapat mengadakan sekali lagi dalam tahun 2008 ini kerana ia telah di bukti dapat memberi banyak faedah dan manfaat kepada syarikat-syarikat yang *dormant* dengan izin, seperti itu.

Saya juga ingin tahu dari kementerian berapakah syarikat yang betul-betul telah menggunakan peluang itu telah ditutup dengan sendirinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyarankan agar semua PBT lebih mesra rakyat dalam menamakan jalan-jalan dan tempat-tempat awam atau taman-taman di perumahan, ikut kehendak rakyat.

Pada masa sekarang ini cadangan nama jalan atau taman ini selalunya dicadangkan oleh pihak pemaju, mereka bukan sangat arif dalam perkara ini. Lebih baik jawatankuasa dalam PBT menubuhkan satu jawatankuasa dan bekerjasama rapat dengan Dewan Bahasa dan

Pustaka supaya mengadakan satu perancangan untuk menamakan satu tempat, seterusnya menamakan jalan-jalan dan taman-taman berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara itu saya juga ingin membangkitkan supaya kita jangan mengadakan nama jalan yang terlalu panjang, terlalu banyak perkataan. Saya bagi satu contoh, misalan Jalan Metro Perdana Barat 1, Taman Usahawan Metro Perdana Kepong. Tuan Yang di-Pertua, nama seperti ini jika berlakunya kecemasan kita nak hubungi pihak berkenaan, bukan orang biasa dapat memberitahu dengan tepat dan baik kepada pihak berkenaan seperti bomba atau polis. Saya berharap PBT lebih berhati-hati dengan mengambil kita tentang nama-nama yang panjang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Selangor berhasrat memberi perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Kesudahannya saya boleh menjangka semua PBT di negeri Selangor akan memaksa rakyatnya untuk membayar cukai taksiran, mereka akan menggunakan semua dengan apa cara pun untuk supaya dapat mengutip tunggakan cukai itu.

Nasib pemilik di Bukit Beruntung saya bagi contoh, satu projek yang dianggap tidak begitu berjaya kerana tidak ada orang duduk di sana dan bukan sahaja pintu, tingkap hilang, malah penduduknya pun sangat kurang. Mereka menghadapi kesukaran dalam membayar balik pinjaman bank, bukan itu sahaja banyak lagi. Macam mana mereka dapat mempunyai keupayaan untuk membayar cukai taksiran. Itulah menyebabkan Majlis Daerah Hulu Selangor, saya memang kesian dengan Tuan Yang di-Pertua di situ. Ini kerana bukan senang nak kutip peratusan yang dianggarkan itu. Pemilik di Bukit Beruntung itu enggan membayar cukai pintu, bukan pegawai di situ tidak bekerja keras. Kriteria yang digunakan oleh negeri Selangor ini untuk PBT kutip mengikut peratusan ini pada pendapat saya adalah kurang baik, kerana dalam usaha itu PBT yang lebih bijaksana akan meluputkan atau memansuhkan atau menghapuskan tunggakan lama yang telah ada pada PBT itu. Dengan itu mereka akan nampaknya dapat mencapai kutipan yang lebih berbanding dengan tahun-tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga harus berterima kasih kerana negara kita telah banyak membina hospital besar. Tadi rakan kita ada sebut tentang hospital besar. Saya ingin tahu keupayaan atau *capacity* dengan izin, Hospital Selayang contohnya, untuk memenuhi keperluan rakyat. Kita sering diberitahu pesakit memerlukan satu tempoh yang agak panjang untuk menunggu supaya mereka diubati atau dirawat.

Kita tidak tahu sama ada ini betul ataupun tidak tetapi memandangkan pesakit yang begitu banyak di dalam Hospital Selayang, saya rasa kalau kita perlu menjemput ramai pakar-pakar dalam perubatan untuk mengubati orang-orang kita.

Tuan Yang di-Pertua, tanggungan kos perubatan kian melambung naik. Saya berpendapat bahawa satu skim caruman seperti SOCSO harus dipertimbangkan untuk membela nasib rakyat kita yang berpendapatan rendah, supaya Kementerian Kesihatan dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada golongan yang berpendapatan rendah ini. Janganlah

sampai satu masa nanti, rakyat kita yang miskin terpaksa menunggu kematiannya di dalam rumah kerana tidak dapat menanggung kos perubatan ini. Ini telah berlaku di negeri China, saya sendiri pernah menengok keadaan seperti itu. Berbanding dengan itu kita patut berasa bersyukur kerana kerajaan kita, negara kita tidak ada perkara seperti itu berlaku.

■ 1510

Tuan Yang di-Pertua, apabila harga barang-barang naik, simen, besi, pasir, kita semua rasa sangat marah tetapi untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kondominium dan rumah mewah di sekitar KLCC, Kuala Lumpur sini, harganya telah melambung naik dua kali ganda. Saya hairan, satu unit kondominium di tepi, di pinggir KLCC yang saiznya 3,000 kaki persegi lebih kurang dijual dengan RM5 juta dan habis dijual dalam tempoh yang singkat. Ini bermakna, inflasi di negara kita sudah nampak. Kita tidak boleh elak daripada inflasi.

Sebenarnya, saya berpendapat inflasi yang sederhana, *compound inflation* dengan izin, kadang-kadang ada kebaikan. Kita jangan hari-hari takut kepada inflasi yang sedikit itu dan terus sekat sini, sekat sana. Kita bagi banyak subsidi kepada petrol ini, itu sedangkan negara China saya pergi, mereka terpaksa beratur setengah batu untuk mengisi petrol, untuk mengisi diesel. Kenapa? Walaupun harga petrol mereka telah melambung naik, lebih banyak mahal berbanding dengan petrol kita. Kerajaan...

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya pohon laluan. Saya ingin bertanya dari Yang Berhormat Yip, adakah peningkatan dalam harga perumahan sungguhpun begitu laris dijual merupakan indikator yang menunjukkan inflasi kian meningkat ataupun menunjukkan *liquidity* di dalam pasaran begitu tinggi sekali?

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya itu saya akan beritahu seterusnya selepas ini. Itu memang satu pandangan yang baik. *Liquidity* di pasaran kita tiada masalah dan kita mempunyai banyak pelaburan dari luar negeri. Mereka menganggap Malaysia merupakan tempat mempunyai hartanah yang paling rendah di rantau Asia berbanding dengan Jakarta, Bangkok, *Ho Chi Minh City*, Hong Kong dan banyak bandar di negara China. Kita mempunyai hartanah yang masih banyak murah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lebih kurang lima minit.

**Dato' Yip Kum Fook:** Saya terkejut... Saya kena pendekkan ucapan saya. Saya hendak menyentuh harga besi sedikit. Satu fenomena baru yang boleh dianggap ajaib dan sukar difahami. Dahulu kita adakan tarif untuk menyekat pengimportan kerana kita hendak membela atau menjaga dan memupuk industri kilang besi di negara kita sendiri. Itu memang wajar pada ketika itu tetapi sekarang ini pekilang kita mengeksport besi ke luar negara. Kenapa kita hendak menyekat lagi pengimportan? Tarif ini mesti dihapuskan. Keenam-enam kilang ini telah mencatat keuntungan berlipat ganda. So, perkara ini banyak membawa masalah kepada kontraktor kita

khasnya kaum bumiputera. Kerajaan seharusnya membuka sekatan ini dan biar dia menentukan mengikut harga pasaran terbuka.

Saya berasa bersyukur kerana kerajaan sangat prihatin terhadap penyampaian perkhidmatan awam yang kurang memuaskan. Kalau kita tahu sistem kita kurang memuaskan, kita ada harapan. Kalau kita hari-hari ingat sistem kita bagus, kita termenung sahaja, maka tidak ada harapan. Pujian juga patut diberi kepada KPKT, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana menukar COF, *Certificate of Fitness* kepada *Certificate of Practical Completion* dengan izin, dan menubuhkan OFC di semua PBT. Perkara yang patut PBT ini mempermudah lagi, kadang-kadang sedikit perubahan dalam satu pelan pembangunan. Hanya perlu menggunakan satu pen merah dan satu pembaris sahaja.

Kita jangan suruh arkitek pergi berulang-alik membuang masa mereka. Itu akan menambah kos kepada mereka. Tadi, rakan saya telah membangkitkan 50% *stamp duty* yang dikecualikan dari surat cara pindah milik. Itu satu. Bagi hartanah yang tidak melebihi RM250,000, itu satu perkara yang baik, satu cadangan yang baik. Peruntukan RM50 juta untuk sebagai satu jaminan kepada Bank Simpanan Nasional dan Bank Islam Berhad untuk memberi kemudahan kepada pembeli rumah juga sangat baik, tetapi amaun RM50 juta ini kurang sedikitlah untuk menepati sasarannya. Dia lebih baik ditambah kerana RM50 juta itu sangat kurang. Kita tidak boleh menolong banyak pembeli.

Saya mengalu-alukan usaha kerajaan negeri Selangor dalam usaha mensifarkan setinggan. Mereka telah pun berjaya kerana dapat menjual rumah murah RM42,000 dengan harga RM35,000. Usaha yang dijalankan oleh Yang Berhormat Dato' Menteri Besar menunjukkan kegigihan beliau dalam menangani masalah setinggan. Walau bagaimanapun, rakyat pada masa sekarang ini memerlukan rumah yang lebih selesa, yang lebih besar. Jadi peruntukan RM50,000.00 itu seharusnya ditambah lagi supaya orang kita dapat, bukan duduk rumah murah sahaja juga rumah sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan penggal kali ini, terdapat perkataan 'tidak masuk akal langsung' ditimbulkan dalam mensifatkan tindakan Yang Berhormat Menteri Besar Selangor kerana anugerah 'penyapu' itu. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat kata-kata sedemikian telah melanggar peraturan 35(4) iaitu salah kepada tertib mesyuarat, menggunakan bahasa yang biadab dan seksyen 35(9)(a) menderhaka kepada negeri. Bahasa Malaysia kita memberi lebih banyak perkataan yang lebih tepat untuk digunakan seperti kurang sesuai.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Dato' Menteri Besar Selangor seorang pemuda yang rajin. Beliau sanggup menunggang motosikal tanpa memberitahu PBT masuk ke kawasan setinggan untuk membantu, membela nasib rakyat yang miskin itu. Beliau berani, rajin dan sedia mendengar teguran orang-orang bawah. Semua surat yang diadukan kepada beliau tentu akan dijawab oleh beliau.

Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran hak milik di pejabat tanah seluruh negara harus mengambil perhatian dalam kes Boonsom Boonyanit Vs Adorna Properties Sdn. Bhd. dengan izin, iaitu satu kes yang mengatakan pemilik tanah telah menghilangkan tanah beliau walaupun beliau tidak menandatangani sebarang...

■ 1520

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah dua minit mengambil masa kawan.

**Dato' Yip Kum Fook:** Cukup. Pemilik yang tidak menjual tanah tetapi hartanah beliau telah dipindah milikan. Saya meminta supaya kerajaan khususnya kerajaan negeri Selangor dan semua kerajaan negeri seharusnya lebih prihatin dalam perkara ini supaya pada masa depan tiada tanah-tanah atau harta kita dipindah milik tanpa pengetahuan dengan cara penipuan. Akhir sekali, dengan kata-kata sedemikian saya menyokong Bajet 2008. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama. Dato' Hajah Samsiah selepas itu Puan Heng Seai Kie.

**3.21 ptg.**

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya sama-sama mengambil peluang berbahas di dalam Bajet 2008 yang bertemakan 'Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran'.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran yang mendapat bajet yang tinggi. Tentulah setinggi itu pula harapan semua warga Malaysia terhadap tugas dan tanggungjawab kementerian dalam pembentukan modal insan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan tahniah kepada Menteri Pelajaran, Timbalan Menteri-Timbalan Menteri Pelajaran yang tak duduk diam sentiasa beredar dari satu daerah ke satu daerah dari satu negeri ke satu negeri untuk memastikan segala rancangan melalui PIPP dapat dijalankan dengan baik dan berkesan. Tahun 2006 ketika membentangkan bajet saya ada menyebut supaya yuran peperiksaan tidak perlu dihapuskan dengan alasan-alasan yang saya fikirkan patut dan munasabah walaupun banyak tentangan namun saya juga hendak ucapkan terima kasih kerana walaupun yuran peperiksaan ini pun telah dimansuhkan namun pembayaran memeriksa kertas skrip jawapan seperti yang dipinta dahulu telah dinaikkan hampir 100%. Jadi tahniah dan syabas kepada Kementerian Pelajaran.

Yang ketiga, elaun menyelia dan menjaga peperiksaan masih lagi di tahap lama dan harap dapat dipertimbangkan untuk dinaikkan juga. Minit mengajar guru kaunseling dikurangkan. Terima kasih. Harap juga guru kaunseling ditambah lebih dari seorang di sekolah-sekolah rendah memandangkan keperluan semasa murid-murid sekolah rendah pun sudah banyak masalah. Jadi seorang guru kaunseling atau seorang kaunselor tak cukup di sekolah rendah. Yuran khas sebanyak RM4.50 yang dimansuhkan semua orang kampung seronok namun keseronokan ini tidak kekal lama kerana timbul pula bayaran tambahan yang lebih banyak perlu pula dibayar. Jadi ibu bapa dan juga penjaga murid terasa seperti tertipu dan juga dipermainkan.

Jadi kita harapkan supaya kementerian memperjelaskan apakah sebenarnya yang ingin dilakukan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh berkenaan pengajaran sains dan juga matematik dalam bahasa Inggeris iaitu pengajaran PPSMI telah bermula pada tahun 2003 di sekolah rendah untuk tahun satu begitu juga di sekolah menengah. Sekolah kebangsaan akur dengan arahan kementerian mengajar lima waktu seminggu matematik dan sains dalam bahasa Inggeris. Namun sekolah SJK(T) dan SJK(C) mengambil ketentuan mengajar tiga kali dalam bahasa Inggeris dan dua kali dalam bahasa ibunda. Tahun 2008 UPSR sepatutnya menggunakan bahasa Inggeris untuk kedua-dua mata pelajaran ini.

Namun kita rasa terkilan apabila kementerian mengumumkan bahawa UPSR 2008 akan menggunakan dwibahasa. Bayangkan adakah ini adil kepada sekolah kebangsaan yang menggunakan sepenuhnya bahasa Inggeris di dalam mata pelajaran sains dan matematik. Guru sekolah kebangsaan ada berkata, kata mereka kalau mereka ada pilihan mereka juga akan mengajar dalam bahasa Melayu sejak tahun satu lagi. Jadi dalam tempoh hanya tak sampai sembilan bulan untuk peperiksaan UPSR apakah mereka ada peluang untuk berpatah balik. Guru-guru ini dibayar elaun PPSMI iaitu BISP sebanyak 10% daripada gaji. Apa sudah jadi?

Kalau dahulu sebelum PPSMI bermula kami juga pernah bertanya kalau bahasa Inggeris yang menjadi masalahnya kenapa mata pelajaran matematik dan sains yang menjadi mangsa. Akhirnya nanti anak-anak kita bukan sahaja gagal dalam mata pelajaran bahasa Inggeris tetapi mata pelajaran matematik dan sains juga akan merudum tetapi PPSMI terus dijalankan walaupun ada bantahan. Kalau begitu kenapa kementerian tidak mahu melihat apa hasilnya program PPSMI ini. Tak ada salahnya kalau UPSR 2008 untuk sains dan matematik kita teruskan dalam bahasa Inggeris. Sama-sama kita lihat setelah enam tahun berlalu apakah hasilnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh tentang disiplin murid di sekolah bermacam-macam cadangan yang dibuat untuk membentuk disiplin murid-murid dan ada yang terbaru ialah merotan murid perempuan. Saya juga sangat berharap perkara ini dapat dinilai buruk dan baiknya sebelum dikuatkuasakan. Takut nanti setelah dilaksanakan terpaksa pula ditarik balik. Mana maruah kementerian dalam hal ini. Walau bagaimanapun, saya menyokong penuh keputusan kementerian supaya telefon bimbit tidak dibenarkan dibawa ke sekolah oleh murid-murid. Di sini saya ingin bertanya bagaimana pula dengan guru-guru yang menggunakan telefon bimbit ini ketika mengajar mengambil masa P&P. Kalau kecemasan tak apa tapi kalau berbual-bual kosong mungkin digunakan dalam menjawab panggilan kekasih misalnya ini adalah perilaku yang salah. Bagaimana kementerian mengatasi masalah ini adakah sekatan untuk guru juga.

Tuan Yang di-Pertua, disiplin lagi mengenai tindakan buang sekolah. Saya ingin mendapat penerangan daripada pihak kementerian berapakah jumlah keramaian murid yang telah diambil tindakan seluruh Malaysia sepanjang tahun 2006 dan juga 2007. saya mempunyai

data kes seperti ini di Negeri Sembilan. Untuk tahun 2006 angkanya sangat menakutkan saya. Kalau boleh saya baca.

Bangsa	Jantina	Bilangan
Melayu	Lelaki	332
	Perempuan	111
Cina	Lelaki	270
	Perempuan	11
India	Lelaki	146
	perempuan	46
<b>Jumlah</b>		<b>916</b>

Itu hanya di Negeri Sembilan. Kes disiplin berat sehingga dibuang 224. Ini punca-punca ya. Kes ponteng melebihi 60 hari sehingga dibuang ialah 692. Punca ponteng, cuba kita tengok punca ponteng....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia ponteng kah, 'ponting'?

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ponteng. Tak hadir sekolah.

**Tuan Yang di-Pertua:** 'Ponting' atau ponteng?

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Ponteng. Penting, *important* ya.... [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila bekas guru besar kata kita dengarlah ya.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bekerja, dia bekerja iaitu sebanyak 40%. Itu yang tertinggi sekali. Lemah dalam mata pelajaran hanya 10%. Pengaruh rakan sebaya 10%, malas hanya 5% dan faktor sekolah 5%. Jadi saya ingin tahulah kalau ini hanya berlaku di Negeri Sembilan bagaimana pula dengan negeri-negeri yang lain. Saya lebih seronok cara *TV3 Bersamamu* menangani masalah keciciran ini. Jadi mereka menguruskan hal sehingga murid-murid atau budak yang tak pergi sekolah ini dapat menyambung pelajarannya semula. Terima kasihlah kepada TV3. Adakah kementerian mendapat satu alternatif seperti menghantar murid-murid ini ke satu pusat pemulihan selama sebulan untuk dipulihkan dalam satu program ataupun *syllabus* khas dirancang Kementerian Pelajaran, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga JAKIM. Setelah dipulihkan murid-murid ini boleh dihantarkan semula balik ke sekolah.

#### ■1530

Jadi tidak perlu dibuang sekolah kerana terlalu ramai. Tuan Yang di-Pertua, terlalu banyak yang saya ingin sentuh dalam Kementerian Pelajaran ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada sekolah-sekolah yang keputusan peperiksaan UPSR nya meningkat. Tahniah kepada negeri Terengganu yang telah tujuh tahun berturut-turut menjadi negeri nombor satu memperoleh keputusan UPSR yang tertinggi. Syabas kepada Menteri Besar Terengganu yang

telah menurunkan bajet yang besar untuk bidang pelajaran dan juga bidang latihan. Saya harap negeri-negeri lain juga patut ikut contoh negeri Terengganu ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ramai yang mendapat 5A ramai pula yang ingin pergi ke asrama penuh. Sayang, tempat sangat terhad. Saya sama sekalilah tidak bersetuju dengan kementerian yang menyatakan bahawa sekolah berasrama penuh tidak jauh bezanya dengan sekolah biasa. Di sini saya hendak beritahu apakah kelebihan-kelebihan sekolah berasrama penuh ini. Murid berasrama penuh ini adalah murid pilihan, murid yang terbaik dalam UPSR iaitu 5A. Ini menandakan mereka, murid-murid ini adalah murid-murid pintar, IQ nya tinggi, mudah menerima pelajaran. Jadi mereka sekumpul, pandai sama pandai.

Kebanyakan gurunya adalah guru yang terlatih atau guru berijazah. Keramaian murid dalam kelas tidak ramai, dalam 25 hingga 35 orang sahaja. Tentulah cikgunya dapat mengajar dengan mudah dan murid juga menerima pelajaran dengan mudah. Mereka juga tidak diganggu dengan menggunakan masa yang lama untuk ke sekolah sebab mereka diam di dalam kawasan sekolah. Jadi tenaga tidak banyak digunakan maka boleh digunakan untuk P&P. Ada jadual waktu belajar yang tersusun, mempunyai masa untuk ko-kurikulum dan riadah. Ada masa *prep* dan juga alatan-alatan yang mencukupi. Kalau dibandingkan dengan sekolah biasa, apa yang ada di sekolah biasa?

Muridnya bercampur antara murid yang kurang pandai dengan murid yang mungkin tidak pandai, bermaksud IQ nya sangat berbeza antara seorang dengan seorang yang lain. Jarak dari rumah ke sekolah juga mungkin jauh, menaiki bas, jalan kaki dan ini juga mengurangkan tenaga murid dan boleh melemahkan ataupun kurang perhatian mereka apabila P&P berjalan. Pengaruh-pengaruh dalam perjalanan juga boleh dapat. Ramai murid dalam satu kelas sehingga ada mencecah kepada 40 ke 42 orang. Guru juga bercampur aduk, ada guru yang terlatih dan ada juga guru yang tidak terlatih. Masa untuk ko-kurikulum tidak ada sebab perjalanan yang jauh dari rumah tadi.

Jadi sebagai mengatasi masalah ini adalah dicadangkan, tambahkanlah lagi sekolah asrama penuh ini. Banyakkan lagi sekolah biasa dijadikan sekolah berasrama. Kalau tidak penuh pun adalah separa penuh. Adalah lebih baik kita mencegah dari mengubati. Sebelum murid terjebak dengan masalah, adalah lebih baik kita memberi atau memenuhi hasrat mereka. Daripada kita membuka lebih banyak lagi pusat serenti, adalah lebih baik membuka sekolah asrama idaman murid-murid ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Walaupun kita sudah 50 tahun merdeka tetapi sebenarnya banyak aspek kehidupan kita belum merdeka termasuk minda dan jiwa kita. Ini termasuklah industri perfileman apabila produk budaya dalam bentuk filem asing terus bermaharajalela menjajah pemikiran rakyat kita semua, rakyat Malaysia. Sudahlah kita dilambakkan dengan warga asing, sama ada pendatang tanpa izin atau pendatang dengan izin. Kini kita dilambakkan lagi dengan

filem-filem asing dari Amerika Syarikat, Hong Kong, Bollywood, Filipina, Thailand dan lain-lain. Filem adalah medium hiburan yang benar-benar berjaya mempengaruhi gaya dan cara hidup, penampilan, perangai serta akhlak.

Kesannya anak-anak kita mudah terikut dengan cara dan persembahan seperti keganasan melampau, seks melampau dan buli yang melampau. Kedua, dari segi ekonominya, ia turut memberi kesan terhadap filem tempatan yang kelihatan tenggelam. Tidak salah mengamalkan dasar perdagangan bebas tetapi bukan pula kita tidak boleh mengenakan kuota ke atas filem luar sebagai satu mekanisme...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada lima minit lagi.

**Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin:** ...Melindungi industri filem tempatan. Kebanjiran filem asing perlu dikurangkan, dikawal dan juga diperketat. Mengetepikan filem yang tidak baik sebelum dibawa ke Lembaga Penapisan Filem Malaysia. Jadi kita pun tahu bahawa filem juga menjadi senjata untuk meresapkan elemen hiburan dan merosakkan nilai budaya dan juga pemikiran kerana mereka juga ada agenda yang tersirat. Jadi diharap pihak kementerian dapat membuat sesuatu dalam lambakan filem luar ini.

Tuan Yang di-Pertua, setelah 50 tahun merdeka juga satu isu yang mencuri perhatian umum ialah mengenai warga negara Malaysia yang melucutkan kerakyatan dan berhijrah ke luar negara atas pelbagai sebab. Antaranya berkahwin dengan warga asing dan mendapat tawaran kerja yang lebih menarik atas hal peribadi. Jadi amat memmeranjatkan apabila sebilangan daripada golongan tersebut iaitu 70% atau 79,199 daripada 106,000 orang ialah orang Melayu yang tanah tumpah darah mereka sejak asal ialah Tanah Melayu atau Malaysia.

Yang peliknya ketika berduyun-duyun rakyat asing khususnya dari negara jiran sanggup bergolok bergadai dan bersabung nyawa datang ke negara ini termasuk secara haram bagi mencari kehidupan yang lebih baik, orang kita pula mengambil langkah sebaliknya, berhijrah ke negara lain dan kita tidak tahulah di mana silapnya. Jadi apakah mereka sudah ketandusan rasa kasih sayang dan kecintaan kepada negara kita dan saya harap kementerian perlu membuat sesuatu dalam hal seperti ini, kita ikutlah sebelum perkara ini menjadi biasa eloklah kita perbaiki. Jadi semangat patriotik perlu ditanam sejak dari kecil lagi supaya walau sejauh mana pun mereka pergi, asal usul dan tanah tumpah darah tetap tidak dilupakan. Dengan ini saya menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Heng Seai Kie.

**3.37 ptg.**

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Bajet 2008 ini. Tuan Yang di-Pertua, sebagai tambahan kepada apa yang telah dibangkitkan oleh rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini, berikut ialah komen dan cadangan yang ingin saya ketengahkan untuk tujuan penambahbaikan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada bajet berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Kita sedia maklum bahasa insurans kesihatan merupakan produk popular yang mendapat sambutan rakyat tempatan sejak 10 tahun kebelakangan ini berikutan daripada pembangunan sosioekonomi negara dan permintaan rakyat terhadap taraf hidup serta kesihatan yang lebih bermutu.

Walau bagaimanapun daripada liputan media, komen-komen Menteri dan aduan-aduan yang telah diterima daripada rakyat terhadap isu insurans kesihatan, jelas menunjukkan bahawa isu ini perlu diberikan perhatian dan ditangani segera demi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya segala bayaran dan kadar yuran perubatan adalah diperuntukkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Perubatan Swasta 1998, dengan izin Private Health Care Facilities and Services Act 1998.

Sehubungan dengan itu polisi insurans kesihatan yang kini dipertikaikan ramai adalah dengan izin, polisi *Medical Plan Cashless Benefit*, yang telah menjanjikan kepada pemegang ataupun pembeli polisinya bahawa selagi mereka membayar premium, syarikat insurans akan bertanggungjawab penuh atas segala bil hospital pada bila-bila masa mereka dimasukkan ke mana-mana hospital dan kepada mana-mana doktor yang dirujuk. Perkataan hospital yang dimaksudkan adalah hospital yang berdaftar di alamatnya untuk menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan perubatan setempat bagi merawat sebarang pesakit. Tuan Yang di-Pertua, berasaskan...

■1540

**Tuan Yang di-Pertua:** Andai kata Yang Berhormat beri masa sedikit kepada Dato' Ismail Kasim, maka dapatlah semangat setia kawan dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Ya Tuan Yang di-Pertua. Berasaskan kepada aduan yang diterima, isu yang wujud sekarang ialah selepas beberapa tahun perjanjian polisi ditandatangani dan premiumnya dibayar, syarikat insurans kini pula mensyaratkan bahawa sekiranya pemegang polisi insurans kesihatan ingin menikmati *cashless benefit* dengan izin, mereka hanya boleh merujuk dan mendapat rawatan daripada hospital dan doktor tertentu yang tersenarai sebagai panel mereka sahaja. Jika tidak, mereka terpaksa membayar bil perubatan itu sendiri dan menuntut daripada syarikat insurans kemudian. Syarat ini sebenarnya tidak dinyatakan semasa perjanjian polisi ditandatangani. Sebaliknya mengikut polisi, pemegang polisi berhak untuk merujuk kepada mana-mana doktor di mana-mana hospital yang mana mereka percaya dan yakin akan mendapat perkhidmatan rawatan yang terbaik. Persoalan sekarang ialah, bolehkah syarikat insurans ini mengubah terma dan syarat-syarat yang termaktub dalam polisi seperti mengabaikan *cashless benefit* pemegang polisi jika mereka merujuk kepada doktor yang bukan panel.

Bukankah perubahan ini merupakan satu pelanggaran terma asas kontrak? Wakil syarikat iaitu ING baru-baru ini melalui satu media telah secara terbuka menyatakan pemegang

polisi masih boleh merujuk kepada hospital bukan panel tetapi mereka kenalah bayar sendiri dahulu kemudian tuntutan balik. Masalahnya ialah oleh kerana terma ini tidak diperuntukkan di dalam perjanjian polisi, di manakah jaminan bahawa tuntutan ini akan dibayar balik sedangkan yang telah dijanjikan dan diperuntukkan secara hitam putih juga telah dimungkir.

Yang kedua, kenapakah pemegang-pemegang polisi ini dihukum semata-mata kerana telah merujuk kepada doktor ataupun hospital yang tidak disenaraikan sebagai panel syarikat insurans. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terdapat dua jenis plan perubatan iaitu *Medical Plan Cashless Benefit* dan *Medical Plan Non-Cashless Benefit*. Yang membezakan ialah mereka yang memilih untuk membeli polisi *Medical Plan Cashless Benefit* dikehendaki membayar premium tambahan sebanyak RM200 setahun dengan kadar yang meningkat setiap tahun mengikut peningkatan umur pemegang polisi iaitu daripada 24% daripada umur 39 hingga 40 dan meningkat sebanyak 40% daripada umur 49 sehingga 50. Bayaran premium tambahan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Supaya mudah pihak kerajaan jawab isu Yang Berhormat timbulkan ini, adakah ianya lebih berkaitan Kementerian Kesihatan atau Kementerian Kewangan?

**Puan Heng Seai Kie:** Dua-dua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang bertanggungjawab perkara-perkara termasuk syarikat insurans?

**Puan Heng Seai Kie:** Kedua-duanya Tuan Yang di-Pertua. Bayaran premium tambahan yang lebih mahal ini adalah dibayar untuk kemudahan *cashless benefit*, dengan izin, dan ia merupakan terma asas polisi. Tuan Yang di-Pertua, pemegang polisi iaitu rakyat kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat mengeluh sebentar tadi ya?

**Puan Heng Seai Kie:** Ya. Kerana sedih atas apa yang telah berlaku iaitu rakyat kita sanggup membeli plan polisi yang lebih mahal kerana kos perubatan yang semakin meningkat dan keinginan untuk mendapat rawatan yang lebih teliti dan lebih berkualiti kerana mereka sayangkan keluarga dan tidak mahu penyakit mereka nanti akan menjadi satu beban kepada ahli keluarga ataupun Kerajaan Malaysia. Pendek kata, pemegang polisi ini telah menyumbang sebahagian daripada belanja kesihatan negara dengan membayar premium kepada syarikat insurans. Walaupun mahal dan meningkat setiap tahun, mereka tak kisah. Walaupun barang premium ini akan menjadi hangus setiap tahun jika mereka tidak jatuh sakit ataupun tidak dimasukkan ke hospital tetapi apa yang pasti tidak dapat diterima oleh mereka ini ialah syarikat insurans telah memungkir janji mereka dengan menghadkan pilihan pemegang polisi kepada doktor ataupun hospital panel yang ditetapkan oleh mereka.

Yang lebih serius lagi ialah Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini tiada pemegang polisi yang terima notis tentang senarai doktor panel dan hospital panel syarikat insurans secara bertulis. Bukankah lebih adil jika senarai ini dibekalkan supaya mereka boleh mengenal pasti sama ada doktor atau hospital pilihan mereka termasuk dalam senarai dan seterusnya

membolehkan mereka membuat keputusan sama ada berbaloi ataupun tidak untuk mereka teruskan dengan polisi kesihatan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah walaupun senarai doktor dan hospital panel tidak diterima, tetapi senarai doktor ataupun hospital yang tidak menjadi panel pula diedarkan. Senarai doktor yang bukan panel ini adalah dilabelkan sebagai doktor yang disenaraihitamkan oleh syarikat insurans. Kita...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sepanjang ucapan Yang Berhormat dari mula, telah membincangkan soal kepincangan dari beberapa aspek polisi-polisi insurans. Saya rasa isu itu sudah lengkap diketengahkan dan kalau boleh Yang Berhormat beri masa sikit kepada Dato' Ismail Kassim.

**Puan Heng Seai Kie:** Ya, ya. Saya akur dengan nasihat Tuan Yang di-Pertua. Jadi, maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Ismail Kassim, yang terakhir. Harap jangan melampaui jam 4.00 petang ya. Boleh Yang Berhormat?

**3.47 ptg.**

**Dato' Ismail Kassim:** Insya-Allah Tan Sri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Melampaui atau melintasi?

**Dato' Ismail Kassim:** Dua perkara saja Tuan Yang di-Pertua. Saya akan bercakap lima minit saja cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Melampaui jam 4.00 petang atau melintasi jam empat petang?

**Dato' Ismail Kassim:** Sebelum 4.00 petang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkataan yang lebih sesuai adalah melampaui atau melintasi?

**Dato' Ismail Kassim:** Tak melampaui empat petang. Saya sedar akan kekangan masa Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan..

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak, saya bertanya adakah perkataan yang lebih sesuai melampaui atau melintasi?

**Dato' Ismail Kassim:** Melintasi. *[Ketawa]* ... Kerana telah memberi peluang untuk saya untuk turut serta membahaskan satu peruntukan Akta Kumpulan Wang Disatukan ini iaitu bagi Bajet 2008. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara yang penting iaitu yang pertama sekali ialah berhubung dengan kedudukan industri automotif kita iaitu Proton. Umum menyedari bahawa industri ini yang telah diilhamkan oleh mantan Perdana Menteri kita Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad yang dilihat di peringkat awalnya telah berjalan dengan baik, teratur dan tersusun seperti mana yang dirancang di peringkat awalnya dan diinginkan misi seperti mana pelancaran kereta nasional yang kita sayangi tapi sekarang ini kita lihat pula perjalanan syarikat ini di pertengahan jalan. Terdapat beberapa perkara yang sebenarnya harus

dikaji dan dilihat semula. Pertama, untuk menjadikan industri ini lebih bersaing dengan syarikat-syarikat gergasi di peringkat antarabangsa.

Saya melihat beberapa kelemahan Tuan Yang di-Pertua kerana kalau kita boleh membuat perbandingan iaitu kereta-kereta yang sekelas dengannya, kita melihat ada beberapa dasar yang dibuat oleh pentadbiran Proton ini kita lihat seolah-olah tidak ada satu idea ataupun buah fikiran bagi meletakkan industri ini bersaing secara terbuka dengan kereta-kereta yang sekelas dengannya. Terutamanya kita mengambil kira untuk dari segi jangka panjang.

■1550

Sepatutnya pihak pentadbiran memikirkan *purchase* iaitu *service after purchase*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita sepatutnya melihat mendapat keuntungan yang berpanjangan daripada keuntungan yang dicipta selepas urusan jual beli dilakukan ataupun dilaksanakan. Dengan ini kita akan dapat mengawal *part* ataupun *spare part* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita akan dapat mengawal alat ganti yang akan dikawal oleh kita tanpa kita mengharapkan kepada vendor-vendor yang tertentu yang menyebabkan perkara-perkara seperti meletakkan harga kereta berkenaan yang sepatutnya pada tahap rendah. Ia boleh diberi dan boleh dilihat dari segi *volume* nya dan boleh dipertingkatkan kalau harga itu lebih kompetitif dibandingkan dengan kereta-kereta yang lain. Dalam pada itu sebab kita melihat seolah-olah kebelakangan, pihak pentadbiran syarikat tidak begitu mengawasi terutama dari segi reka bentuk dari segi kawalan mutu sebab komen-komen daripada pembeli-pembeli Proton ini ada yang beli tak sampai sejam berlaku kekeringan air, berlaku kerosakan di sana sini. Kemudian kita memandu kereta baru, seperti kita memandu kereta yang berumur sepuluh tahun lebih, tidak ada suasana yang begitu selesa sebagai sebuah kereta baru yang boleh diletakkan persaingannya di peringkat antarabangsa.

Jadi menyedari hakikat ini, untuk kita menghadapi arus dunia yang global, yang mencabar ini harus kita berbuat sesuatu terutama dari segi R&D kerana kejayaan sesuatu industri itu bergantung pada kekuatan R&D. Kita bandingkan dengan Korea. Walaupun mereka tidak begitu lama dalam industri ini, tetapi kekuatan R&D yang telah dibuat dengan sokongan kerajaan yang tidak henti-henti, maka membolehkan bagaimana industri automotif di Korea dan Jepun mendahului kita dengan begitu jauh sehinggakan kita lihat syarikat Toyota kalau tak ada satu dasar yang dibuat oleh kerajaan Jepun, bagi mengawal pemilikan ekuiti dan penguasaan ekonomi sudah tentu mereka sudah boleh berbuat sesuatu dan menguasai lebih 50% daripada ekonomi negara Jepun sendiri.

Jadi dalam hal ini kita minta kita pihak kerajaan supaya mengawasi dan kita hanya perlu melantik mereka yang layak supaya pengurusan orang-orang Malaysia ini tidak dipertikaikan. Kalau kita bandingkan dengan industri kedua kita iaitu Perodua. Kita lihat ia begitu bersaing, begitu boleh mengawal pasaran walaupun dalam keadaan waktu ekonomi yang agak lembap dan sebagainya kerana pihak pengurusan syarikat itu bercampur dengan pihak pengurusan daripada tenaga luar negara. Jadi kita lihat biarlah benda-benda dan perkara tidak akan timbul di masa

yang akan datang dan kita minta pihak kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan sentiasa mengawal perkara ini dengan lebih berhati-hati supaya kita pastikan industri yang amat kita sayangi ini dapat dimartabatkan sama dan selari dengan industri di negara lain yang telah maju.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang pemberian AP yang terlalu awal iaitu AP pengimport beras kepada syarikat Padi Beras Nasional Berhad. Kontrak yang sepatutnya berakhir pada 2011, tiga tahun daripada sekarang, tetapi saya difahamkan surat penyambungan walaupun taraf pemberian AP bukan bersifat *sole importer*, dengan izin, sebagai pengimport tunggal tetapi hak untuk mengimport tapi kenapa ia diberi terlalu awal kepada syarikat Padi Beras Nasional Berhad. Sepatutnya kita perlu melihat dalam tempoh dua tiga tahun ini sebagai tempoh pemerhatian kerajaan, kemampuan yang sebenarnya yang telah dibuat oleh syarikat Padi Beras Nasional Berhad ini sama ada mereka mampu selain mampu mengawal industri beras negara mereka juga menjaga *stockpile* dan mereka mampu menjalankan obligasi-obligasi yang telah diberikan amanah oleh kerajaan pada masa dasar pengkorporatan dan penswastan yang dibuat tak lama dulu.

Jadi dalam hal ini, biarlah setiap satu keputusan yang dibuat biar dalam peringkat yang begitu berhati-hati. Kita tidak mahu kalau elemen ketegasan yang kita buat terhadap sesuatu perkara ia biasanya mendatangkan kesan yang tidak baik daripada kesan yang baik. Jadi saya nak tanya pihak kerajaan apa rasionalnya. Saya difahamkan kelulusan untuk AP telah dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi dan bukan di bawah Kementerian Pertanian dan Asas Tani.

Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, menghormati apa yang berikan amanah kepada saya, saya nak sentuh sedikit pertama tahniah kepada Kementerian Belia dan Sukan atas keupayaan mengharumkan sekali lagi nama Malaysia di persada antarabangsa dan telah mendapat 64 pingat emas iaitu lebih empat daripada apa yang disasarkan. Cuma kita nak minta sebenarnya kita harus lebih cemerlang. Peruntukkan besar diberikan oleh kementerian dan kita minta supaya pada masa-masa yang akan datang tindakan segera yang dibuat oleh pihak kementerian iaitu mempunyai sedikit kuasa di dalam persatuan-persatuan sukan yang ada di negara kita kerana kita tak mahu besar kepala. Dapat duit daripada kerajaan dia mengendalikan sesuka hati dan sesetengah dikendalikan dengan tidak begitu baik. Jadi sebab itulah apabila *post mortem* dibuat kepada persatuan-persatuan yang gagal mencapai sasaran ia haruslah diberi perhatian oleh kerajaan. Saya minta kementerian selalunya ada kuasa untuk menentukan. Jangan kita bagi kuasa penuh pada persatuan kerana kepimpinan persatuan ini kadang-kadang bermotifkan bermacam-macam. Kadang-kadang mereka memegang persatuan hanya untuk menonjolkan diri tanpa memberikan cinta mereka yang sebenar pada persatuan ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk mula menjawab dan menggulung perbahasan.

**3.57 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2008 peringkat dasar dan menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan dan teguran, saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mempertahankan kontrak sosial. Untuk maklumat Yang Berhormat, kontrak sosial yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan telah dirunding dan dipersetujui oleh semua kaum utama di negara ini sebelum kita mencapai kemerdekaan. Ia merupakan satu manifestasi kepada semangat kerjasama, tolak ansur dan saling hormat-menghormati antara pelbagai kaum. Semangat sebegini telah terbukti telah menjadi asas kukuh kepada kemakmuran dan keharmonian negara selama ini. Kerajaan sentiasa berpendapat bahawa kontrak sosial tersebut masih relevan dan mestilah dipegang teguh.

Kerajaan mengakui memang terdapat golongan-golongan tertentu yang tidak begitu memahami atau terlupa mengenai sejarah sehingga kadang kala mempertikaikan sebab dan rasional kontrak sosial. Menyedari hakikat ini kerajaan sentiasa berusaha untuk mengingatkan rakyat tentang sejarah negara, usaha-usah membebaskan negara dari belenggu penjajah, ancaman komunis, perpecahan kaum dan lain-lain peristiwa sehingga membentuk Malaysia menjadi negara yang kita kenali pada hari ini. Usaha-usaha ini diperhebat lagi semasa negara menyambut ulang tahun kemerdekaan ke 50 baru-baru ini melalui pelbagai pameran, penerbitan di media massa dan lain-lain yang diatur oleh pelbagai agensi kerajaan.

Selain itu usaha mendidik generasi muda mengenali dan memahami sejarah Malaysia telah dilaksanakan dari bangku sekolah lagi di mana mata pelajaran sejarah yang menceritakan persetujuan untuk berkongsi kuasa antara pelbagai kaum merupakan mata pelajaran wajib di sekolah menengah. Di peringkat pengajian tinggi pula, subjek Hubungan Etnik telah digubal dan diwajibkan di semua 20 institusi pengajian tinggi awam agar golongan mahasiswa memahami dengan lebih mendalam mengenai sejarah negara serta asal usul suatu kaum hingga terbentuknya Malaysia pada hari ini. Kerajaan percaya usaha-usaha sebegini akan dapat meningkatkan lagi kesedaran rakyat Malaysia tentang sejarah suatu perkara seperti kontrak sosial menjadi asas dan kekuatan Malaysia. Yang Berhormat Dr Haji Mohd. Puad bin Zarkashi menyarankan agar kerajaan terus berusaha memastikan rakyat dapat menikmati pengagihan yang saksama hasil daripada pertumbuhan ekonomi negara yang semakin meningkat. Untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan sememangnya amat menekankan konsep pertumbuhan secara saksama. Ia telah mendasari usaha-usaha pembangunan negara semenjak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan pada tahun 1971. Hasil daripada penekanan terhadap

pengagihan secara saksama, pembangunan negara telah mencapai tahap yang amat membanggakan di mana kadar kemiskinan telah berjaya dikurangkan daripada lebih 50% sewaktu diawal kemerdekaan kepada 5.7% pada tahun 2004.

#### ■1600

Manakala kadar kemiskinan tegar telah berjaya dikurangkan kepada hanya 1.2% pada masa kini. Untuk memacu pembasmian kemiskinan, kerajaan telah meletakkan sasar agar kemiskinan tegar dihapuskan dan kadar kemiskinan pula dikurangkan kepada 2.8% menjelang tahun 2010. Jurang pembangunan antara kaum juga telah dapat dikurangkan dengan jayanya. Keseimbangan dalam bidang profesional, pemilikan saham syarikat, hartanah serta perusahaan dan perdagangan semakin bertambah baik. Lantaran itu jurang penempatan antara kaum juga berjaya dikurangkan.

Misi nasional yang telah digariskan bagi memacu pembangunan negara ke arah status negara maju menekankan kepada usaha-usaha menangani ketidakseimbangan sosioekonomi secara membina dan produktif. Justeru itu kerajaan akan terus meletakkan komitmen yang tinggi terhadap menjamin kesaksamaan antara kaum dan adalah diharapkan agar Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat bekerjasama dengan kerjasama bagi mencapai cita-cita murni ini.

Yang Berhormat Dato' Idris bin Haji Buang menyatakan bahawa kini terdapat keadaan yang telah menjejaskan perpaduan dan meminta kerajaan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan perpaduan kaum tetapi erat. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedar masih terdapat isu-isu yang boleh mencetuskan pergaduhan dan seterusnya mengakibatkan konflik antara kaum di negara ini. Oleh itu kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu-isu yang boleh menjejaskan perpaduan kaum dan sentiasa berusaha bagi memastikan keharmonian dan perpaduan terus dipertingkatkan. Bagi menyuburkan nilai perpaduan dan silaturahim di kalangan pelbagai kaum berterusan dan menjamin generasi masa hadapan terus menikmati keamanan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah dan sedang menjalankan pelbagai program dengan matlamat utama untuk memupuk semangat perpaduan dan kekitaan di kalangan rakyat.

#### [Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sehingga November 2007 sebanyak 3,750 buah kawasan rukun tetangga di seluruh negara telah digunakan sebagai saluran untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti bercorak perpaduan di peringkat akar umbi merangkumi pelbagai bidang termasuk pendidikan, sosial, kebudayaan, keagamaan, sukan dan rekreasi, keselamatan, ekonomi, kesihatan dan kebajikan. Pelaksanaan program dan aktiviti berkenaan akan membuka ruang yang lebih luas kepada rakyat berbilang kaum berinteraksi. Selain itu, JPNIN turut memberi penekanan kepada usaha-usaha pemupukan nilai-nilai perpaduan di peringkat awal iaitu melalui pendidikan pra sekolah yang dikenali sebagai tabika perpaduan. Kurikulum dan kokurikulum yang diguna pakai mampu memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak seusia empat hingga enam tahun mengenai budaya dan semangat

perpaduan kaum di negara ini supaya generasi yang akan datang mempunyai semangat cintakan negara.

JPNIN juga sentiasa melaksanakan program-program yang boleh memupuk perpaduan tanpa mengira kaum, budaya dan agama dan dilaksanakan di seluruh negara. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (i) program interaksi merangkumi sukaneka;
- (ii) program Kembar Padu, Kem Padu Anak Malaysia;
- (iii) Tabika Rama dan Perpaduan;
- (iv) sambutan Bulan Perpaduan.
- (v) program integrasi merangkumi lawatan yang melibatkan pelbagai kaum dan antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan;
- (vi) program patriotik merangkumi pertandingan debat perpaduan antara institusi pengajian tinggi, kempen kibar Jalur Gemilang dan Kelab Rukun Negara; dan
- (vii) program promosi melibatkan penerbitan majalah perpaduan dan buletin jiran.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, melalui Pelan Tindakan Perpaduan dan Integrasi Nasional lima tahun iaitu 2006 hingga 2010, telah digariskan 19 strategi sebagai panduan kepada agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk meningkatkan perpaduan dan patriotisme di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Beberapa objektif juga telah digariskan bagi meningkat dan mengukuhkan keharmonian inter dan intra kaum, budaya dan agama semua kaum di Malaysia. JPNIN sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk memupuk, memelihara dan mengukuhkan perpaduan di Malaysia menggunakan kaedah pengesanan dan pemantauan isu-isu dan konflik semasa yang berhubung dengan hubungan kaum. Isu-isu yang dikesan merangkumi isu politik, ekonomi, sosial, agama, keselamatan, perkauman, kejiranan, pergaduhan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan M. Munusamy mencadangkan supaya kerajaan menangani isu-isu sensitif yang menjejaskan perpaduan dengan menggunakan konsep Rukun Negara dan semangat permuafakatan. Sebagai negara berbilang bangsa, Malaysia sememangnya berisiko tinggi menghadapi konflik hubungan antara kaum jika tidak ditangani dengan sebaiknya. Justeru isu-isu sensitif seperti isu agama mestilah ditangani secara berhati-hati bagi mengelakkan isu tersebut menjadi lebih buruk sehingga mengugutkan keselamatan dan kestabilan negara.

Sehubungan ini, ideologi kebangsaan iaitu Rukun Negara yang diisytiharkan pada tahun 1970 boleh dijadikan pegangan dalam landasan hidup rakyat Malaysia ke arah saling menghormati di antara satu sama lain serta menghindari isu-isu sensitif. Bagi memperkukuhkan pengetahuan, pemahaman, penghayatan dan pengamalan masyarakat khususnya di kalangan

generasi muda terhadap rukun negara maka JPNIN dengan kerjasama Kementerian Pelajaran serta Kementerian Pengajian Tinggi telah dan akan memperluaskan lagi penubuhan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah rendah, menengah dan juga di institusi pengajian tinggi.

Objektif Kelab Rukun Negara antara lain adalah untuk menyubur dan mempertingkatkan kesedaran akan kepentingan Rukun Negara sebagai asas norma kehidupan. Melalui kelab ini juga, diharapkan para pelajar akan menjadikan Rukun Negara sebagai satu amalan cara hidup yang berterusan bagi melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, setia, bersatu padu, berwawasan, bermaruah, bersikap terbuka dan beretika sejajar dengan wawasan negara. Bagi tujuan tersebut, aktiviti Kelab Rukun Negara telah dirangka dan dilaksanakan berasaskan lima prinsip Rukun Negara. Antaranya ialah lafaz ikrar Rukun Negara, karnival patriotik, lawatan kenegaraan, forum, perkhemahan, pertandingan pidato rukun negara dan lain-lain lagi. Di samping itu JPNIN melalui rukun tetangga di seluruh negara melaksanakan aktiviti-aktiviti di kawasan masing-masing bagi membudayakan penghayatan rukun negara dan permuafakatan kepada masyarakat setempat.

Berhubung cadangan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam supaya ditubuhkan sebuah agensi untuk menjaga hak semua kaum minoriti di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Jabatan Perdana Menteri terdapat JPNIN yang berperanan untuk mendengar masalah dan isu-isu pelbagai kaum termasuk kaum minoriti. Peranan ini turut diperkukuhkan dengan pelantikan panel penasihat perpaduan negara yang mewakili pelbagai kaum, sektor awam, swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, isu-isu yang berkaitan dengan kaum dan agama sering dibincangkan dan diputuskan di mesyuarat Jemaah Menteri yang mempunyai Menteri-menteri dari pelbagai kaum dan agama. Oleh itu, kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan sebuah agensi seperti yang dicadangkan kerana agensi-agensi sedia ada telah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi supaya kerajaan mengkaji semula Akta Hasutan 1948 agar mereka yang melanggar akta ini akan dikenakan hukuman yang berat. Untuk makluman Yang Berhormat, hukuman yang boleh dikenakan pada masa ini bagi kesalahan di bawah akta berkenaan ialah denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kali pertama. Manakala bagi kesalahan yang berikutnya, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun. Hukuman ini mungkin tidak lagi berat kepada sesetengah pihak, mengambil kira akan kepentingan dan ketenteraman awam, maka cadangan Yang Berhormat yang tersebut akan dikaji dan dipertimbangkan oleh kerajaan.

Berhubung dengan Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain supaya Biro Bantuan Guaman menubuhkan *one-stop-center*, dengan izin, untuk membolehkan hak-hak isteri seperti hak guaman, hak-hak harta sepencarian, hak-hak nafkah dan sebagainya terjamin. Sehingga kini terdapat 22 cawangan Biro Bantuan Guaman di seluruh negara dan

objektifnya adalah untuk memberi nasihat bantuan guaman serta khidmat pengantaraan kepada golongan yang kurang berkemampuan. Peranan BBG termasuk memberi bantuan guaman bukan sahaja kepada isteri malah kepada semua orang awam yang kurang berkemampuan yang memerlukan bantuan termasuk menuntut hak harta sepencarian, hak nafkah dan *relief-relief*, dengan izin, yang lain yang berkaitan dengan Undang-undang Keluarga dan undang-undang lain seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Bantuan Guaman 1971.

Oleh itu dalam memberi pelbagai bantuan dan perkhidmatan kepada pelanggan, bantuan guaman sememangnya berfungsi sebagai pusat setempat walau bagaimanapun bantuan hanya dapat diberikan kepada golongan yang berpendapatan tidak lebih daripada RM30 ribu setahun kecuali mereka yang mendapat pengecualian daripada Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab.

■1610

Sayalah itu, kalau Yang Berhormat hendak jumpa, IPD ini kita jumpa. Oleh itu, bantuan guaman oleh BBG tidak dapat dipanjangkan kepada semua pihak kerana pertimbangan dibuat berasaskan pendapatan. Sekiranya khidmat ini hendak diperluaskan kepada semua isteri tanpa mengira had pendapatan, maka kerajaan harus meletakkan satu dasar baru dan meminda Akta Bantuan Guaman 1971.

Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap mahukan agar Mahkamah Anak Negeri ditubuhkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk menangani masalah sosial di Lembah Klang. Sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, Mahkamah Anak Negeri Sabah ditubuhkan di bawah peruntukan undang-undang negeri Sabah. Untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan hal ehwal dan pentadbiran adat istiadat anak negeri Sabah dan bukannya untuk menangani masalah sosial.

Setakat ini tiada peruntukan yang serupa dalam mana-mana undang-undang di Semenanjung Malaysia. Kerajaan berpendapat penubuhan Mahkamah Anak Negeri dan undang-undang demikian tidak perlu diwujudkan di Lembah Klang atau di mana-mana negeri lain dan ia dilihat tidak sesuai untuk menangani masalah sosial. Mekanisme, forum dan undang-undang sedia ada telah memadai.

Yang Berhormat Maijol bin Mahap mencadangkan untuk mengatasi masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah. Sebenarnya kerajaan telah pun melaksana apa yang cadangkan itu. Antara tindakan yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah PATI di Sabah ialah:

- (i) mempertingkatkan operasi penangkapan dan menghantar PATI pulang ke negeri asal. Setakat ini secara purata seramai 1,500 orang PATI dihantar pulang ke negara asal mereka setiap bulan. Sehingga November 2007, seramai 17,540 orang PATI telah diusir atau dihantar pulang;

- (ii) kita telah mempertingkatkan pendakwaan ke atas majikan dan penduduk tempatan yang melindungi PATI dan menyiarkan berita ini secara meluas; dan
- (iii) memperketat penguatkuasaan di pintu-pintu masuk ke Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, negara asal PATI enggan menerima mereka yang ditangkap yang dihantar balik tanpa dokumen perjalanan yang sah. Oleh itu, setiap PATI yang akan diusir atau untuk dihantar balik akan diusahakan untuk mendapat dokumen perjalanan dari kedutaan atau Pejabat *Council General*, negara masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Puan Nordiana Datuk Shafie menyatakan telah wujud kepincangan dalam beberapa agensi kerajaan seperti yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini dan mencadangkan agar kerajaan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memperbaiki Sektor Perkhidmatan Awam.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya langkah-langkah berterusan memang telah diambil bagi mengurangkan kepincangan-kepincangan seperti yang dinyatakan dalam Laporan Ketua Audit Negara tersebut. Malahan mulai tahun hadapan kerajaan akan memperkenalkan indeks akauntabiliti bertujuan menilai pengurusan perbelanjaan di setiap kementerian dan jabatan. Indeks ini akan dijadikan sebagai salah satu kriteria utama dalam menilai kenaikan pangkat ketua-ketua setiausaha kementerian dan ketua-ketua jabatan.

Yang Berhormat M. Munusamy ingin mengetahui apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperkasakan Sektor Perkhidmatan Awam agar dasar dan strategi pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih efektif. Untuk makluman Yang Berhormat, usaha-usaha penambah baikkan dan memperkasakan Perkhidmatan Awam dilaksanakan dengan secara berterusan, khususnya dari segi meningkatkan sistem penyampaian kepada rakyat.

Usaha-usaha penambahbaikan yang telah dilaksanakan di bawah kategori sistem dan prosedur kerja adalah seperti berikut:

- (i) penambah baikkan urusan-urusan pemajuan serta penyenggaraan dan pengurusan hartanah melalui pelaksanaan pusat setempat dengan izin, *one-stop-center* (OSC) dan pengenalan sijil penyiapan dan pematuhan atau *Certificated of Completion and Complies* dengan izin, CCC oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
- (ii) memantapkan pengurusan dan pengendalian *help desk* dengan izin, di agensi-agensi kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan kepada pelanggan; dan
- (iii) pembayaran tuntutan dan bil dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan tuntutan yang lengkap.

Kerajaan turut menubuhkan Pasukan Khas Pemudah Cara Perniagaan atau lebih dikenali sebagai PEMUDAH yang melibatkan kerjasama antara sektor awam dan sektor swasta untuk menambahbaikkan sistem penyampaian kerajaan. Antara penambahbaikan yang telah diperkenalkan melalui usaha PEMUDAH ialah:

- (i) mempercepatkan proses bayaran balik, lebihan cukai pendapatan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri;
- (ii) mempercepatkan pendaftaran syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- (iii) memendekkan masa bagi taksiran penilaian hasil bagi urusan pindah milik tanah oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri; dan
- (iv) memudahkan kelulusan permohonan untuk penggajian *expatriate*, dengan izin.

Mana kala penambahbaikan melalui teknologi maklumat dan komunikasi adalah melalui pembangunan aplikasi seperti berikut:

- (i) Sistem Pemantauan Projek SPP2. Sistem ini telah berjaya meningkatkan keberkesanan aspek pemantauan pelaksanaan dan pembayaran projek-projek pembangunan Kerajaan Persekutuan;
- (ii) e-Perolehan atau e-P membolehkan proses perolehan kerajaan dilakukan secara elektronik. Sejumlah 4,891 pembekal telah mendaftar untuk menggunakan aplikasi ini dengan 530,813 transaksi bernilai RM5.6 bilion telah dilaksanakan semenjak 2000 sehingga 30 September 2007;
- (iii) e-Syariah. Sistem ini telah berjaya dilaksanakan di semua 110 buah mahkamah syariah di seluruh negara, sebagai satu sistem pengurusan kes bersepadu yang membantu melancarkan pengurusan mahkamah, pendakwa syarii, peguam syarii dan orang ramai;
- (iv) Portal Perkhidmatan Awam iaitu *my.government*. Portal ini merupakan gerbang utama bagi orang ramai termasuk komuniti perniagaan berinteraksi dengan agensi-agensi kerajaan untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan kerajaan. Sehingga Oktober 2007, sebanyak 975 laman web agensi kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) telah dihubungkan kepada *my.government* sebanyak 3,104 borang untuk pelbagai jenis perkhidmatan boleh dimuat turun daripada sistem ini;
- (v) e-Pihak Berkuasa Tempatan iaitu e-PBT. Dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan PBT serta memudahkan kerajaan memantau pencapaiannya; dan

- (vi) e-Khidmat - yang dilaksanakan di Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis Diraja Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Jabatan Interservis Malaysia. Sebanyak 16 jenis perkhidmatan disediakan secara elektronik untuk memberi kemudahan perkhidmatan kepada orang ramai. Ini termasuklah kemudahan semakan dan pembayaran bil-bil utiliti, cukai pintu, kompaun dan saman, semakan tempoh tamat lesen memandu melalui SMS, pengeluaran lesen belajar memandu melalui kios, semakan kebangkrapan individu dan penggugungan syarikat secara *online*.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan juga sedang mengambil beberapa inisiatif untuk membangunkan lebih banyak sistem berasaskan ICT, untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan.

Salah satu inisiatif utama ialah inisiatif e-KL iaitu sistem penyampaian bersepadu yang dilaksanakan di Lembang Klang berlandaskan prinsip satu kerajaan banyak agensi. e-KL diperkenalkan bagi menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan utama agensi-agensi kerajaan secara *online* di kawasan Lembah Klang yang meliputi daerah Petaling, Klang, Gombak, Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Shah Alam, Sepang termasuk KLIA dan Cyberjaya bagi negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Nilai di Negeri Sembilan.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi juga mencadangkan supaya ditubuhkan jawatankuasa memantau serta mengukur penguatkuasaan semua undang-undang di jabatan-jabatan kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, setiap jabatan atau agensi kerajaan dalam menunaikan tanggungjawab masing-masing, sentiasa melaksana dan memantau penguatkuasaan undang-undang di bawah kuasa dan tanggungjawab masing-masing. Penubuhan satu jawatankuasa khusus yang berfungsi semata-mata untuk memantau serta mengukur penguatkuasaan undang-undang bagi semua jabatan kerajaan adalah kurang wajar, malah mungkin bercanggah dengan peruntukan undang-undang tertentu. Oleh itu, kerajaan dengan ini tiada cadangan untuk menubuhkan jawatankuasa seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang mencadangkan supaya diwujudkan mekanisme bagi membolehkan rakyat mengetahui perjalanan mesyuarat Dewan Negara secara mendalam. Ini akan membolehkan mereka memahami peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara di dalam membangkitkan isu-isu yang berkaitan rakyat di Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini laman web Parlimen sentiasa dikemas kini bagi memaparkan maklumat terkini mengenai perjalanan urusan Parlimen termasuk persidangan Dewan Negara. Aturan Urusan Mesyuarat Harian dan Penyata Rasmi atau *Hansard* Dewan Negara boleh didapati di dalam laman web ini.

**■1620**

Di samping itu kerajaan juga sentiasa mengambil tindakan untuk menambah baikkan penyampaian maklumat melalui media massa dan kemudahan-kemudahan sedia ada atau tambahan untuk memastikan rakyat dapat mengetahui maklumat-maklumat mengenai urusan Parlimen dengan lebih sempurna. Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara juga boleh memainkan peranan mendidik orang ramai mengenai peranan Dewan Negara.

Yang Berhormat Tuan Maijol Mahap telah menyentuh mengenai beberapa projek di Sabah dan ingin mengetahui bila ia akan dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat, kemajuan projek-projek berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Projek Jalan Kota Marudu - Marak Parak - Melinsau - Foring dan Ranau sedang dalam pelaksanaan. Projek bermula pada Januari 2005 dan dijangka siap pada Disember 2011;

Insya-Allah kita semua ada lagilah.

- (ii) Projek Jalan Lingkaran Utara-Selatan. Jabatan Kerja Raya Sabah memaklumkan bahawa projek ini masih belum diluluskan. Walau bagaimanapun kajian telah dijalankan oleh Kementerian Kerja Raya dan akan dikemukakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan untuk kelulusan;
- (iii) Projek Menaik Taraf Jalan Kota Belud-Langkon. Projek ini telah pun siap pada Januari 2007. Walau bagaimanapun terdapat cadangan Jabatan Kerja Raya untuk membaik pulih jalan tersebut dari kilometer 28.2 hingga ke kilometer 36.9. Pada masa ini ia masih dalam kajian pihak perunding;
- (iv) kemudahan hospital dan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Setakat ini tidak ada pelaksanaan projek berkenaan bagi tahun 2007. Walau bagaimanapun sebanyak 32 projek kemudahan hospital dan 20 projek perkhidmatan kesihatan luar bandar akan dilaksanakan dalam tempoh 2008 sehingga 2010;
- (v) Projek Pembinaan Perumahan Kos Rendah, sebanyak 21 projek akan dilaksanakan di bawah peruntukan Jabatan Perumahan Negara di negeri Sabah. Sehingga kini sebanyak enam projek telah siap dan selebihnya sedang dalam pelaksanaan; dan
- (vi) Projek Menaik Taraf Kereta Api dari Tanjung Aru ke Tenom. Projek ini telah bermula pada November 2005 dan dijangka siap pada Mei 2008.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam agar kerajaan memberi peruntukan yang sewajarnya untuk kemudahan asas rumah ibadat kaum Siam. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan kemudahan asas rumah ibadat adalah di bawah bidang

kuasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sehubungan itu Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk pertimbangan Yang Amat Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat semalam yang berucap itu sahaja, jadi saya minta Dato' Dr. Mashitah untuk menjawab bagi soal agama. Terima kasih.

#### **4.23 petang**

##### **Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008 peringkat dasar dan menyentuh isu-isu berkaitan agama Islam. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran, saranan, dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain telah mengemukakan beberapa cadangan dan menyentuh mengenai Mahkamah Syariah. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat. Isu pelantikan Hakim wanita di Mahkamah Syariah sebenarnya dapat diselesaikan, sebaik sahaja pihak kerajaan negeri bersedia untuk menerima dan memberikan pentauliahkan kepada calon-calon hakim wanita yang layak.

Malah JKSM bersedia untuk menempatkan calon di bawah Skim Perkhidmatan Guna Sama ke negeri-negeri yang memerlukan perkhidmatan hakim syariah wanita. Untuk makluman Yang Berhormat sehingga kini bilangan pegawai syariah di dalam Skim Perkhidmatan Guna Sama di seluruh negara adalah seramai 150 orang, dan bilangan pegawai syariah wanita yang layak untuk dilantik sebagai hakim di Gred 44 ialah seramai 13 orang, manakala untuk hakim di Gred 48 pula seramai tiga orang. Buat masa ini mereka ditempatkan di pelbagai agensi untuk mendapat kemahiran perundangan dan kehakiman.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Hakim-hakim Mahkamah Syariah ditambah untuk mengurangkan kes-kes tertunggak dan tertanggung, sememangnya kerajaan sedar penambahan Hakim Mahkamah Syariah perlu dibuat dari semasa ke semasa bagi mengatasi masalah kes-kes tertunggak.

Sebenarnya JKSM telah pun membuat beberapa perubahan dan penstrukturan semula jawatan di Mahkamah Syariah, di mana bilangan hakim telah pun ditambah berdasarkan kepada kepadatan penduduk beragama Islam di sesuatu kawasan. Misalnya seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah sahaja untuk sesebuah negeri sebelum ini telah pun ditambah bilangannya kepada dua orang bagi setiap negeri berdasarkan kepada modul perjawatan baru yang disediakan oleh JKSM.

Begitu juga dengan penambahan Hakim Mahkamah Rendah Syariah di setiap negeri dalam masa yang sama gred jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah telah dinaikkan dari Gred 41 ke 44.

Berhubung cadangan agar suami yang belum menyelesaikan kes dengan isterinya, di Mahkamah Syariah tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan untuk berkahwin dengan wanita lain. Sebenarnya sesuatu kes di mahkamah yang difailkan sama ada oleh pihak suami atau pihak isteri akan melalui prosiding perbicaraan sehinggalah kes tersebut selesai dan mendapat keputusan. Sekiranya kes tersebut melibatkan isu penceraian dan ianya belum diputuskan oleh mahkamah, maka suami yang ingin berkahwin seorang lagi perlu mengemukakan permohonan kebenaran poligami.

Sehubungan itu faktor-faktor yang lain seperti kemampuan mengurus dan penjagaan kebajikan keluarga yang sedia ada akan dipertimbangkan. Puan Hajah Sharifah Azizah juga mencadangkan agar suami yang ingkar hadir ke Mahkamah Syariah sebanyak dua kali dikenakan hukuman tanpa membela diri. Untuk makluman Yang Berhormat, mahkamah mengendalikan kes mengikut prosiding yang diperuntukkan dalam undang-undang. Apabila suami yang terlibat dalam sesuatu tuntutan tidak hadir di mahkamah, setelah diserahkan saman untuk hadir, maka ketidakhadiran beliau tidak menjadi halangan kepada mahkamah untuk meneruskan perbicaraan. Selain itu mahkamah juga boleh mengeluarkan waran tangkap ke atas suami yang sengaja tidak menghadirkan diri ke mahkamah setelah saman disempurnakan ke atas beliau.

Berhubung cadangan Yang Berhormat agar Mahkamah Syariah mengenakan hukuman yang berat termasuk hukuman penjara kepada bapa yang tidak memberi nafkah kepada orang di bawah tanggungannya, sebenarnya setiap perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah bergantung kepada permohonan daripada pihak-pihak yang terlibat. Dalam kes kegagalan melaksanakan tanggungjawab misalnya seorang bapa tidak memberi nafkah kepada orang di bawah tanggungannya, maka sewajarnya prosiding kes, bermula dengan tuntutan pembiayaan nafkah. Selepas perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah tidak dipatuhi, maka berdasarkan kepada permohonan penguatkuasaan perintah tersebut, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara ke atas keingkaran bapa tersebut.

Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi membangkitkan hak nafkah kepada isteri diberikan secara automatik bila penceraian di perintahkan oleh mahkamah. Sebenarnya Yang Berhormat, mahkamah akan memberikan perintah berpandukan kepada permohonan yang dibuat oleh pemohon atau isteri di mahkamah. Semua pihak diberikan hak untuk memohon apa-apa perintah di mahkamah dan penjelasan berkenaan hak-hak individu boleh diperolehi dari peguam ataupun daripada Biro Bantuan Guaman.

Berhubung cadangan agar suatu perintah Mahkamah Syariah dapat dikuatkuasakan secara berterusan daripada satu prosiding tanpa perlu memfailkan satu prosiding yang baru, bagi mengurangkan beban wanita dalam kes-kes nafkah.

Sebenarnya prosiding yang diterima pakai di Mahkamah Syariah berhubung dengan sesuatu perintah ialah selepas sesuatu permohonan diluluskan dan dikeluarkan perintah oleh

mahkamah, maka adalah menjadi tanggungjawab pihak yang memperolehi perintah tersebut memfailkan tuntutan penguatkuasaan atau pelaksanaan sekiranya pihak yang diarahkan untuk berbuat sesuatu masih gagal melaksanakannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam penyusunan semula perjawatan JKSM yang telah dipanjangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan, satu bahagian yang baru dikenali sebagai Family Support Authority atau (FSA), dengan izin akan ditubuhkan untuk memantau dan memastikan setiap perintah yang dikeluarkan terus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan isu agama Islam yang boleh dijawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut akan dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk menjawab.

■ 1630

4.30 ptg.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh, saya akan cuba memberikan penjelasan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi mencadangkan kerajaan mengenakan hukuman yang lebih berat di bawah Akta Hasutan kepada penulis-penulis *bloggers* yang menggugat ketenteraman awam.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan satu Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia di bawah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial yang sentiasa memantau perkembangan terbaru di *internet*. Pemantauan ini dibuat dengan kita memberikan perhatian kepada pertumbuhan-pertumbuhan *blog-blog* dan forum-forum antarabangsa. Walau bagaimanapun, sebarang tindakan adalah terhad kepada laman *blog* yang mengandungi unsur-unsur fitnah dan hasutan yang bersifat ekstrem serta berpotensi untuk mengganggu-gugat keamanan negara. Ini adalah kerana jumlah laman web atau *blog* seperti ini adalah sangat besar di samping kerajaan juga tidak mahu terlalu menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara. Kerajaan juga tidak mahu melanggar jaminannya dalam *Bill of Guarantee*, dengan izin, yang dibuat semasa pelancaran *Multimedia Super Corridor*.

Tuan Yang di-Pertua, mana-mana penulis *blog* yang menyalahgunakan ruang *blog* mereka sama ada untuk menyebarkan fitnah atau hasutan boleh diambil tindakan di bawah akta-akta berikut, iaitu di bawah seksyen 500, Kanun Keseksaan di mana dia boleh dikenakan penjara selama tidak melebihi 2 tahun dan boleh didenda atau kedua-duanya. Untuk dia boleh diambil

tindakan di bawah seksyen 4(1)(a),(b) dan (c) di bawah Akta Hasutan 1948 di mana dia boleh didenda sebanyak tidak melebihi RM5,000 dan tidak melebihi tiga tahun penjara atau kedua-duanya dan dia boleh dikenakan di bawah seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, di mana seseorang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50 ribu dan dipenjarakan tidak lebih daripada satu tahun.

Tuan Yang di-Pertua, PDRM telah mengambil tindakan untuk menyiasat kepada beberapa *bloggers* yang dikenal pasti mungkin mengandungi unsur-unsur yang fitnah dan hasutan. Pendakwaan akan dibuat sekiranya keterangan yang dikumpulkan mencukupi dan pendakwaannya dipersetujui oleh pihak Jabatan Peguam Negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha menguatkuasakan melalui undang-undang yang sedia ada, kerajaan melalui agensi-agensi yang bertanggungjawab sentiasa mengambil langkah yang proaktif dalam memberikan kesedaran khususnya kepada pengguna-pengguna *internet*. Pengguna-pengguna diberi penerangan supaya menggunakan kemudahan *internet* ini dengan rasa tanggungjawab dan tidak mudah terpengaruh dengan sebarang maklumat yang di dalam *internet* yang belum tentu kesahihannya. Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, seperti mana yang disebut tadi, memang banyak akta yang sudah pun wujud untuk mengatasi masalah *bloggers* ini yang banyak memberi gambaran yang buruk terhadap negara kita dan kadang-kadang menjadi batu api pun terhadap beberapa isu yang tidak berasas tetapi kita nampak seperti tidak ada tindakan. Walaupun ada yang sudah dipanggil tetapi dari segi tindakan itu tidak pernah berlaku sebenarnya.

Saya tidak tahulah tetapi setakat yang saya nampak dan faham seperti tidak ada tindakan tegas dan mereka terlepas dan mereka meneruskan aktiviti mereka dan yang terbaru yang paling buruk ialah pengguna SMS. Yang ini pun saya tidak tahulah bagaimana polis mampu untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang menyebarkan maklumat-maklumat yang boleh menimbulkan ketegangan menggunakan SMS sedangkan perkara itu tidak berlaku. Saya baru-baru ini menerima panggilan telefon mengatakan ada bom di Plaza Bukit Bintang dan sebagainya. Jadi ini saya rasa antara tindakan-tindakan *desperate* tetapi terus bermaharajalela kerana seperti tidak mampu untuk diambil tindakan. Mohon penjelasan.

**Datuk Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu fenomena di mana di media elektronik termasuk *internet* dan SMS, satu perkara yang menyusahkan kita mengambil tindakan ialah pembuat SMS atau *blogger* kadang-kadang tidak menggunakan nama dan identiti sebenarnya.

Masalah kedua ialah kadang-kadang kita dapati tuan punya *bloggers*, dia masukkan *blog* dia dalam server yang diletakkan di luar negara dan ini adalah di luar bidang kuasa undang-undang yang ada untuk mengambil tindakan terhadap kandungan di mana diletak dalam server

yang di luar negara. Jadi ini adalah masalah yang dihadapi. Bagaimanapun, PDRM memang sentiasa memantau dan bila kita mengumpul bukti-bukti yang mencukupi dan boleh mendakwa, kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab ini. Setakat ini, ada lima *bloggers* telah disiasat dan ada yang telah dipanjangkan kepada pihak pendakwa raya untuk membuat keputusan sama ada mendakwa mereka atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seng telah membangkitkan kebenaran kadar jenayah yang masih lagi membimbangkan terutama melibatkan kes-kes ragut di seluruh negeri Johor. Tuan Yang di-Pertua, jumlah indeks bagi negeri Johor bagi tempoh Januari hingga November 2007 adalah berjumlah 25,803 kes berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2006. Jumlah ialah 26,069 kes iaitu penurunan sebanyak 0.9%. Daripada jumlah 26,069 kes tersebut, pihak polis telah berjaya menyelesaikan sebanyak 9,606 kes iaitu 37.2%. Bagi jenayah kekerasan, sebanyak 3,026 kes iaitu 48.4% telah diselesaikan, manakala bagi jenayah harta benda sebanyak 6,580 kes atau 33.7% telah diselesaikan.

Manakala untuk jenayah ragut, Tuan Yang di-Pertua, bilangan kes bagi tempoh Januari hingga November tahun ini adalah sebanyak 787 kes berbanding dengan 884 kes pada tempoh yang sama pada tahun lepas iaitu penurunan sebanyak 11%. Dalam 787 kes yang dilaporkan pada tahun 2007, sebanyak 437 kes, atau 5.5% telah diselesaikan. PDRM akan terus mengambil tindakan yang perlu untuk memastikan jenayah ragut adalah dalam keadaan yang terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan berterusan yang sedang dilaksanakan oleh pihak PDRM termasuk:

- (i) meningkatkan kehadiran polis di kawasan-kawasan yang berisiko tinggi. Pihak Bukit Aman telah menambah anggota polis seramai 380 orang khususnya di kawasan Johor Bahru;
- (ii) melipatgandakan operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi lain;
- (iii) pembukaan balai-balai baru bagi menambah bilangan anggota dan mengadakan rondaan dengan lebih kerap dan berkesan;
- (iv) penambahan kereta ronda atau MPV untuk tugas rondaan, khususnya di kawasan bandar dan perumahan;
- (v) menempatkan anggota polis di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai seperti stesen bas, pusat membeli-belah, pusat hiburan dan sebagainya;

■1640

- (iv) Pasukan Gerak Am, Pasukan Simpanan Persekutuan nombor II, di Johor Bahru dan Pasukan Marin Wilayah Selatan telah diarahkan untuk memberi bantuan dengan menempatkan anggota-anggota bagi

menjalankan tugas sekatan jalan raya dan rondaan. Helikopter juga digunakan bagi tugas-tugas pemantauan dari udara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan Yang Berhormat Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah mencadangkan kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas termasuk penggunaan ISA terhadap mereka ataupun mana-mana golongan yang cuba merosakkan perpaduan kaum di negara ini atau membangkitkan isu-isu perkauman yang sensitif dan tidak benar sama sekali.

Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani juga telah mencadangkan agar mereka yang terlibat menyertai demonstrasi atau perarakan haram dikenakan tindakan yang sewajarnya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sesebuah organisasi atau pertubuhan yang hendak mengadakan perhimpunan di tempat awam hendaklah memohon permit daripada pihak polis mengikut seksyen 27 Akta Polis 1967.

Sekiranya pada pandangan polis sesuatu perhimpunan itu boleh menjejaskan ketenteraman awam pihak polis boleh menolak permohonan tersebut mengikut seksyen 27(3) Akta Polis 1967 pihak penganjur boleh mengemukakan rayuan kepada Ketua Polis Negeri dalam tempoh 40 jam dan rayuan itu jika ditolak maka perhimpunan itu tidak boleh diadakan. Pihak polis juga boleh memohon kepada mahkamah di bawah seksyen 98 Kanun Tatacara Jenayah bagi melarang mana-mana awam daripada menyertai sebarang perhimpunan yang tidak mendapat kebenaran.

Apabila mahkamah telah meluluskan permohonan tersebut, perintah larangan mahkamah ini akan diumumkan kepada media massa dan ditampal di tempat-tempat awam terutama di tempat yang akan diadakan perhimpunan tersebut. Sekiranya permohonan untuk mengadakan perhimpunan awam tidak diluluskan, maka sesiapa yang masih menganjur atau menyertai perhimpunan yang haram itu mereka adalah melakukan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 27 dan boleh dihukum di bawah seksyen tersebut.

Selain daripada itu tindakan dakwaan juga boleh dilakukan melalui seksyen 186 Kanun Keseksaan iaitu menghalang penjawat awam daripada menjalankan tugas. Seksyen 145 iaitu menyertai perhimpunan awam dan enggan bersurai selepas diperintah oleh polis atau seksyen 143 iaitu menyertai perhimpunan haram dan seksyen 148 dan seksyen 149 iaitu rusuhan.

Selain daripada itu, keadaan yang mendesak dan memerlukan kerajaan juga akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri untuk menahan mereka yang mungkin menggugat ketenteraman awam. Itu cuma merupakan pilihan terakhir. Itu sahaja saya ingin menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat tentang satu, dua perkara iaitu tentang perhimpunan-perhimpunan haram ini. Kita lihat yang pertama perhimpunan yang dilakukan oleh BERSIH dan yang kedua Hindraf.

Kita nampak tindakan polis untuk mengambil tindakan ini begitu lambat sekali iaitu selepas beberapa perkara berlaku, selepas beberapa perkara berlarutan baru polis mengambil tindakan. Kenapakah polis ini lambat mengambil tindakan? Adakah ada beberapa masalah polis ataupun polis ini tidak mempunyai kuasa untuk menangkap mereka ini. Terima kasih.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Adalah tidak benar mengatakan polis lambat dalam mengambil tindakan. Sebenarnya polis telah mengumumkan dalam surat khabar bahawa permohonan untuk mengadakan perhimpunan tersebut adalah ditolak dan pihak penganjur atau pemohon diminta merayu kepada ketua polis negeri.

Selepas itu bila permohonan mereka telah ditolak pihak polis telah pun memperoleh larangan mahkamah supaya menasihatkan orang awam tidak menyertai perhimpunan yang tidak diberi permit tersebut. Apabila mereka masih mengadakan perhimpunan maka pihak polis pun mengambil tindakan yang perlu untuk menyurui mereka. Mereka yang masih menyertai maka pihak polis mengambil tindakan.

Ini jelas menunjukkan bahawa pihak polis adalah sedia mengawal dan memantau keadaan dan belum sampai ke tahap yang memerlukan kita ambil tindakan yang lebih tegas iaitu dengan penggunaan ISA. Apabila mereka masih enggan dan masih terus menyuarakan sesuatu yang memang menghasut dan juga mengancam ketenteraman awam maka pihak polis tidak ada pilihan lain melainkan menggunakan ISA.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dr. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita dimaklumkan bahawa kerajaan mungkin mempertimbangkan permohonan 31 orang daripada pendemonstrasi ini yang mengatakan alasannya ialah sebab mereka tertipu. Jadi, kalau sekiranya kita pertimbangkan sedangkan kerosakan dan mala petaka yang mereka lakukan sehingga mencederakan anggota polis sudah pun berlaku maka saya bimbang ia akan menjadi satu budaya iaitu demonstrasi dulu, kemudian merayu kata tertipu.

Apakah ini akan dibenarkan? Sebab itulah saya terkejut mereka berani pula berdemonstrasi di Kemunting untuk meminta dibebaskan peguam-peguam mereka ini. Nampak seperti mereka tidak takut pun. Jadi saya harap diberi pertimbangan yang 31 ini supaya jangan nanti ia menjadi satu budaya kalau dibenarkan.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, AG telah mempertimbangkan permohonan mereka. Untuk mereka yang didakwa dengan ketiga-tiga *charge*, kedua-dua *charges* akan diteruskan. Cuma satu *charge* iaitu cubaan untuk membunuh akan dikeluarkan dari *charges* tersebut. Ini bermakna kedua-dua *charges* yang lain akan diteruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Yaakob.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Majoriti rakyat kita memang mengutuk tindakan perarakan jalanan dan kita tahu tindakan polis mendapat sokongan dari rakyat negara kita maka saya mengucapkan tahniah kepada pihak polis di atas

kecekapan mengembalikan ketenteraman awam. Apa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan tindakan di negara kita reman 14 hari manakala ia menjadi persoalan, dan begitu juga tindakan ISA menjadi persoalan di negara Amerika dan cuba untuk menegur kita. Kalau dilihat di UK tindakan reman dibenarkan sampai 28 hari tetapi di negara kita hanya 14 hari.

Manakala isu di Amerika di Teluk Guantanamo yang mana tahanan Iraq yang dilayani begitu kejam tanpa mendapat sokongan dunia. Namun, Amerika menuding jari agar negara kita memberi satu keadilan kepada tahanan ISA. Amerika dan banyak negara lain menggunakan ISA dengan kata-kata lain, istilah lain, undang-undang lain tetapi konsepnya tetap sama. Apa pandangan Yang Berhormat?

■1650

**Datuk Fu Ah Kiow:** Mereka ini memang sentiasa bersikap begitu. Sebenarnya mereka adalah hipokrit dalam pengkritikan mereka. Mereka mengamalkan menangkap dan menahan orang di Guantanamo tanpa perbicaraan dan mereka juga ada undang-undang yang boleh mengambil tindakan serangan *pre-emptive* terhadap lain-lain negara. Mereka masih ingin mengkritik negara lain yang berasas kepada negara kita dan menggunakan undang-undang dalam sesebuah negara untuk menjaga keselamatan untuk negara kita.

Jadi ini adalah cara dan hipokrisi USA dan kita tidak perlu dan kena ketepikan dan mengutuk sikap tersebut. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Bagi kementerian berikutnya, Kementerian Pertahanan telah bersetuju untuk bertukar giliran jawab dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sekarang saya minta Yang Berhormat yang mewakili Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menjawab.

4.51 ptg.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi semasa perbahasan Bajet 2008 di peringkat dasar Dewan Negara pada kali ini.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang bertanya tentang tindakan agensi penguat kuasa selepas berlaku satu kemalangan pengangkutan awam. LPKP sebagai sebuah agensi penguat kuasa mempunyai prosedur tindakan penguatkuasaan. Apabila berlaku satu-satu kemalangan terutamanya yang melibatkan kemalangan maut.

Garis panduan dan prosedur tindakan diambil dalam tempoh 30 hari bekerja apabila berlakunya kemalangan yang melibatkan pengangkutan awam yang dilesenkan di bawah LPKP. Cara prosedur tindakan yang akan diambil adalah seperti berikut:

- (i) apabila berlaku kemalangan maut, pelesenan perlu mengemukakan laporan awal kepada LPKP dalam tempoh 24 jam;
- (ii) LPKP juga akan mendapatkan maklumat daripada pihak PDRM;
- (iii) notis *inquiry* dikeluarkan, proses auditan dan *inquiry* terhadap syarikat akan dilakukan dalam tempoh tujuh hari selepas kemalangan;
- (iv) notis surat tunjuk sebab dalam tempoh 14 hari dikeluarkan berasaskan kepada keputusan *inquiry*;
- (v) laporan penguatkuasaan berasaskan keputusan *inquiry* dan surat tunjuk sebab dikemukakan kepada lembaga; dan
- (vi) keputusan lembaga dakwa, batal atau gantung atau amaran atau kompaun dikenakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin Ambok turut membangkitkan masalah konsortium bas ekspres. Kerajaan mengambil maklum cadangan Yang Berhormat untuk mewujudkan konsortium bas ekspres. Dalam usaha ini, untuk meningkatkan pemantauan penguatkuasaan ke atas syarikat dan sistem operasi bas ekspres dari segi pemantauan kepada syarat-syarat lesen termasuk pengurusan pemandu, pengurusan kenderaan, pengurusan perjalanan dan risiko dan sistem pengurusan dokumen dan memantau pergerakan fizikal bas dari segi pemantauan laluan, had laju melalui penggunaan teknologi, *global positioning system* atau GPS akan diadakan termasuklah cadangan Yang Berhormat tadi supaya kita adakan *check point* di setiap kali bas berhenti di tempat-tempat tertentu untuk mendapat giliran kepada pemandu-pemandu baru.

Juga pandangan saya, cadangan Yang Berhormat untuk dinamakan pemandu bas ekspres kepada *flip express pilot*. Saya akan kemukakan kepada lembaga pengarah untuk menentukan sama ada sesuai atau tidak nama tersebut untuk dikemukakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahulah sesuai atau tidak sesuai nama itu. Sebab pilot ini biasanya kalau kita terjemah maksudnya juruterbang. Jadi maksudnya, hendak suruh lagi bas drebar itu bawa itu terbang laju. Sudahlah bas ekspres pun banyak terkorban, kemudian hendak sebut juruterbang. Dia akan bawa lagi laju macam dia bawa kapal terbang, lagi laju. Jadi saya rasa tidak sesuai. Cari nama lainlah.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Itu Yang Berhormat kena tanya Dato' Kamarudin Ambok, dia yang mengemukakan. Jadi saya hendak kemukakan perkara ini kepada lembaga pengarah dan saya juga sependapat sudah tentu ia akan ditolak. Jadi terima kasih Yang Berhormat.

Saya juga tertarik dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin berhubung dengan keperluan meningkatkan tahap kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di seluruh negara amnya dan Lembah Klang serta Pulau Pinang khususnya. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin,

semua pihak menyedari bahawa tahap kualiti perkhidmatan pengangkutan awam di negara kita masih berada di tahap yang tidak memuaskan. Namun usaha-usaha bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan awam telah dan sedang diambil oleh kementerian. Antaranya ialah langkah-langkah yang telah diambil seperti:

- (i) menetapkan had usia kenderaan pengangkutan awam;
- (ii) membuat kajian tentang kualiti perkhidmatan pengangkutan awam; dan
- (iii) perwujudan tabung pembangunan pengangkutan awam dengan peruntukan sebanyak RM200 juta bagi membiayai pembelian kenderaan baru, penggantian kenderaan dan peningkatan kualiti kenderaan.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Dr.

Haji Mohd. Puad bin Zarkashi yang mencadangkan supaya GLC mencontohi FELDA membina MRSM FELDA. Untuk makluman Senator Dr. Haji Mohd. Puad, pada masa ini kementerian belum menerima cadangan dari mana-mana GLC untuk menubuhkan MRSM seperti mana kaedah pelaksanaan MRSM di FELDA. MRSM sentiasa mengalu-alukan permohonan GLC untuk menubuhkan MRSM dengan kaedah berikut, iaitu kaedah pembinaan bangunan infrastruktur dan tapak ditanggung GLC berkenaan. Manakala pengisian tenaga pengajar, kos pentadbiran, kurikulum akan disediakan oleh MARA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Senator Puan Hajah Sharifah Aizah binti Dato' Syed Zain yang mahukan penjelasan mengenai keupayaan Pusat Giat MARA dalam melahirkan belia yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam sektor perkilangan. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat, pada masa ini prinsip penubuhan Giat MARA adalah satu Pusat Giat MARA bagi satu kawasan Parlimen dan setiap Parlimen ada Giat MARA. Kurikulum Pusat Giat MARA ditentukan berasas keperluan kilang-kilang dan industri tempatan dan juga luar kawasan. Modul kursus yang berkaitan dengan kilang-kilang dan industri adalah seperti automatif, mekanikal, sivil, marin, elektronik dan *electrical*.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, bilangan pelatih Pusat Giat MARA yang mengikuti latihan tersebut adalah seramai 163,139 orang. Manakala bilangan lepasan pelatih Giat MARA yang telah pun mendapat pekerjaan di kilang-kilang dan industri ialah seramai 122,350 orang. Saya juga tertarik dengan cadangan daripada Yang Berhormat ....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Ya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Adakah penubuhan Giat MARA ini hanya bertujuan untuk melahirkan lepasan Giat MARA bekerja di kilang sahaja dan mendidik mereka untuk menjadi usahawan yang berjaya?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Giat MARA bukan sahaja melayakkan mereka untuk jadi usahawan, tetapi mereka juga kita adakan program *conversion*. Contohnya apabila kita beri latihan dalam kurikulum automatif, kita galakkan dia buka

bengkel membaiki motor ataupun motokar dan kita sedia juga pinjaman, pembiayaan daripada TEKUN mahupun dari MARA supaya pengusaha ini dapat maju dan menggerakkan dirinya sebagai usahawan. Penempatan pelajar di kilang-kilang itu hanyalah merupakan, kita galakkan mereka pergi seolah-olah mereka pergi untuk melatih ataupun membudayakan diri mereka dari bidang perniagaan. Terima kasih... [Duduk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Teruskan Yang Berhormat.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** [Ketawa] Saya ingat...[Ketawa] Maaf Yang Berhormat.

Saya juga tertarik dengan cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin yang mencadangkan supaya tiap-tiap koperasi mempunyai sekurang-kurangnya produk khusus terutama koperasi di luar bandar ataupun lebih jelas satu koperasi satu produk.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Husin, pada masa ini Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui Jabatan Pembangunan Koperasi telah memilih beberapa daerah sebagai daerah angkat dalam membangunkan satu daerah satu industri. Setakat ini kita telah pun mempunyai hampir melebihi 10 kawasan yang telah pun mempunyai satu daerah satu industri. Contohnya ialah seperti Koperasi Pengusaha-pengusaha Kolam Ikan Bhd. yang berada di Pahang akuakultur. Di situ seluruh kampung itu telah menjalankan usahawan ikan dan dengan sendirinya koperasi induk akan menjadikan koperasi yang akan memasarkan dan meningkatkan kualiti ataupun membuat pemasaran yang lebih berkualiti.

#### ■ 1700

Setakat ini terdapat juga di Sarawak projek Atap Genting, oleh sebab di kawasan itu ramai yang membuat atap genting seluruh kampung itu diminta supaya buat atap genting dan diwujudkan koperasi. Hari ini permintaan begitu baik dan koperasi di kampung itu ternyata berjaya. Inilah harapan kerajaan supaya setiap daerah mewujudkan koperasi dengan satu produk atau dua produk.

Terdapat juga kampung yang telah pun di kawasan bendang tempat tanam padi, terdapat sesuai untuk ternakan itik. Di situ apabila dia ternak itik, dia hasil telur dan telur itu dijadikan makanan telur masin dan koperasi telah pun menjalankan projek memasarkan telur masin dengan jayanya.

MECD juga telah menubuhkan Majlis Pembangunan Usahawan Daerah untuk menyelaras pembangunan dan seterusnya memberi tanggungjawab kepada Jabatan Pembangunan Koperasi untuk memantau dan memastikan kejayaan projek ini. Di antara program-program yang dilaksanakan di dalam daerah angkat tersebut adalah;

- (i) memberi bantuan yang membina kilang pengeluaran sebagai modal pusingan;

- (ii) menjalankan pembangunan dan penyelidikan R&D dengan kerjasama SIRIM bagi meningkatkan daya saing dan kualiti produk supaya dapat diperluaskan dari segi pemasaran;
- (iii) menyediakan infrastruktur asas bagi mengukuhkan pembangunan produk;
- (iv) membuat pemantauan dan kawal selia bagi memastikan pembangunan produk yang berterusan; dan
- (v) menjalankan promosi dan pemasaran produk.

Saya juga mengambil maklum cadangan daripada Senator Puan Siw Chun a/p Eam yang mencadangkan supaya MECD membantu membiayai golongan ibu tunggal dan golongan kurang upaya membuka pusat latihan urutan tradisional.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedia membantu usahawan-usahawan ibu tunggal dan orang kurang upaya untuk membuka pusat urut tradisional dari segi pembiayaan dan ruang niaga melalui agensi-agensi kementerian seperti MARA, TEKUN dari segi latihan. Institut Keusahawanan Negara ada memberi latihan asas kepada OKU, latihan dari segi teknikal boleh dipertimbangkan sekiranya ada permohonan dari pihak berkenaan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan hidup berdikari golongan berkenaan.

Pada masa ini pihak kementerian ada memberi latihan keusahawanan *'health and spa'* kepada usahawan di mana OKU juga boleh turut serta. Jadi Yang Berhormat, yang ini bolehlah Yang Berhormat kalau nak uruskan pusat latihan mengurus. Yang Berhormat boleh atur dengan kementerian bagi menyusun program tersebut.

Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan terutamanya berkaitan secara terus dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#### **5.04 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2008 di peringkat dasar, yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad dan Yang Berhormat Senator Tuan Majjol bin Mahap telah membangkitkan isu keperluan untuk membina lebih banyak rumah kos rendah untuk golongan pendapatan rendah dan setinggan. Berhubung dengan perkara ini adalah menjadi hasrat kerajaan untuk menyediakan kemudahan perumahan yang mencukupi dan

berkualiti bagi semua golongan masyarakat di negara ini dengan memberi keutamaan kepada pembinaan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah dan juga setinggan.

Bagi tujuan tersebut pelbagai program perumahan kos rendah telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri serta pihak swasta yang sentiasa berganding bahu bagi memastikan penyediaan rumah-rumah kos rendah dan kos sederhana yang mencukupi bagi membantu golongan berpendapatan rendah memiliki atau menyewa rumah terutama di kawasan bandar.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah menganggarkan sebanyak 165,400 unit rumah kos rendah dan 85,500 unit rumah kos sederhana rendah akan dilaksanakan di seluruh negara oleh pihak kerajaan dan swasta.

Selain dari itu Jabatan Perumahan Negara akan melaksanakan sebanyak 9,550 unit Program Perumahan Rakyat sebagai tambahan kepada 71,000 yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Secara umumnya purata kos pembinaan seunit rumah kos rendah ialah antara 50,000 sehingga 60,000 di Semenanjung Malaysia, di antara 75,000 hingga 85,000 di Sabah dan Sarawak. Kos tersebut melibatkan kos pembinaan bangunan dan kos penyediaan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan berkaitan. Bagi menghadapi keadaan tersebut pemaju-pemaju swasta lazimnya menyerap kos lebihan rumah-rumah kos rendah ke dalam harga rumah jualan rumah jenis lain yang dilaksanakan. Sementara itu bagi projek-projek perumahan kos rendah yang dibina oleh kerajaan, lebihan kos adalah ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan dalam bentuk subsidi bagi meringankan beban golongan berpendapatan rendah.

Mengenai saranan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya disediakan rumah yang sesuai, selesa dan berkualiti bagi golongan berpendapatan rendah, kementerian ingin memaklumkan bahawa kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah menyediakan standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah jenis rumah pangsa (CIS2) serta keperluan perancangan dan undang-undang pembangunan yang perlu dipatuhi oleh semua pemaju perumahan termasuk agensi kerajaan.

Piawaian tersebut menekankan aspek pematuhan bagi pemaju perumahan dari segi mematuhi dan juga memenuhi aspek keselamatan, kesihatan sesuai didiami sebagai tempat berlindung dan terjamin dalam memastikan aspek kualiti setiap rumah yang dibina diberi keutamaan. Standard tersebut disediakan dengan mengambil kira keperluan masyarakat dan budaya di negara kita, di mana rumah kos rendah yang dibina hendaklah mengandungi tiga bilik tidur, dua bilik air, ruang dapur dan ruang tamu dengan keluasan lantai minimum keseluruhan hendaklah tidak kurang daripada 60 meter persegi atau 650 kaki persegi atau lebih. Standard tersebut juga merangkumi ....

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat minta laluan.

**Dr S. Subramaniam:** Ya, sila.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Saya ingin bertanya Yang Berhormat, 650 kaki persegi adakah ia cuma kawasan kediaman ataupun dia termasuk dengan kawasan koridor? Sebab di setengah-setengah negeri kawasan koridor dikira sebagai *built-up area*. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?.

**Dr S. Subramaniam:** 650 kaki persegi ialah kawasan kediaman sebenarnya dan ini ialah apa yang ditetapkan di dalam dia punya peruntukan dan ini patut diikuti oleh pihak-pihak yang membina rumah itu.

Selain itu kementerian melalui Akta Perancangan Bandar dan Desa juga menggariskan keperluan-keperluan yang perlu disediakan seperti kemudahan kawasan lapang, taman-taman permainan dan pelbagai kemudahan awam yang berkaitan. Semua langkah-langkah diambil bagi memastikan kawasan-kawasan perumahan dibina dengan lengkap ke arah meningkatkan taraf hidup masyarakat. Walau bagaimanapun, di bawah CCC pihak perunding adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kualiti sesuatu pembinaan sebelum CCC dikeluarkan.

Yang Berhormat Senator Tuan Majid bin Mahap telah membangkitkan isu rumah kos rendah di negeri Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada program perumahan rakyat terdapat juga agensi-agensi lain seperti SPNB yang melaksanakan program perumahan mampu milik serta pihak swasta yang turut menyediakan kemudahan perumahan kos rendah di negeri Sabah untuk dijual kepada golongan berpendapatan rendah yang memerlukan perumahan sedemikian. Sehingga ini, SPNB telah melaksanakan sebanyak 30 projek program perumahan mampu milik yang melibatkan 29,915 unit manakala sebanyak 5,926 unit rumah kos rendah telah dibina oleh pihak swasta di negeri Sabah.

#### ■1710

Kerajaan juga telah melaksanakan sistem pendaftaran terbuka berkomputer. Ia mewujudkan satu mekanisme yang seragam bagi mendaftarkan permohonan membuat pemilihan dan pengagihan perumahan kos rendah kepada golongan sasarannya. Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membangkitkan beberapa isu berkenaan perumahan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebagai salah satu strategi dalam mengurangkan kemiskinan tegar di kawasan bandar serta mencapai hasrat setinggian sifar terutamanya di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Johor Bahru dan sebagainya adalah melalui pelaksanaan PPR untuk disewa terutamanya oleh golongan setinggian di samping rakyat berpendapatan rendah. Dalam Bajet 2008, sebanyak RM210 juta peruntukan untuk membina sebanyak 10 projek yang melibatkan 5,196 unit rumah untuk disewa di seluruh negara. Di samping itu, sebanyak 25 projek yang melibatkan 4,354 unit rumah untuk dimiliki juga akan dilaksanakan pada tahun 2008. Harga jualan PPR di seluruh negara telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu pada kadar RM35,000 dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak. Kadar tersebut

diputuskan setelah mengambil kira kemampuan golongan berpendapatan rendah untuk membayar balik pinjaman bagi membiayai pembelian rumah-rumah tersebut.

Bagi golongan sasaran yang tidak mampu membelinya, mereka boleh memohon untuk menduduki rumah PPR disewa dengan kadar sewa RM124.00 sebulan dan kementerian sentiasa berusaha bagi meningkatkan kualiti rumah-rumah PPR yang dibina dan dalam konteks tersebut. Kos pembinaan sebenar rumah-rumah tersebut bukanlah faktor penentu kepada kualiti rumah yang dibina di mana kerajaan akan menanggung lebih kos pembinaan rumah-rumah tersebut di dalam bentuk subsidi kepada rakyat. Kementerian merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan G. K Loga Chitra ke arah menambahbaikkan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat yang sedang dan akan dilaksanakan pada masa-masa akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, adalah menjadi dasar dan merupakan kriteria utama di mana pemilihan tapak-tapak projek PPR mestilah terletak berhampiran dengan kemudahan awam seperti kemudahan pengangkutan awam, sekolah, rumah ibadat, padang permainan dan kedai di samping telah mempunyai kemudahan asas seperti bekalan elektrik, bekalan air, sistem jalan raya dan sebagainya. Faktor-faktor tersebut diambil kira bukan sahaja bertujuan untuk memberi keselesaan kepada penghuni PPR berkenaan tetapi dalam masa yang sama dapat mengurangkan kos pembangunan keseluruhan projek apabila penyediaan kemudahan tersebut tidak perlu dimasukkan dalam kos pembangunan projek.

Untuk maklumat Yang Berhormat Senator Puan G. K Loga Chitra, tentang projek-projek terbengkalai, sehingga bulan November tahun ini, daripada 1,155 projek yang masih terbengkalai 22 projek sedang dalam pembinaan oleh pemaju asal, pemaju baru dan Syarikat Perumahan Negara. Sebagai langkah mempercepatkan usaha pemulihan, sebanyak 54 projek telah diserahkan kepada SPNB oleh kementerian ini. Pada masa ini, satu kajian bagi mengelak projek perumahan daripada sakit dan lewat telah dilakukan. Susulan itu, beberapa penambahbaikan sedang dilaksanakan hasil daripada kajian yang telah dibuat.

Dalam menambahbaikkan sistem pemantauan projek perumahan swasta, KPKT akan bekerjasama dengan pihak MAMPU ke arah penambahbaikan sistem penghantaran laporan 7F melalui portal *e-government* supaya proses penghantaran lebih lancar. Penekanan juga diberikan kepada pemantauan secara terus kepada tapak projek bagi memastikan kemajuan di setiap tapak mengikut jadual yang ditetapkan.

Kerajaan juga akan memberi perhatian serius kepada pemantauan dan penguatkuasaan laporan akaun beraudit selaras dengan seksyen 7(e), Akta Pemajuan Perumahan dan Akaun Pemajuan Perumahan iaitu HD *account* yang bertujuan untuk memastikan status kewangan pemaju adalah stabil untuk meneruskan pemajuan perumahan. Perhatian serius kepada aspek penguatkuasaan Akta 118 iaitu Akta Pemajuan Perumahan akan dipertingkatkan melalui lawatan premis yang lebih kerap, semakan iklan pemajuan perumahan di akhbar, papan tanda dan brosur

serta penerimaan permohonan perumahan. Penguatkuasaan adalah termasuk tindakan pendakwaan, pengkompaunan dan menyenaraihitamkan pemaju-pemaju yang bermasalah. Dalam hubungan ini juga, kerajaan akan memapar senarai nama pemaju yang telah melakukan kesalahan di laman web KPKT untuk makluman orang ramai.

Selain itu, kerajaan telah menambahbaikkan sistem pengendalian aduan perumahan dengan mengguna pakai sepenuhnya sistem aduan bersepadu yang dapat memendekkan tempoh proses satu-satu aduan. Kementerian juga sedang mengkaji jenis aduan dan kekerapan pelanggaran Akta 118...

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Ya, Yang Berhormat. Terima kasih. Di dalam senario yang ada sekarang ini, kita melihat bahawa banyak harga-harga bahan binaan telah naik begitu mendadak. Adakah masalah-masalah yang dialami pemaju perumahan dan aduan-aduan daripada pembeli-pembeli rumah ini telah dilaporkan kepada pihak kementerian?

**Dr. S. Subramaniam:** Ahli Yang Berhormat, perkara tentang kenaikan harga selalu dimajukan oleh pihak pemaju kepada kementerian. Selain daripada rumah kos rendah, harga rumah-rumah lain mengikut harga pasaran dan ia akan naik dengan kenaikan harga dan turun dengan keturunan harga mengikut apa yang diperlukan di dalam pasaran. Akan tetapi untuk rumah-rumah kos rendah, kerajaan mempunyai satu tanggung jawab untuk memastikan rumah kos rendah yang cukup dibina untuk golongan-golongan ini.

Oleh itu di dalam pembinaan rumah kos rendah oleh kerajaan sendiri, kelebihan kos pembangunan ini ditanggung oleh kerajaan dan untuk pemaju-pemaju swasta, perkara ini mereka mengharap di dalam kos rumah-rumah lain yang dibina. Walaupun ada cadangan permohonan daripada pihak mereka untuk kaji balik harga rumah kos rendah, kerajaan sampai sekarang tidak membuat apa-apa keputusan tentang menaikkan harga rumah kos rendah pada masa sekarang. Kementerian juga sedang..

**Dato' Yip Kum Fook:** Laluan. Terima kasih, saya tertarik dengan istilah projek sakit. Ini memang satu istilah istimewa daripada KPKT. Apakah tindakan yang akan diambil oleh KPKT mengenai projek sakit ini? Sekian, terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Projek sakit ialah projek yang tidak mengikut jadual pembangunan semasa kita tengok. Tujuan mempunyai satu istilah sedemikian ialah untuk memberi peluang kepada kementerian untuk tengok projek dengan lebih mendalam dan lebih teliti, panggil pemaju itu, kaji dengan mereka isu-isu dan masalah yang mereka hadapi. Kalau ada aspek-aspek di mana kerajaan boleh bantu mereka, contohnya kalau isu-isu berkenaan dengan kerajaan iaitu di dalam kelulusan, permohonan atau apa, di dalam hal itu, kementerian turut memberi apa-apa bantuan yang boleh diberi.

Kita kaji supaya di dalam hal itu, contohnya di dalam kemampuan kewangan, kalau kita berpendapat bahawa satu-satu pemaju, projek yang dibuat oleh mereka tidak maju dengan lancar dan kalau mereka membuat permohonan untuk projek-projek yang lain untuk dibangunkan

pada masa sekarang. Kita akan memberi nasihat kepada mereka bahawa projek yang sudah dicadangkan itu dihabiskan sebelum mereka boleh diberi kelulusan untuk projek-projek yang akan datang.

■ 1720

So, tujuan pada keseluruhannya ialah untuk mengambil tindakan-tindakan pada masa yang lebih awal supaya projek ini tidak sampai jadi projek terbengkalai, bila kita tidak boleh memberi apa-apa bantuan. Itulah tujuan mengadakan beberapa jenis istilah dan membuat beberapa jenis klasifikasi untuk projek-projek perumahan yang menghadapi masalah.

Kementerian juga sedang mengkaji jenis kekerapan pelanggaran akta pemaju perumahan dan peraturan yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pemaju perumahan dan orang lain. Beberapa aktiviti telah dan akan dilaksanakan termasuk mesyuarat berkala bersama para pemaju perumahan, badan-badan profesional dan NGO serta kempen kesedaran berkaitan hak-hak pembeli rumah di pameran-pameran hartanah yang dianjurkan oleh pihak swasta.

Yang Berhormat Senator Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi telah membangkitkan isu berkenaan dengan program pembasmian kemiskinan bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan melaksanakan program pembasmian kemiskinan bandar atau PPKB sejajar dengan matlamat RMK-9 iaitu untuk membasmi kemiskinan tegar dan mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan kepada 2.8% menjelang tahun 2010. Program Pembasmian Kemiskinan Bandar akan dilaksanakan secara *household* dan *target specific approach* mengikut kumpulan sasar yang dikenal pasti di bandar-bandar termasuk golongan setinggan dan ibu tunggal berdasarkan pendapatan garis kemiskinan yang telah ditetapkan di bawah RMK-9.

Kementerian menyambut baik akan cadangan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad mengenai cadangan agar mengadakan pemantauan ke atas peminta-peminta sedekah di bandar-bandar besar dalam usaha untuk membasmi kemiskinan bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan pemantauan ke atas peminta sedekah di bandar-bandar adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat. Peminta sedekah yang benar-benar miskin boleh diberi bantuan jika ia mematuhi kriteria yang ditetapkan mengikut projek-projek di dalam program pembasmian kemiskinan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy, setiap keputusan yang dibuat oleh KPPT adalah berdasarkan kepada garis panduan dan tatacara yang telah ditetapkan bagi pemberian apa-apa bantuan termasuk bantuan sewa rumah untuk warga miskin melalui Program Pembasmian Kemiskinan Bandar mengikut kelayakan pemohon. Bantuan sewa rumah meliputi semua jenis rumah kecuali rumah setinggan serta rumah program sewa, kemudian beli milik kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, bantuan sewa rumah di bawah PPKB tidak termasuk pemberian kepada golongan yang tidak berkemampuan membayar ansuran rumah dengan pihak bank. Dalam usaha membantu golongan berpendapatan rendah, kementerian melalui bahagian Skim Pinjaman Perumahan sedang membuat kajian ke atas nilai pinjaman yang akan diberikan dan juga syarat-syarat pinjaman.

Mengenai bantuan kepada golongan *instant poor* seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pula, program pembasmian kemiskinan turut memberi bantuan ihsan kepada golongan miskin yang kematian ketua keluarga dan bantuan-bantuan lain jika memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Mengenai bantuan kos rawatan dialisis kepada golongan miskin pula, bantuan ini sememangnya diberikan kepada yang layak tanpa mengira di mana perkhidmatan diperolehi.

Yang Berhormat Senator Tuan M. Munusamy juga telah membangkitkan isu-isu tentang pegawai penguat kuasa di pihak berkuasa tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setiap Pegawai Penguat Kuasa PBT sentiasa didedahkan kepada tatacara dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan bagi mengelakkan berlakunya kes ketidakpatuhan kepada prinsip-prinsip hak asasi sebagai mana digariskan dalam bahagian Perlembagaan Persekutuan. Isu berhubung sensitiviti kaum, agama dan budaya sentiasa diambil kira dalam menjalankan tugas agar tidak menimbulkan perkara yang tidak diingini dari berlaku. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Selangor mengadakan Siri Kursus Asas Penguatkuasaan kepada Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa PBT bagi meningkatkan kualiti penguatkuasaan, peraturan dan undang-undang kecil PBT. Selain itu, pegawai-pegawai dan kakitangan penguat kuasa PBT juga digalakkan untuk mengikuti kursus...

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dr. S. Subramaniam:** Ya.

**Dato' Omar bin Faudzar:** Yang Berhormat, saya hendak tanya Yang Berhormat di Pulau Pinang, kita ada dua PBT, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Prai, tapi Majlis Perbandaran Seberang Prai, setiap projek perumahan, kita tak dimestikan untuk beri satu tapak untuk kegunaan keagamaan bangsa-bangsa lain, kecuali tapak surau tapi di Majlis Perbandaran Pulau Pinang, di satu negeri, dua PBT diperlukan kita menyediakan tapak untuk bangsa-bangsa lain. Jadi kenapa ada dua yang berlainan di dalam satu negeri Yang Berhormat.

**Dr. S. Subramaniam:** Yang Berhormat, kementerian telah mengeluarkan beberapa garis panduan untuk digunakan oleh pihak PBT semasa mereka meluluskan segala permohonan projek pembangunan dan di situ ada aspek untuk memberi tapak untuk kegunaan orang Islam dan ada garis panduan yang menetapkan kepadatan penduduk bukan Islam untuk menyediakan tapak untuk kegunaan rakyat yang terdiri daripada bukan Islam. Oleh itu, ini adalah perkara yang

ada garis panduan dan dengan syarat-syarat yang tertentu tapi ada PBT yang melaksanakannya, dan ada PBT yang tidak melaksanakannya.

Bererti di dalam *one-stop-centre* sekarang, yang telah dikelola oleh pihak Kementerian, di mana ada Ahli-ahli Majlis juga menyertai di dalam *one-stop-centre* yang menjadi pihak yang meluluskan permohonan-permohonan ini, kita telah menekankan bahawa isu-isu ini akan diberi tumpuan yang lebih baik, kerana pada mulanya tapak disediakan dan lepas itu kalau tiada keperluan untuk menggunakan tapak itu, pada masa itu PBT boleh menggunakan tapak itu untuk kegunaan yang lain, tetapi pada asalnya kalau tidak disediakan, pada akhirnya jika diperlukan, maka pada masa itu untuk cari tapak di kawasan-kawasan itu akan jadi satu isu yang besar. Oleh itu kita berharap di dalam peraturan yang kita telah buat pada masa sekarang, perkara ini tidak akan wujud lagi.

Selain itu, pegawai-pegawai dan kakitangan digalakkan untuk mengikut kursus yang telah dianjurkan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan iaitu ILKAP.

Yang Berhormat Senator Puan G. K Loga Chitra telah membangkitkan isu tentang pembinaan pusat jagaan kanak-kanak oleh PBT. Kementerian telah mengeluarkan garis panduan perancangan bagi kemudahan masyarakat yang menggariskan piawaian untuk penyediaan taman didikan anak-anak atau tadika atau taska. Menurut piawaian tersebut, tadika perlu disediakan di setiap kawasan penempatan iaitu satu tadika bagi setiap unit perumahan yang terdiri dari 2,500 penduduk. Lokasi tadika dengan kawasan kediaman adalah dalam jarak berjalan kaki atau lima minit masa berjalan kaki, dan taska hendaklah disediakan mengikut permintaan tempatan di mana perlu dan lokasi taska boleh ditempatkan di kawasan perumahan atau kompleks pejabat dan keluasan minimum yang diperlukan ialah 740 meter persegi atau 8,000 kaki persegi.

Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang telah membangkitkan isu tentang penyediaan garis panduan *gated community*. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang menyediakan garis panduan komuniti berpagar atau *gated community* dengan bantuan khidmat perunding dan garis panduan ini dijangka siap untuk diterima pakai sebelum penghujung tahun 2008.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Tuan Khoo Soo Seang juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui JPPD iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, dalam proses menyemak beberapa garis panduan yang dikeluarkan untuk digunakan oleh PBT, dalam semakan Garis Panduan Perumahan ini cadangan penyediaan lorong basikal akan diambil kira dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada penggunaan kereta dan menjimatkan kegunaan petroleum dan menggalakkan masyarakat yang lebih sihat.

Yang Berhormat Puan Siw Chun telah membangkitkan perkara tentang tempat pembakaran mayat bagi kaum Siam dan orang bukan Islam. JPPD iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa akan mengeluarkan garis panduan perancangan tanah perkuburan bukan Islam bagi menguruskan jenazah bukan Islam. Selain itu di peringkat PBT masing-masing, mengguna pakai peruntukan Undang-Undang Kecil Krematorium bagi hal berhubung pembakaran mayat bukan Islam di kawasan-kawasan mereka tersebut.

■1730

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain telah membangkit isu tentang pembinaan rumah-rumah ibadat tanpa kebenaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam penggubalan garis panduan bagi pembinaan rumah ibadat bukan Islam, semua ketua kaum akan dijemput untuk membuat perbincangan awal bagi mendapatkan isu-isu utama, dan maklum balas dari ketua-ketua kaum tersebut. Buat masa ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengumpul maklumat kaji selidik dan inventori tempat-tempat ibadat bukan Islam di seluruh Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook, garis panduan penamaan jalan-jalan atau taman awam PBT merupakan satu garis panduan yang diguna pakai oleh PBT dalam menamakan sesuatu jalan atau taman awam. Dalam masa yang sama, satu Jawatankuasa Penamaan Jalan Geoteknikal diwujudkan di bawah Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia. Jawatankuasa Penamaan Jalan atau Jawatankuasa Teknikal di peringkat PBT akan mengenal pasti atau membincangkan perkara berhubung sama ada sesuatu nama taman atau jalan yang dicadangkan bersesuaian dan selaras dengan kehendak dari segi penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul.

Peruntukan seksyen 68 [Akta 171], membolehkan PBT dengan persetujuan kerajaan negeri untuk menetapkan atau mengubah nama bagi tempat ataupun taman perumahan. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 28 November 2001, telah memutuskan supaya PBT merujuk terlebih dahulu kepada KPKT sebelum mengambil tindakan menukar nama jalan-jalan tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa lama lagi Yang Berhormat perlu untuk menghabiskan jawapan?

**Dr. S. Subramaniam:** Habis lagi 5 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, saya benarkan.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook, Akta 171 memberi kuasa kepada PBT untuk mengenakan satu kadar kepegangan di kawasan masing-masing. Kaedah pengiraan dinyatakan dalam seksyen 130, [Akta 171], iaitu berdasarkan peratusan nilai tahunan atau nilai tambah sesuatu pegangan. Di bawah seksyen 148 [Akta 171], PBT boleh mengambil tindakan untuk menuntut tunggakan melalui notis dan kemudian dengan sitaan harta-harta alih.

Seksyen 137 memperuntukkan bahawa kadar nilai atau taksiran perlu disemak semula setiap lima tahun. Sungguhpun seksyen 137 membenarkan PBT untuk menyemak semula kadar nilai setiap lima tahun, hanya segelintir sahaja PBT yang melaksanakannya tertakluk kepada kebenaran kerajaan negeri.

Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu...

**Dato' Yip Kum Fook:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Dato' Yip bangun.

**Dr. S. Subramaniam:** Oh ya, sila.

**Dato' Yip Kum Fook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita telah sentuh berkenaan dengan taksiran. Ini akan menjadi isu yang paling hangat pada tahun depan. Tadi saya sudah katakan di dalam Akta Kerajaan Tempatan, seksyen 108 2(C), notis itu boleh dihantar dengan pos biasa sahaja dalam akta tetapi mengikut *Interpretation Act, section 12, service by post* bermakna mesti dengan *registered*. Jadi banyak tidak diamalkan oleh banyak PBT. So, saya berharap KPKT dapat memberitahu kepada semua PBT sekiranya hendak menyita suatu premis mestilah melalui *registered post* mengikut *Interpretation Act*. Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat, kita akan mengambil kira pandangan yang dibuat. Akhir kata sekali lagi saya ingin mengucapkan berbilang-bbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Segala cadangan dan pandangan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.35 petang.***